



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



**KOLEKSI TEKS UCAPAN
MENTERI PERPADUAN NEGARA
JILID 2 (JULAI-DISEMBER)
2025**

**KOLEKSI TEKS UCAPAN
MENTERI PERPADUAN NEGARA
JILID 2 (JULAI – DISEMBER)
2025**

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

CHM DR. SHATESH KUMAR SANGAR

Setiausaha Akhbar
Menteri Perpaduan Negara

FAUZIAH BINTI ABDULLAH

Ketua Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Perpaduan Negara

KETUA PENGARANG

NUR EMIELIANA BINTI ISHAK

PENGARANG

NUR FARHANA ABDUL RAZAK
AIMAN MUZZAMMIL BIN SUHAIMEE
AZRAM FEERDAUS BIN ZAINAL ABIDIN

JURUFOTO

MOHAMMAD NUR IKMAL BIN USMAN
AHMAD SAOFIE BIN AZMAN SHAH
MOHD ZUHAIRI BIN MOHAMAD KHIR

ISBN 978-967-2709-26-8



DITERBITKAN OLEH :

Kementerian Perpaduan Negara

Aras 5-10, Blok F9, Parcel F,
Lebuh Perdana Timur,
Presint 1, 62000 Putrajaya, Malaysia
Tel: 03-8091 8000
Laman Web: www.perpaduan.gov.my

Hak cipta terpelihara Kementerian Perpaduan Negara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk samada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit terlebih dahulu

ISI KANDUNGAN

M/S

1	WORKING DINNER BETWEEN MINISTRY OF NATIONAL UNITY AND NATIONAL ETHNIC AFFAIRS COMMISSION PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA
5	ASEAN FABRICS SYMPOSIUM 2025 IN CONJUNCTION WITH MALAYSIA'S ASEAN CHAIRMANSHIP 2025
12	MAJLIS PERASMIAN BORNEO DAYAK CULTURAL FESTIVAL 2025
17	MAJLIS PELANCARAN CITRA NEGARAKU TAHUN 2025
23	PROGRAM MENGENANG JASA TUN V.T. SAMBANTHAN: MENTERI PERPADUAN PERTAMA
28	MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN 2025
36	PERASMIAN PENUTUPAN GERAK INTEGRASI PERPADUAN (GRIP) KELAB RUKUN NEGARA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2025
41	MAJLIS PENUTUP FESTIVAL HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2025 (HMAPK)
46	KONVENSYEN SEKRETARIAT RUKUN NEGARA TAHUN 2025
52	MAJLIS PERASMIAN DAN PELANCARAN PROGRAM JELAJAH PERPADUAN KAYUHAN SIHAT BORNEO 2025
57	PERAYAAN HARI ORANG ASAL SEDUNIA (PHOAS) 2025
62	MAJLIS PELANCARAN MINGGU HARMONI MESRA 2025
68	MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN DAN SAMBUTAN JUBLI EMAS RUKUN TETANGGA 2025 PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
73	MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PROGRAM FESTIVAL KALIGRAFI DAN SENI MOTIF PERPADUAN
78	SESI DIALOG BELANJAWAN 2026
85	MAJLIS BERSAMA <i>FRIENDS OF MINISTRY</i>
90	KEMPEN CHAGEE MALAYSIA x JABATAN MUZIUM MALAYSIA
95	MAJLIS JAMUAN MUHIBAH SEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS RUKUN TETANGGA 2025 DI KRT KG. KASIPILLAY, KUALA LUMPUR
102	MAJLIS SAMBUTAN JUBLI EMAS RUKUN TETANGGA 2025 PERINGKAT KEBANGSAAN

ISI KANDUNGAN

M/S

109	MAJLIS PERASMIAN KAMPUNG ANGKAT MADANI
115	MAJLIS PELUNCURAN MAJLIS SEJARAWAN NEGARA (MSjN)
120	BICARA SEJARAH ASEAN “KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN”
126	PERTANDINGAN PIDATO RUKUN NEGARA PERINGKAT KEBANGSAAN PIALA PUSINGAN TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA 2025
132	MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN PROGRAM BERMALAM DI MUZIUM 2025
138	PROGRAM MENGENANG NEGARAWAN TUN ABDULLAH AHMAD BADAWI: “BAPA PEMBANGUNAN MODAL INSAN”
144	MAJLIS BERSAMA PEMIMPIN NEGARA
153	MAJLIS PERASMIAN PROGRAM NOSTALGIA ANAK KAMPUNG: TEMASYA RIUH SEKAMPUNG
159	MESYUARAT MEXUNITY BILANGAN 2 TAHUN 2025
166	FIESTA UNITI @ MUZIUM KOTA KAYANG
173	MAJLIS PERASMIAN PESTA KANOWIT 2025
178	MESYUARAT JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA (HARMONI) BILANGAN 2 TAHUN 2025
183	<i>THE OPENING CEREMONY OF THE EXHIBITION</i> <i>“FABRICS OF ASEAN: THE ETERNITY OF WEAVING”</i>
188	MAJLIS MAKAN MALAM ALUMNI – SIRIH PULANG KE GAGANG HOMECOMING ALUMNI XIII UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
193	TAKLIMAT AKTA RUKUN TETANGGA (PINDAAN) 2025 KEPADA AHLI PENYOKONG KERAJAAN
200	<i>THE GREAT PILGRIMAGE OF HOPE (DIOCESE OF PENANG)</i>
205	MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA 2025 – 2027
211	MAJLIS BERSAMA MEDIA
217	BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK



WORKING DINNER BETWEEN MINISTRY OF NATIONAL UNITY AND NATIONAL ETHNIC AFFAIRS COMMISSION PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA

2 JULY 2025



Salam Perpaduan dan a very warm welcome to Malaysia

WELCOMING REMARKS

It is a great honour and privilege to welcome Your Excellency and the esteemed delegation from the National Ethnic Affairs Commission (NEAC) of the People's Republic of China to Malaysia. On behalf of the Ministry of National Unity, I extend our heartfelt appreciation for your presence here this evening.

We take particular note of the objectives of NEAC's visit to exchange perspectives, observe best practices, and identify potential avenues for structured bilateral cooperation.

In this context, I wish to also acknowledge and commend the recent participation of Puan Norwahidah Zinalibdin, Director at the Department of National Unity and Integration (JPNIN), in the Seminar on Ethnic Policies and Practices for BRI Partner Countries held from 13 to 26 June 2025 in Beijing, Guizhou, and Anshun. Her involvement provided valuable insights into China's approaches to managing ethnic diversity from shared development and cultural recognition to community-based mediation and the integration of digital innovations.

These learnings have sparked new ideas for future collaboration between our two nations. Among them:

- Joint research initiatives on ethnic governance and conflict resolution;
- Regional platforms such as an ASEAN–China Grassroots Social Cohesion Forum; and
- The development of AI-driven systems to proactively monitor micro-conflict trends and enhance unity-building efforts




As a tangible outcome of this visit, I would like to propose the formation of a bilateral working committee, comprising representatives from the Ministry of National Unity, and NEAC. This committee could begin drafting a Memorandum of Understanding (MoU) to frame our cooperation in the following priority areas:

- Co-develop a training module for community mediators, inspired by China's People's Mediation Law and innovative approaches such as the Internet Court system.
- Development of digital tools to promote social cohesion;
- Joint projects on digital heritage preservation using immersive technologies such as VR, AR, and holography;
- Youth and grassroots engagement, especially within the ASEAN–China framework.

“

We are confident that with mutual commitment, we can co-create impactful, inclusive initiatives that enhance unity and empower our diverse communities.

”



We are confident that with mutual commitment, we can co-create impactful, inclusive initiatives that enhance unity and empower our diverse communities.

Your Excellency, this visit marks not only a significant milestone in Malaysia-China relations, but also a moment to reflect on shared aspirations and chart a path forward together.

On that note, let us raise our glasses — To friendship, To mutual learning, And to a future of deeper collaboration in national unity and ethnic harmony between Malaysia and China.

Thank you.



ASEAN FABRICS SYMPOSIUM 2025 IN CONJUNCTION WITH MALAYSIA'S ASEAN CHAIRMANSHIP 2025

9 JULY 2025



*Menghadap Duli Yang Maha Mulia,
Tengku Permaisuri Hajah Norashikin, Tengku Permaisuri Selangor,
Ampun Tuanku,*

Dengan penuh hormat dan takzim, patik bagi pihak Kementerian Perpaduan Negara serta seluruh warga kerja Jabatan Muzium Malaysia dan para hadirin merafak sembah dan menjunjung kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk mencemar duli berangkat hadir serta berkenan menyempurnakan Majlis Perasmian ASEAN Fabrics Symposium 2025 pada pagi ini.

Sesungguhnya, keberangkatan Tuanku menyerikan majlis ini amatlah patik sanjung tinggi dan hargai, dan ianya menjadi lambang sokongan Tuanku yang berterusan terhadap usaha pemeliharaan dan pemartabatan warisan tekstil serta budaya negara dan rantau ini.

Ampun Tuanku,

Dengan izin dan limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, patik pohon menyampaikan sepatah dua kata kepada para hadirin yang mulia sekalian.

Ampuan Tuanku

Patik memohon perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk Patik Meneruskan Sembah Ucapan Dalam Bahasa Inggeris.

Your Royal Highness,

It is both an honour and a privilege to warmly welcome all of you to the **ASEAN Fabrics Symposium 2025**, a flagship event held **in conjunction with Malaysia's Chairmanship of ASEAN** this year.

I would like to extend my heartfelt appreciation and congratulations to the **Department of Museums Malaysia** for successfully organizing this meaningful symposium. **The Department of Museums continues to be a leading force in shaping public understanding of culture and heritage not only within our national context, but also across the broader ASEAN region.**

More than just a cultural event, this symposium reaffirms our collective commitment to cultural diplomacy. By uniting ASEAN Member States in the spirit of mutual respect, understanding, and collaboration, we not only honour our distinctive heritages but also highlight our shared values and common aspirations for a more cohesive, inclusive, and culturally vibrant ASEAN.



TEXTILE THE LIVING HERITAGE

The theme of the symposium, **“Textile Sustainability: Tradition Towards Transformation,”** provides a timely and meaningful opportunity to reflect on how traditional knowledge, materials, and craftsmanship can be harmonized with the principles of environmental and economic sustainability.

The theme of this symposium **aligns seamlessly with Malaysia's ASEAN Chairmanship 2025, which is anchored on the principles of Inclusivity and Sustainability**, principles we at the Ministry of National Unity have long championed through our national agenda of **Harmony in Diversity**.

Across ASEAN, our textile traditions serve as living heritage each unique in motif, material, and method. **From Malaysia's songket and batik, to Indonesia's ikat, Thailand's mudmee, Cambodia's hol, Vietnam's silk brocades, and the Philippines' hablon and piña**, we are woven together by threads of history, identity, and shared cultural values.

I take pride that **Malaysia's songket has been recognised by UNESCO and inscribed on the Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity in 2021**. Songket is more than fabric, it is a national symbol of unity, dignity, and resilience.



“

Today, preserving our textile heritage must go hand-in-hand with innovation. The challenge is not whether our traditions can survive but how they can adapt responsibly in today's world. Sustainability in textiles must include eco-friendly production, fair treatment of artisans, and efforts to pass on skills to younger generations.

”

Today, **preserving our textile heritage must go hand-in-hand with innovation.** The challenge is not whether our traditions can survive but how they can adapt responsibly in today's world. **Sustainability in textiles must include eco-friendly production, fair treatment of artisans, and efforts to pass on skills to younger generations.**

In fact, **studies have shown that organic dyes can reduce water pollution by up to 80% compared to synthetic dyes.** This shows that traditional practices are not just part of our past they offer real solutions for the future. Our heritage holds the key to building a textile industry that is both environmentally sustainable and culturally meaningful.

COLLABORATION THROUGH MUSEUMS

Museums must be seen as **catalysts for contemporary relevance and regional cooperation** not just as custodians of the past. Through exhibitions, symposiums, and co-creative programmes, museums have the potential to **inspire public dialogue**, activate **intergenerational knowledge transfer**, and drive **cultural sustainability** at both national and ASEAN levels.

In the ASEAN context, I believe museums can become **regional nodes for cooperation**, offering opportunities for:

- I. Joint research** on textile history, materials, and motifs;
- II. Cross-border exhibitions;**
- III. Capacity-building** for curators, artisans, and cultural managers.

Malaysia's **Department of Museums**, under the **Ministry of National Unity**, has actively engaged in regional dialogues

and is committed to enhancing such collaborations. We are currently exploring avenues for **ASEAN Museum Networks** focused on **sustainable heritage** and **cultural innovation**.

Today, we must view museums not as passive repositories, but as **active platforms for collaboration** where **artisans, academics, communities, and policy-makers** come together to transform heritage into shared value. These collaborations hold the potential to **bridge differences** and elevate our **collective Southeast Asian identity** on the global stage.

In this regard, I am confident that this symposium will **catalyse meaningful conversations** and spark new collaborations **not just within Malaysia, but across ASEAN**. Let this gathering mark the beginning of deeper regional partnerships in **textile research, artisan empowerment, museum innovation, and the regional branding of heritage products**.

I also hope this platform will help pave the way for **future joint nominations to UNESCO**, much like the recent recognition of the **kebaya**, jointly nominated by **Malaysia, Indonesia, Singapore, Brunei, and Thailand**. Such efforts not only honour our traditions but also affirm our shared commitment to **cultural diplomacy and unity**.

Let us not underestimate the power of the threads that bind us. In every **fibre of our textile heritage** lies the possibility to weave a future that is **just, inclusive, and sustainable** a future where **tradition and transformation coexist in harmony**.

To all participants, presenters, curators, and organisers your efforts today are not merely academic or artistic; they are **acts of unity**, of **preservation**, and of **nation-building**. May your discussions spark real action, may your insights find pathways to **policy and practice**, and may this gathering leave a **lasting impact** for generations to come.





PENUTUP

Ampun Tuanku,

Sekian sahaja sembah ucapan patik. Akhir kata, patik mewakili seluruh warga Kementerian Perpaduan Negara khususnya Jabatan Muzium Malaysia ingin merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih Duli Yang Maha Mulia Tuanku atas limpah perkenan mencemar duli serta menyempurnakan majlis perasmian pada pagi ini.

Keberangkatan Tuanku amat menyerikan majlis ini dan menjadi sumber ilham dan dorongan kepada semua yang hadir.

Ampun Tuanku.



MAJLIS PERASMIAN BORNEO DAYAK CULTURAL FESTIVAL 2025

9 JULAI 2025



PENDAHULUAN

Di malam yang berbahagia dan indah ini, sekali lagi kita sama-sama memeriahkan **Borneo Dayak Cultural Festival (BDCF) 2025** yang setiap tahun dianjurkan di Bandar Sibu ini.

Festival ini cukup unik dan istimewa kerana ia memperlihatkan bagaimana masyarakat pelbagai kaum Dayak, Melayu, Melanau dan Cina bersatu padu mempersembahkan kekayaan budaya masing-masing di pentas *Borneo Cultural Festival* yang berlangsung megah di Dataran Tun Tuanku Bujang, Sibu Town Square ini.

Tahun ini, saya difahamkan BDCF mencecah edisi ke-21 penganjurannya dengan tema **“Rhythm of Borneo 2025”** dan **menampilkan maskot istimewa iaitu “Engkuli”**, atau nama saintifiknya *Neofelis Diardi* — *Clouded Leopard* ataupun Harimau Dahan. Maskot ini bukan sahaja simbolik kepada identiti biodiversiti Borneo, tetapi turut membawa mesej penting tentang kesedaran pemuliharaan haiwan hampir pupus yang menjadi khazanah alam kepulauan ini.

SARAWAK: TANAH KEPELBAGAIAN YANG LUAR BIASA

Hadirin saya hormati sekalian,

Sarawak bukan sekadar negeri terbesar di Malaysia dari segi geografi, malah merupakan negeri yang paling kaya dengan kepelbagaian etnik. Dianggarkan terdapat lebih **30 kumpulan etnik utama dan lebih 40 dialek dituturkan, termasuk Iban, Bidayuh, Orang Ulu (Kayan, Kenyah, Kelabit, Penan), Melayu, Melanau, Cina dan pelbagai lagi.**

Kepelbagaian budaya, bahasa dan adat resam di Sarawak bukan sekadar warisan turun-temurun ia adalah permata sosial yang tidak ternilai, khazanah hidup yang terus menyinar dalam arus modenisasi. **Di bumi kenyalang ini, setiap etnik membawa bersama sejarah, warisan dan jiwa yang apabila disatukan, membentuk satu tapestri kemanusiaan yang luar biasa indahnya.**



Inilah negeri yang tidak pernah sunyi daripada irama gendang, warna-warni pakaian tradisi, lenggok bahasa yang pelbagai dan rasa hormat yang merentasi garis keturunan. **Sarawak berdiri megah di mata dunia bukan hanya kerana kekayaan alamnya, tetapi kerana jati dirinya sebagai negeri yang meraikan kepelbagaian sebagai satu kekuatan bersama.**

Kepelbagaian ini juga membuka pintu kepada perkongsian ilmu dan nilai yang merentas batas, mengajar kita tentang empati, dan memupuk semangat saling memahami bukan hanya dalam ucapan, tetapi dalam kehidupan seharian. Daripada makanan tradisional kaum Iban dan Bidayuh, kepada hasil tangan kaum Orang Ulu, hingga ke seni suara, tarian dan ritual masyarakat Melanau, setiap satu mewakili ekonomi budaya yang terus subur dan menjadi nadi kepada pembangunan komuniti tempatan.

Sarawak telah membuktikan bahawa dalam kepelbagaian, kita tidak menjadi lemah tetapi kita terus menjadi kuat. Dan inilah pelajaran paling berharga untuk seluruh Malaysia: bahawa keunikan bukan harus ditakuti, tetapi diraikan; perbezaan bukan sempadan, tetapi jambatan yang menghubungkan hati sesama insan.

“
**Saya percaya,
hanya dengan
memahami dan
menghormati
budaya orang lain,
barulah perpaduan
nasional dapat
bertapak dengan
kukuh. Dan dari
sinilah, semangat
“Harmoni dalam
Kepelbagaian”
akan hidup bukan
hanya dalam
dokumen dasar,
tetapi dalam
tindakan, tutur
kata dan gaya
hidup seharian
kita sebagai rakyat
Malaysia.**
”

PERPADUAN NASIONAL: BERMULA DARI RASA HORMAT

Dalam konteks Malaysia sebagai negara majmuk, kepelbagaian kaum dan budaya **bukan titik pemisah**, tetapi **jambatan yang menyatukan** kita. Malaysia yang bersatu tidak terbina atas

satu warna, satu bahasa, atau satu suara semata-mata, tetapi atas **pengiktirafan, penghayatan dan penghormatan terhadap setiap komuniti** besar mahupun kecil, yang berada di kota mahupun jauh di pedalaman.

Dan malam ini, di pentas yang meraikan warisan budaya ini, **saya ingin mengumumkan inisiatif baharu oleh Kementerian Perpaduan Negara: pada Januari 2026, kita akan menerbitkan buat julung kalinya sebuah dokumen penting iaitu Kalendar Perayaan Etnik Minoriti** satu dokumen rujukan rasmi yang akan menghimpunkan tarikh-tarikh penting pelbagai perayaan dan upacara tradisi etnik minoriti di seluruh negara.

Kalendar ini bukan sekadar jadual tarikh, tetapi akan mengandungi penerangan tentang maksud setiap perayaan, asal usul, dan amalan kebudayaan yang berkait dengannya. Ia akan diedarkan secara digital dan fizikal kepada semua kementerian, agensi kerajaan, sekolah, universiti dan pihak berkepentingan.

Kerana **pengiktirafan bermula dengan pemahaman**. Dan pemahaman bermula dengan kesedaran. Dengan adanya kalendar ini, kita akan lebih tahu bila sahabat kita menyambut **Hari Irau Aco, Pesta Songran, Pesta Kalimantan, Pesta Lepa-Lepa, Pesta Magahau, serta Pesta Mipis**. Kita akan lebih memahami sensitiviti budaya, dan yang lebih utama kita akan lebih menghormati satu sama lain sebagai rakyat Malaysia.

Saya percaya, hanya dengan **memahami dan menghormati budaya orang lain, barulah perpaduan nasional dapat bertapak dengan kukuh**. Dan dari sinilah, semangat “Harmoni dalam Kepelbagaian” akan hidup bukan hanya dalam dokumen dasar, tetapi dalam tindakan, tutur kata dan gaya hidup seharian kita sebagai rakyat Malaysia.



PENUTUP

Hadirin saya muliakan sekalian,

Saya percaya, selama mana kita terus memelihara dan menyuburkan semangat ini, **Malaysia akan kekal teguh sebagai sebuah negara yang bukan sekadar hidup dalam kepelbagaian, tetapi benar-benar merayakannya.** Dan di sinilah, Sarawak terus menjadi mercu tanda perpaduan yang boleh dijadikan contoh negeri yang mengajar kita erti bersatu tanpa menyeragamkan.

Akhir kata, tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Borneo Dayak Cultural Festival 2025.

Dengan ini, **saya merasmikan Borneo Dayak Cultural Festival 2025.**

Sekian, Terima Kasih.



MAJLIS PELANCARAN CITRA NEGARAKU TAHUN 2025

14 JULAI 2025

PENDAHULUAN

Terlebih dahulu saya ingin menzahirkan penghargaan kepada **Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)** dan **UCSI College Kuala Lumpur** atas pelancaran **Program Citra Negeraku**.

Program Citra Negeraku yang julung kalinya diadakan pada tahun ini merupakan usaha strategik untuk **memperkuhkan nilai-nilai kenegaraan dan menyemai semangat patriotisme dalam kalangan mahasiswa** yang merupakan tonggak masa depan negara.



SEJARAH RUKUN NEGARA

Saya ingin berkongsi sedikit sejarah mengenai Rukun Negara.

Peristiwa 13 Mei 1969 menjadi detik hitam dalam sejarah negara akibat ketegangan kaum berpunca daripada jurang ekonomi dan sosial. Insiden tersebut telah meragut 196 nyawa dan membawa kepada penggantungan Parlimen serta **penubuhan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)** yang dipimpin oleh Tun Abdul Razak melalui pengisytiharan darurat pada 16 Mei 1969.

MAGERAN kemudiannya menubuhkan tiga badan utama: **Majlis Muhibah Negara, Jabatan Perpaduan Negara dan Majlis Perundingan Negara (MPN)**. MPN, yang dianggotai oleh tokoh pelbagai kaum dan kepakaran, telah merangka **Rukun Negara** berdasarkan tujuh tunjang utama daripada kertas kerja *Pillars of Nation*.

“

Saya percaya mahasiswa hari ini mampu mengangkat semangat kenegaraan dan menyemai perpaduan dalam tindakan melalui dialog, kolaborasi rentas kaum, serta penglibatan aktif dalam isu-isu sosial. Komitmen ini perlu diteruskan agar perpaduan bukan sekadar slogan, tetapi menjadi budaya hidup yang terpahat dalam sanubari setiap rakyat Malaysia.

Rukun Negara disusun dalam dua komponen utama iaitu lima prinsip dan lima cita-cita sebagai falsafah kebangsaan untuk membina perpaduan dan identiti nasional.

Rukun Negara berperanan membimbing rakyat ke arah perpaduan sejati dan membina masyarakat Malaysia yang bersatu, adil dan progresif. Justeru, memahami dan menghayati bukan sahaja prinsip, tetapi juga cita-cita dalam mukadimah Rukun Negara adalah tanggungjawab bersama seluruh rakyat.

Dalam menyokong hasrat tersebut, mulai tahun 2023 **Kerajaan telah bersetuju** supaya **sesi lafaz ikrar Rukun Negara dibaca penuh bermula dengan mukadimah dan diikuti dengan lima perinsip Rukun Negara** dalam program-program rasmi Kerajaan termasuk semasa majlis perhimpunan di semua sekolah.

Bagi memberi kefahaman dan meningkatkan penghayatan terhadap Rukun Negara, Kementerian juga telah merangka program di bawah *Flagship Kembara Perpaduan* iaitu **Eksplorasi Rukun Negara** yang melibatkan penyertaan pelbagai lapisan komuniti (pelajar sekolah, mahasiswa dan masyarakat awam).

Rukun Negara yang menterjemahkan aneka kepelbagaian yang terdapat dalam Malaysia dan bertunjangan **konsep faham, hormat dan terima dalam kalangan rakyat Malaysia** merupakan teras kelangsungan kesepaduan sosial negara kita.

”



Hadirin yang saya kasihi sekalian,

MENJIWAI RUKUN NEGARA

Program Citra Negaraku yang akan dilancarkan ini bertemakan **“Menjiwai Rukun Negara”**, yang seiring dengan usaha untuk meningkatkan penghayatan dan pengamalan terhadap cita-cita dan prinsip-prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian sebagai asas kepada kestabilan dan keharmonian negara.

Saya difahamkan pengisian Program Citra Negaraku ini adalah terdiri daripada **empat (4) aktiviti utama** :

- i. **Bicara Perpaduan** iaitu sesi dialog di mana pelajar boleh melaksanakan dalam bentuk Chit Chat Belia atau Townhall;
- ii. **Ekspresi Perpaduan** yang menzahirkan semangat perpaduan dan nilai-nilai Rukun Negara. Aktiviti ini terdiri daripada pameran wajah-wajah perpaduan, simfoni perpaduan melibatkan persembahan nyanyian dan kebudayaan serta lensa perpaduan;
- iii. **SRN Prihatin** iaitu program bersama komuniti bertujuan mewujudkan platform bagi mahasiswa untuk berbakti kepada komuniti setempat.
- iv. **Jejak Rukun Negara.** Ia merupakan aktiviti interaktif berteraskan Rukun Negara melalui pendekatan pendidikan.

Tahniah diucapkan kepada enam (6) Universiti yang terpilih bagi melaksanakan Program Citra Negaraku fasa satu ini iaitu:

- i. UCSI College, WP Kuala Lumpur
- ii. Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Ipoh
- iii. Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail, Johor
- iv. Universiti College TATI (UC TATI), Terengganu
- v. Kolej Geomatika Keningau, Sabah
- vi. Universiti Putra Malaysia Sarawak



MAHASISWA: AGEN PERUBAHAN MASA KINI

Hadirin dihormati sekalian,

Dalam usaha membina masyarakat berakhlak mulia, berintegriti dan cintakan negara, **generasi muda memainkan peranan penting sebagai ejen perubahan.** Mereka bukan sekadar pewaris kepimpinan, tetapi **arkitek perpaduan yang membentuk wajah masa depan negara** sama ada dalam masyarakat, tempat kerja atau ruang digital.

Melalui inisiatif seperti **Program Citra Negaraku** dan **Sekretariat Rukun Negara (SRN)** di institusi pengajian tinggi, mahasiswa dilatih bukan hanya sebagai penyelaras program, tetapi sebagai penggerak utama dasar perpaduan negara di peringkat akar umbi.

Saya percaya mahasiswa hari ini mampu mengangkat semangat kenegaraan dan menyemai perpaduan dalam tindakan melalui dialog, kolaborasi rentas kaum, serta penglibatan aktif dalam isu-isu sosial. Komitmen ini perlu diteruskan agar perpaduan bukan sekadar slogan, tetapi menjadi budaya hidup yang terpahat dalam sanubari setiap rakyat Malaysia.



PENUTUP

Sebagai penutup, saya amat berharap agar Program Citra Negaraku ini dapat terus meningkatkan kapasiti dan keberkesanan **Sekretariat Rukun Negara (SRN)** dalam melaksanakan aktiviti pemerkasaan perpaduan, baik di dalam kampus mahupun dalam komuniti setempat.

Melangkah ke hadapan, Kementerian berhasrat agar pelaksanaan program ini **diperluaskan kepada semua 189 SRN di seluruh negara menjelang tahun hadapan**, menjadikan setiap satu daripadanya sebagai pusat rujukan nilai kenegaraan, semangat perpaduan dan penghayatan Rukun Negara.

Maka dengan ini, saya melancarkan **Program Citra Negaraku Tahun 2025**.

Sekian, terima kasih.



PROGRAM MENGENANG JASA TUN V.T. SAMBANTHAN: MENTERI PERPADUAN PERTAMA

15 JULAI 2025



PENDAHULUAN

Pagi ini, kita bersama-sama dalam satu majlis yang amat bermakna iaitu **Majlis Mengenang Jasa Mendiang Tun V.T. Sambanthan (Tun Thirunyanasambanthan Veerasamy), Menteri Perpaduan Negara yang pertama**, seorang tokoh yang telah mencorakkan asas perpaduan dan keharmonian dalam sejarah tanah air kita.

Majlis hari ini bukan sekadar upacara memperingati seorang tokoh. **Ia adalah manifestasi penghargaan negara terhadap seorang pemimpin yang telah memperjuangkan keutuhan masyarakat Malaysia yang majmuk.** Sejarah perjuangan beliau bukan sahaja perlu dikenang, tetapi perlu terus hidup dalam jiwa dan tindakan kita hari ini.

LEGASI

Beliau adalah antara **arkitek kepada semangat *inter-ethnic cooperation* yang menjadi asas penubuhan negara ini.**

Sebagai Presiden kelima Malaysia Indian Congress (MIC) dan antara pemimpin utama Parti Perikatan, beliau memainkan peranan penting dalam membina kerjasama antara kaum sebagai model politik kebangsaan. Formula tersebut membuktikan bahawa kerjasama antara kaum adalah satu-satunya jalan untuk membina sebuah negara bangsa yang bersatu dan merdeka.

Sumbangan beliau tidak pernah terhad kepada satu kaum. Beliau memperjuangkan akses pendidikan, hak pekerja ladang, dan pemerkasaan komuniti luar bandar dengan penuh semangat kesamarataan. Beliau menyatukan suara rakyat dengan penuh ketulusan dan tanpa prasangka. Antara kata-kata beliau yang masih kekal relevan adalah:

“Saya percaya bahawa rakyat Malaysia dapat hidup bersama dengan aman dan hormat, bukan kerana kita sama, tetapi kerana kita saling mengiktiraf dan meraikan perbezaan itu.”



MENTERI PERPADUAN PERTAMA: MELETAKKAN BATU ASAS

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Sebagai Menteri Perpaduan pertama Malaysia (1972 - 1974), **Tun Sambanthan membuka jalan kepada pembentukan dasar-dasar yang menjunjung perpaduan nasional.** Beliau percaya bahawa perpaduan bukan sekadar slogan, tetapi cara hidup yang harus dipupuk sejak kecil, diperkukuh dalam masyarakat dan dijemakan dalam dasar negara.

Beliau juga merupakan pelopor dalam mempertahankan kewujudan pendidikan vernakular sebagai sebahagian daripada landskap pendidikan nasional. Dalam masa yang sama, **beliau berusaha memupuk kefahaman silang budaya dan saling menghormati antara rakyat pelbagai kaum melalui inisiatif dialog antara komuniti.**

Sebagai menteri yang bertanggungjawab kepada perpaduan, beliau mendorong program-program dialog dan interaksi antara pelbagai komuniti etnik untuk membina persefahaman dan mengurangkan prasangka. Walaupun pada masa itu belum ada struktur rasmi seperti Majlis Penasihat Perpaduan Negara, usaha awal tersebut meletakkan asas kepada pendekatan inklusif hari ini.

Tun Sambanthan melihat masa depan Malaysia bukan dalam warna, kaum atau bahasa, tetapi dalam kebersamaan membina negara. Beliau adalah pemimpin yang melangkaui batasan perkauman demi cita-cita nasional.

Kata-kata beliau dalam Parlimen pada 1965 kekal abadi:

“Let us be honest with ourselves – the basis of our nation is the acceptance of diversity. If we deny it, we deny our very existence as a nation.”



INSPIRASI UNTUK GENERASI MUDA MALAYSIA

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Sebagai Menteri Perpaduan Negara, saya melihat bahawa perjuangan beliau masih belum selesai. Ia kini menjadi amanah kita semua untuk meneruskannya. **Perpaduan bukan satu destinasi, tetapi satu proses yang menuntut komitmen berterusan daripada semua pihak kerajaan, masyarakat sivil, institusi pendidikan dan paling penting, generasi muda.**

Kepada anak-anak muda Malaysia, legasi Tun Sambanthan memberi kita beberapa pengajaran penting. **Pertama, bahawa kepimpinan bukan soal pangkat atau kuasa, tetapi soal khidmat dan keikhlasan. Kedua, bahawa dalam dunia yang semakin kompleks, kita mesti berani mempertahankan nilai-nilai kebersamaan dan keadilan. Ketiga, bahawa identiti bangsa tidak harus dijadikan tembok pemisah, tetapi jambatan yang menyatukan.**

Tun Sambanthan telah mengajar kita bahawa kepelbagaian bukan ancaman, tetapi kekuatan. Beliau telah membuktikan bahawa Malaysia yang bersatu bukan angan-angan, tetapi satu cita-cita yang boleh dicapai apabila kita meletakkan kepercayaan kepada satu sama lain.

“

Tun Sambanthan melihat masa depan Malaysia bukan dalam warna, kaum atau bahasa, tetapi dalam kebersamaan membina negara. Beliau adalah pemimpin yang melangkaui batasan perkauman demi cita-cita nasional

”

PENUTUP

Marilah kita, dalam semangat Malaysia MADANI, meneruskan legasi beliau membangun negara yang adil, inklusif dan harmoni. **Negara yang meraikan kepelbagaian dan memperkukuh persamaan. Negara yang memandang ke hadapan tanpa melupakan akar sejarah dan jasa para pendahulu.**

Saya juga memohon agar Arkib Negara Malaysia menjadikan **pameran kesemua negarawan sebagai input wajib dalam program Arkib@Sekolah** agar generasi muda didik mengenai sejarah negara.

Dengan itu, saya sukacitanya merasmikan **Program Mengenang Jasa Tun V.T Sambanthan : Menteri Perpaduan Pertama.**

Sekian, terima kasih.



MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN 2025

19 JULAI 2025

Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan.

PENDAHULUAN

Terlebih dahulu, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kerana pada hari ini kita dapat berkumpul bersama-sama sempena **Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan Tahun 2025**.

Sesungguhnya kita semua berasa amat bertuah atas **kehadiran YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri** untuk merasmikan Sambutan Minggu Perpaduan pada kali ini.

Tema sambutan kita pada tahun ini, “Harmoni Dalam Kepelbagaian”, cukup signifikan dan tepat pada masanya. Ia mencerminkan aspirasi bersama kita untuk terus menyemai semangat perpaduan serta memperkukuh ikatan persaudaraan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan budaya.



SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Sambutan Minggu Perpaduan ialah program utama Kementerian Perpaduan Negara yang matlamat untuk menyemarakkan semangat perpaduan serta menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap kepelbagaian adat dan budaya dalam masyarakat Malaysia.

Untuk makluman semua, sambutan pada tahun ini adalah yang ketiga selepas penganjuran kali pertama di Kuching, Sarawak pada tahun 2023 manakala sambutan kali kedua pada tahun 2024 di Johor Bahru. Pemilihan Negeri Pulau Pinang pada edisi kali ini merupakan penghargaan buat rakyat Pulau Pinang yang mempunyai kepelbagaian etnik, budaya, agama dan bahasa.

Sepanjang Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan ini berlangsung, terdapat lebih 40 aktiviti utama diadakan, antaranya 25 Pameran Rumah KAMI, Pameran Perkampungan Rumah Etnik Kadazan Dusun & Orang Asli, Foodunites, Pameran Susur Masa oleh Jabatan Muzium Malaysia, Pameran Malaysia Tanah Airku, sukan rakyat, Jualan Usahawan Perpaduan & Jualan MADANI, pesta buku serta persembahan artis dan kebudayaan.

Di samping itu, Kementerian turut mengambil langkah untuk menganjurkan siri Jelajah Sambutan Minggu Perpaduan di setiap negeri. Sebanyak 7 negeri iaitu Melaka, Kedah, Kelantan, Sabah, Johor, Perlis dan Terengganu telah selesai mengadakan Sambutan Minggu Perpaduan. Selepas peringkat kebangsaan ini akan diteruskan kepada negeri-negeri yang lain.

Sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian, kita tidak boleh bersikap statik dalam usaha memupuk perpaduan. Justeru itu, Kementerian Perpaduan Negara sedang merangka pendekatan baharu bagi memperkukuh pelaksanaan Sambutan Minggu Perpaduan pada tahun-tahun mendatang.

Salah satu pendekatan inovatif yang akan diperkenalkan adalah konsep “2 dalam 1” di peringkat negeri, iaitu penggabungan antara Sambutan Minggu Perpaduan dengan sambutan perayaan etnik minoriti utama di negeri masing-masing.

Pendekatan ini bukan sahaja menzahirkan pengiktirafan terhadap identiti dan warisan komuniti etnik minoriti, malah ia juga memberi ruang kepada rakyat pelbagai latar belakang untuk merasai dan menghargai kekayaan budaya yang membentuk wajah sebenar Malaysia.

Sebagai contoh:

- **Perak**

Etnik Minoriti: Siam

Perayaan: Pesta Songkran

- **Sarawak**

Etnik Minoriti: Lun Bawang

Perayaan: Irau Aco Lun Bawang

- **Sabah**

Etnik Minoriti: Rungus

Perayaan: Pesta Magahau

- **Kelantan**

Etnik Minoriti: Temiar (Orang Asli)

Perayaan: Sambutan Orang Asal

- **Johor**

Etnik Minoriti: Bugis

Perayaan: Pesta Lapa-Lapa

PERPADUAN DI MALAYSIA

Kementerian Perpaduan Negara sentiasa komited dalam mengukuhkan semangat perpaduan, kenegaraan, kebersamaan, muhibbah dan kesukarelawan dalam kalangan rakyat Malaysia berbilang etnik, agama dan budaya.

Pada tahun 2023, Kementerian Perpaduan Negara telah memperkenalkan satu kerangka penting yang dikenali sebagai Kerangka Perpaduan Membangun Malaysia MADANI. Kerangka ini menjadi asas kepada pendekatan strategik kementerian dalam memupuk perpaduan yang berlandaskan nilai-nilai MADANI.

“

Kementerian Perpaduan Negara sentiasa komited dalam mengukuhkan semangat perpaduan, kenegaraan, kebersamaan, muhibbah dan kesukarelawan dalam kalangan rakyat Malaysia berbilang etnik, agama dan budaya.

”



Seterusnya, bagi memperkukuh lagi hala tuju ini, pada tahun ini saya telah memperkenalkan satu tema baharu sebagai payung besar pelaksanaan semua program kementerian, iaitu **“Harmoni Dalam Kepelbagaian.”**

Tema ini dipilih kerana ia mencerminkan realiti sebenar masyarakat Malaysia masyarakat yang pelbagai dari segi kaum, agama, budaya dan latar belakang. Dalam konteks ini, **keharmonian bukan sekadar matlamat, tetapi merupakan laluan yang harus kita lalui bersama untuk mencapai perpaduan yang utuh.**

Keharmonian yang dimaksudkan ialah suasana saling memahami, menghormati, dan menerima antara satu sama lain. Ia bukan tercapai dengan mudah, tetapi perlu dibina melalui **interaksi, keterbukaan dan dialog.**



Dalam semangat inilah, saya ingin memaklumkan bahawa kementerian kini sedang mengadakan pelbagai sesi libat urus di seluruh negara sebagai persediaan awal ke arah penggubalan satu dokumen penting, iaitu **Pelan Tindakan Pembinaan Negara Bangsa**. Pelan ini akan menjadi dasar rujukan baharu dalam usaha membentuk identiti nasional yang lebih kukuh, inklusif dan berpaksikan nilai-nilai perpaduan sejagat.

Sebagai sebahagian daripada usaha ini, kementerian turut merancang untuk menganjurkan sebuah persidangan berskala nasional iaitu **Persidangan Pembinaan Negara Bangsa** pada bulan Oktober ini.

Saya amat **berharap** agar **YAB Perdana Menteri** dapat **berbesar hati** untuk **merasmikan persidangan ini** sebagai simbol komitmen kerajaan terhadap agenda perpaduan nasional.

JURUTERA SOSIAL

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Pegawai-pegawai perpaduan, kurator muzium, pustakawan dan pegawai arkib mungkin tidak selalu berada di hadapan lensa media atau pentas utama, namun hakikatnya mereka telah lama **menjadi tiang belakang dalam usaha membina jati diri nasional dan memperkukuh kefahaman antara budaya dalam kalangan pelbagai generasi di negara ini.**

Mereka inilah yang saban hari bergiat dalam kerja-kerja pendidikan tidak formal memperkenalkan warisan, membina memori kolektif bangsa, memelihara dokumen penting negara, serta menyemai nilai-nilai kebangsaan dan perpaduan dalam komuniti secara senyap namun berkesan.

Justeru itu, bagi mengiktiraf jasa dan peranan yang dimainkan oleh kelompok penting ini, **Kementerian ingin mencadangkan agar kerajaan mempertimbangkan satu bentuk pengiktirafan formal kepada mereka sebagai Jurutera Sosial.**



Satu pengiktirafan simbolik tetapi bermakna terhadap sumbangan mereka dalam membina masyarakat yang harmoni, beridentiti dan bersatu padu, sepertimana seorang jurutera membina struktur fizikal, mereka pula membina struktur sosial dan emosi negara bangsa.



Untuk makluman, merekalah yang telah menjadi penggerak utama kepada pelaksanaan pelbagai program penting kementerian pada tahun ini, khususnya dalam **usaha memperkukuh jati diri dan semangat kenegaraan dalam kalangan generasi muda**. Antara program yang telah berjaya dilaksanakan termasuklah:

- I. **Arkib@Sekolah** – Membawa bahan sejarah asli dan dokumen penting negara terus ke sekolah
- II. **Gerak Integrasi Perpaduan** – Mewujudkan ruang interaksi silang budaya antara pelajar sekolah dari pelbagai kaum dan latar belakang
- III. **Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium** – Program pendidikan sejarah secara interaktif di muzium melalui aktiviti berasaskan pengalaman (hands-on learning)
- IV. **Program Bermalam di Muzium** – Memberi peluang kepada pelajar merasai pengalaman unik bermalam di muzium sambil mengikuti aktiviti berteraskan sejarah, warisan dan kenegaraan.
- V. **Citra Negaraku** – Menggerakkan penghayatan dan pengamalan Rukun Negara melalui aktiviti inovatif dan kreatif di semua institusi pengajian tinggi.



PENUTUP

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

Sebagai penutup, saya dengan penuh rasa rendah diri dan syukur, mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak terutamanya kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang turut sama menjayakan Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan pada tahun ini.

Saya yakin pengisian aktiviti Program Sambutan Minggu Perpaduan Tahun 2025 ini dapat **mencapai matlamat tersebut selaras dengan hasrat Kerajaan bagi mewujudkan masyarakat MADANI.**

Sekian, terima kasih.



PERASMIAN PENUTUPAN GERAK INTEGRASI PERPADUAN (GRIP) KELAB RUKUN NEGARA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2025

24 JULAI 2025

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI,

PENDAHULUAN

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah berganding bahu menjayakan pelaksanaan **Gerak Integrasi Perpaduan (GRIP) Peringkat Kebangsaan Tahun 2025**.

Program ini melibatkan penyertaan **murid-murid sekolah menengah** dari seluruh negara dan merupakan hasil kerjasama strategik antara **Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)** serta **Kementerian Pendidikan Malaysia**.

GRIP ini berteraskan **modul silang budaya** yang mengutamakan pengalaman pembelajaran secara langsung dan interaktif, dengan penekanan terhadap **nilai-nilai kenegaraan, adat dan warisan budaya, serta nilai sivik dan moral**.



SEKOLAH TAPAK INTEGRASI

Hadirin yang dihormati sekalian,

Saya berbesar hati untuk memaklumkan bahawa **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** telah **membangunkan Indeks Perpaduan Sekolah** sebagai salah satu usaha penting ke arah pengukuhan perpaduan nasional di peringkat pendidikan.

Pada tahun 2021, indeks ini mencatatkan skor 6.27. Nilai ini meningkat kepada 7.10 pada tahun 2022, dan terus mencatatkan peningkatan kepada 7.51 pada tahun 2023. Peningkatan berterusan ini mencerminkan kesan positif dan keberkesanan usaha kolektif dalam memperkukuh semangat perpaduan dalam kalangan murid serta warga pendidik di sekolah-sekolah seluruh negara.

Saya juga ingin menarik perhatian terhadap salah satu syor utama yang digariskan dalam Laporan Indeks Perpaduan Sekolah 2022, iaitu **keperluan untuk memperkasakan aktiviti kurikulum dan kokurikulum merentas etnik.**

Maka, pelaksanaan Gerak Integrasi Perpaduan (GRIP) oleh Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan

Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) adalah **selaras dengan syor utama yang telah digariskan dalam laporan** tersebut. GRIP bukan sahaja memberi penekanan terhadap **aspek silang budaya dan interaksi antara kaum**, malah turut mendokong usaha **memperkukuh jati diri nasional** dalam kalangan generasi muda secara menyeluruh, bersepadu dan berstruktur.

Sekolah merupakan tapak asas pembentukan nilai dalam diri setiap warganegara. Ia bukan sekadar tempat untuk menerima ilmu, tetapi ruang di mana perpaduan dibentuk dan dihidupkan melalui interaksi harian yang bersifat tulen. **Di sinilah Ideologi Rukun Negara diterjemahkan dalam bentuk amalan hormat-menghormati, bekerjasama, serta saling memahami.**



Sekolah juga menjadi tempat anak-anak belajar untuk hidup bersama secara **harmoni, menerima kepelbagaian, dan membina empati** terhadap rakan-rakan yang datang daripada pelbagai latar belakang etnik, agama, dan budaya. Di sinilah semangat Malaysia yang inklusif disemai dan dibudayakan sejak usia muda demi kelangsungan negara yang aman dan bersatu.

“

Pelaksanaan GRIP adalah selaras dengan Dasar Perpaduan Negara (DPN) yang meletakkan pembinaan identiti nasional, pengukuhan integrasi sosial dan pembentukan masyarakat inklusif sebagai teras utama negara.

”

GRIP BERTERASKAN DASAR PERPADUAN NEGARA

Hadirin yang dihormati sekalian,

Pelaksanaan GRIP adalah selaras dengan **Dasar Perpaduan Negara (DPN)** yang meletakkan **pembinaan identiti nasional, pengukuhan integrasi sosial dan pembentukan masyarakat inklusif** sebagai teras utama negara.

Berteraskan Modul Silang Budaya dan prinsip **“Faham, Hormat, dan Terima”**, GRIP menjadi **platform praktikal untuk melatih generasi muda menghayati nilai inklusif dan penerimaan kepelbagaian secara langsung**. Selain berasaskan pendekatan pembelajaran interaktif dan pengalaman langsung, **Program GRIP turut disusun secara sistematik melalui tiga kluster utama.**

Pertama, Kluster Kenegaraan, yang memberikan penekanan kepada **pemahaman dan penghayatan terhadap Sejarah Pembentukan Malaysia, Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara**. Kluster ini bertujuan untuk memberikan asas kefahaman yang mendalam tentang negara, bukan sekadar dari sudut fakta sejarah, tetapi juga falsafah, struktur dan nilai yang menjadi teras kewujudan Malaysia dan identiti nasional.



PENUTUP


Saya yakin, anak-anak GRIP yang telah bersama selama 4 hari ini akan pulang bukan dengan beg baju semata-mata, tetapi dengan **bekalan nilai dan pengalaman yang akan membentuk mereka menjadi agen perpaduan di sekolah dan dalam komuniti.**

Bawalah pulang semangat ini. Jadilah ejen perubahan. Sebarkan nilai yang kalian pelajari. Anda adalah suara masa depan negara. Anda adalah pemimpin Malaysia MADANI yang akan menentukan rupa negara bangsa akan datang. Malaysia ini milik kita bersama. Berbeza bukan alasan untuk berpisah. Kepelbagaian adalah kekuatan. Perpaduan masa depan kita.

Sekali lagi, tahniah dan terima kasih kepada JPNIN, Kementerian Pendidikan Malaysia dan semua agensi dan pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Maka dengan ini, dengan sukacitanya **saya menyempurnakan Perasmian Penutupan Gerak Integrasi Perpaduan Kelab Rukun Negara Peringkat Kebangsaan Tahun 2025.**

Sekian, Terima Kasih.



MAJLIS PENUTUP FESTIVAL HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2025 (HMAPK)

29 JULAI 2025

Selamat Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHALUAN

Pertama sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada **Jabatan Muzium Malaysia (JMM), Lembaga Muzium Negeri Kedah, serta Kerajaan Negeri Kedah** atas kejayaan menganjurkan **Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2025 (HMAPK)** yang telah berlangsung sejak seminggu yang lalu.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada seluruh warga muzium di seluruh negara atas usaha menjayakan sambutan ini dengan pelbagai pengisian bermakna termasuk **pameran, bengkel, seminar, aktiviti tradisional dan program seni budaya** yang bukan sahaja memperkaya ilmu, tetapi juga menyatupadukan rakyat melalui warisan sejarah kita.

Festival ini bukan sekadar meraikan institusi muzium, tetapi turut **menyemarakkan semangat cintakan sejarah, warisan, dan jati diri bangsa.**



MUZIUM TAPAK PERPADUAN RAKYAT

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Muzium ialah wadah penyatuan, di mana segala perbezaan budaya, bahasa dan kepercayaan ditampilkan bukan untuk dibandingkan, tetapi **untuk difahami, dihargai dan dirayakan bersama.** Sejarah yang didokumentasikan, warisan yang dipamerkan, dan naratif yang dirungkaikan semuanya menjadi **jambatan merentas kaum, agama dan wilayah** yang inklusif.

“

Lebih daripada itu, muzium menjadi ruang dialog antara generasi, antara yang moden dan tradisional. Muzium mengingatkan kita bahawa kita tidak datang dari jalan yang sama, tetapi kita sedang menuju ke destinasi yang sama sebagai negara bangsa Malaysia.

”

Di muzium, kita tidak hanya melihat peninggalan fizikal zaman silam kita menelusuri **jejak perjuangan, kisah migrasi, interaksi pelbagai tamadun**, serta nilai-nilai hidup masyarakat terdahulu. Dari manuskrip Melayu lama, seni ukiran masyarakat India, poskad zaman kolonial dari komuniti Cina, hingga alat muzik tradisional Orang Asli dan tekstil etnik Borneo semuanya menjadi **simbol bahawa identiti negara ini terbina di atas asas kepelbagaian yang harmoni.**

Lebih daripada itu, **muzium menjadi ruang dialog antara generasi**, antara yang moden dan tradisional. Muzium mengingatkan kita bahawa **kita tidak datang dari jalan yang sama, tetapi kita sedang menuju ke destinasi yang sama sebagai negara bangsa Malaysia.**

Dalam konteks Malaysia MADANI, peranan muzium menjadi semakin strategik sebagai institusi yang memperkukuh nilai budaya, menghidupkan semula semangat kenegaraan, serta memperluas horizon empati dan persefahaman antara rakyat.

PANGKALAN DATA NASIONAL KOLEKSI ARTIFAK NEGARA

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Dalam era yang menuntut keterbukaan dan penyatuan, kita memerlukan satu pendekatan baharu yang lebih menyeluruh, sistematik dan berpaksikan kerjasama antara semua muzium di seluruh negara agar **sejarah yang diwariskan tidak hanya disimpan, tetapi juga bermakna.**

Kini di Malaysia, kita memiliki lebih **232 buah muzium di seluruh negara**, merangkumi:

- **22 muzium persekutuan** di bawah Jabatan Muzium Malaysia,
- **63 muzium agensi atau institusi**,
- **103 muzium negeri dan wilayah**, serta
- **44 muzium swasta.**

Namun setakat ini, **rekod koleksi artifak diurus dan disimpan secara berasingan** mengikut agensi dan negeri masing-masing. Ini menyebabkan **tiada gambaran menyeluruh tentang jumlah sebenar artifak dan khazanah warisan negara yang berada dalam simpanan muzium-muzium di Malaysia.**



Sehubungan itu, saya ingin mencadangkan agar kita segera **mewujudkan satu Pangkalan Data Nasional Koleksi Artifak Malaysia** satu sistem digital terpusat yang mengintegrasikan input daripada semua muzium peringkat persekutuan, negeri, institusi dan swasta.

Cadangan ini bukan hanya bersifat teknikal, tetapi strategik kerana ia bakal:

- **Memastikan pemeliharaan warisan negara lebih tersusun dan selamat,**
- **Membolehkan inventori koleksi diselaraskan dan dikemas kini secara berkala,**
- **Menyokong usaha pendigitalan warisan**

Tanpa mengira sempadan pentadbiran atau latar belakang institusi, kita bersatu dalam satu misi luhur **memelihara identiti sejarah negara, menghidupkan semula memori kolektif bangsa, dan memastikan khazanah silam ini terus menyinari jalan ke masa depan.**

Kementerian Perpaduan Negara bersedia memimpin langkah ini bersama Jabatan Muzium Malaysia, disokong oleh jaringan rakan strategik dari muzium negeri dan kerajaan tempatan, hingga ke institusi pengajian tinggi dan pemain industri swasta. Dengan sinergi yang kukuh, kita bukan sahaja memelihara warisan kita membina jambatan penyatuan, menyemai kefahaman, dan memperkukuh akar sebuah negara bangsa yang majmuk dan harmoni.



PENUTUP

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

Seperti dimaklumkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia sebentar tadi bahawa Negeri Johor bakal menjadi tuan rumah Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan pada tahun hadapan. Saya yakin **Kerajaan Negeri Johor selaku tuan rumah 2026** akan menjanjikan kelainan dari segi pengisian program sambutan Hari Muzium Antarabangsa.

Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi mengambil kesempatan, merakamkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Kedah, Lembaga Muzium Negeri Kedah, Jabatan Muzium Malaysia dan seluruh warga Muzium atas kejayaan menganjurkan Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan (HMAPK) bagi tahun 2025.

Dengan kata-kata tersebut, saya dengan ini **merasmikan Majlis Penutup Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2025 (HMAPK)**.

Sekian, terima kasih.



KONVENSYEN SEKRETARIAT RUKUN NEGARA TAHUN 2025

2 OGOS 2025

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI,
Terima kasih kepada Pengacara Majlis.

PENDAHULUAN

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada **Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)**, **Architects of Diversity Malaysia (AOD)**, serta semua ahli **Sekretariat Rukun Negara (SRN)** yang telah menjayakan **Konvensyen Sekretariat Rukun Negara 2025 bermula 31 Julai hingga 1 Ogos 2025**.

Konvensyen ini **dilaksanakan semula setelah kira-kira sembilan tahun tidak diadakan**. Ia bukan sekadar sebuah perhimpunan, tetapi merupakan medan penyatuan pemikiran dan semangat mahasiswa Malaysia yang menjunjung tinggi nilai perpaduan sebagai tunjang kekuatan Negara Bangsa



RUKUN NEGARA: TUNJANG PERPADUAN NASIONAL

Hadirin yang dihormati sekalian,

Rukun Negara lahir daripada latar sejarah negara yang penting. Ia telah diisytiharkan secara rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada **31 Ogos 1970**. Penggubalan Rukun Negara adalah respons langsung terhadap **peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969**, satu tragedi yang mengganggu kestabilan negara dan memberi kesan besar terhadap hubungan antara kaum.

Bagi menangani ketegangan kaum yang berlaku serta memulihkan keyakinan rakyat terhadap perpaduan nasional, kerajaan ketika itu telah menubuhkan **Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)**. Antara hasil penting daripada usaha tersebut ialah **pengenalan Rukun Negara, satu dasar nasional yang menjadi asas dan ikrar bersama seluruh rakyat Malaysia dalam membina semula keharmonian sosial.**

Rukun Negara bukan sekadar dokumen rasmi kenegaraan. Ia merupakan asas falsafah negara yang memperkukuh nilai-nilai bersama dalam kehidupan bermasyarakat. **Lima objektif dan lima prinsip utama yang digariskan menjadi panduan moral, sosial dan politik bagi seluruh rakyat Malaysia,** merangkumi hubungan individu dengan masyarakat dan negara secara menyeluruh.

Rukun Negara mencerminkan komitmen dan aspirasi nasional untuk **membentuk sebuah masyarakat yang Bersatu padu, adil, saksama, demokratik dan progresif.** Ia terus relevan sebagai asas kepada usaha memperkukuh perpaduan, menjamin kestabilan, serta membina masa depan negara yang lebih mampan.



SENARIO IKLIM PERPADUAN SEMASA

Hadirin yang dihormati sekalian,

Kita sedia maklum bahawa kita menjalani kehidupan dalam era dinamik, serba pantas dan penuh ketidaktentuan. **Cabaran kepada perpaduan hari ini jauh lebih kompleks daripada apa yang dihadapi generasi terdahulu.**

Pertama kita berhadapan dengan **fenomena polarisasi sosial** di mana apabila masyarakat, termasuk anak muda hidup dalam **‘gelembung sosial’** masing-masing. **Algoritma media sosial memperkuat persepsi serta pandangan sedia ada, dan melemahkan ruang dialog silang budaya.** Akibatnya, jurang persefahaman antara kaum, agama dan lapisan sosial masyarakat semakin melebar, sekali gus menjejaskan usaha ke arah pembentukan masyarakat yang bersatu dan harmoni.

Kedua, kita berhadapan dengan **ancaman ekstremisme dan fahaman sempit** yang meresap melalui saluran digital dan memanipulasi sentimen identiti untuk menanam kebencian, menolak kelainan dan menggugat keharmonian. Golongan muda sering menjadi target atau sasaran kerana idealisme mereka yang masih rapuh untuk diuji.

Ketiga, wujudnya **kehilangan orientasi kenegaraan**; di mana apabila sebahagian generasi kini merasakan Rukun Negara hanyalah retorik silam, dan bukannya prinsip hidup.


Hasilnya beberapa statistik menunjukkan bahawa belia adalah antara golongan yang paling terkesan dengan isu diskriminasi dan perkauman. Menurut State of Discrimination Survey 2023 oleh Architects of Diversity Malaysia, sebanyak **43% belia Gen Z berumur 18–24 tahun** mengakui pernah mengalami diskriminasi berdasarkan etnik, warna kulit atau dialek mereka menjadikan mereka kumpulan paling tinggi terdedah kepada diskriminasi berbanding kumpulan umur lain.

Dalam konteks ini, **peranan mahasiswa sebagai ejen perubahan sosial** tidak lagi bersifat pilihan, tetapi kini menjadi **suatu keperluan strategik** dalam memacu

masa depan perpaduan negara. Mahasiswa perlu tampil sebagai **penjaga nilai perpaduan**, yang sentiasa tegas menolak retorik kebencian dan fahaman sempit.

“
Rukun Negara mencerminkan komitmen dan aspirasi nasional untuk membentuk sebuah masyarakat yang Bersatu padu, adil, saksama, demokratik dan progresif. Ia terus relevan sebagai asas kepada usaha memperkuat perpaduan, menjamin kestabilan, serta membina masa depan negara yang lebih mampan.
”

Dalam ruang kampus, mereka harus menyemai nilai faham, hormat dan terima iaitu nilai teras yang menjadi asas kepada keharmonian masyarakat majmuk. Mahasiswa juga hendaklah menjadi **penghubung silang komuniti**; merentasi batas kaum, agama dan wilayah.



PERANAN SRN DAN PEMBINAAN MAHASISWA MADANI

Hadirin dihormati sekalian

JPNIN dengan kerjasama Jabatan Pengajian Tinggi dan Universiti Utara Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Bengkel Pemantapan Hala Tuju Kelab Rukun Negara di IPT pada 28 hingga 30 Ogos 2008 bertempat di Universiti Utara Malaysia.

Setelah pelaksanaan bengkel ini, **Kelab Rukun Negara di IPT dijenamakan semula kepada Sekretariat Rukun Negara (SRN)** dan kekal sehingga ke hari ini. Sehingga kini, terdapat **193 Sekretariat Rukun Negara** di Institut- Institut Pengajian Tinggi di Seluruh Malaysia.

Sekretariat Rukun Negara (SRN) telah diwujudkan sebagai **mekanisme utama kerajaan untuk memupuk dan memperkukuh jati diri mahasiswa dalam ekosistem perpaduan negara**. Saya juga ingin menegaskan bahawa pentingnya platform seperti SRN untuk terus menjadi ruang advokasi, pendidikan nilai dan sokongan rakan sebaya.

Konvensyen ini bukan sekadar medan wacana dan pertukaran pandangan semata-mata. Ia telah berjaya merumuskan beberapa cadangan penting yang akan menjadi panduan dalam tindakan strategik selepas konvensyen berakhir. Antara pencapaian utama adalah penghasilan **Pelan Tindakan yang menggariskan pelaksanaan aktiviti tahunan berasaskan Rukun Negara**, sejajar dengan realiti serta keperluan komuniti kampus masa kini.

Selain itu, konvensyen ini turut mencadangkan penubuhan **Majlis Kepimpinan SRN IPT Kebangsaan sebagai platform rasmi penyelarasan di antara semua institusi pengajian tinggi di Malaysia**. Majlis ini akan berperanan sebagai wadah libat urus strategik antara mahasiswa, kementerian, dan agensi perpaduan, sekaligus memperkukuhkan kesinambungan gerakan kenegaraan secara menyeluruh dan bersepadu.

PENUTUP

Hadiri yang dihormati sekalian,

Saya menyeru semua kepimpinan SRN yang hadir untuk menjadikan konvensyen ini sebagai **permulaan kepada satu gelombang gerakan mahasiswa yang lebih kuat, lebih strategik dan lebih tersusun**. Jadikan nilai-nilai Rukun Negara sebagai asas kepada segala perancangan, pengurusan program dan komunikasi dalam kehidupan seharian.

Kementerian Perpaduan Negara akan sentiasa berdiri teguh bersama para pelajar semua dari aspek penyediaan sokongan dasar, latihan dan peluang kerjasama dengan agensi strategik.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada seluruh warga Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang telah menunjukkan komitmen berterusan dalam memperkasa Sekretariat Rukun Negara (SRN) sebagai wadah utama pendidikan kenegaraan di IPT.

Maka dengan ini, saya merasmikan **Majlis Penutupan Konvensyen Sekretariat Rukun Negara Tahun 2025**.

Sekian, terima kasih.



MAJLIS PERASMIAN DAN PELANCARAN PROGRAM JELAJAH PERPADUAN KAYUHAN SIHAT BORNEO 2025

4 OGOS 2025

PENDAHULUAN

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Pertubuhan Nadi Sihat atas penganjuran Majlis Perasmian dan Pelancaran Program Jelajah Perpaduan Kayuhan Sihat Borneo 2025.**

Pada hari ini, kita berkumpul di titik paling utara Borneo, iaitu **Tips of Borneo, Sabah**, bagi bersama-sama melancarkan misi yang amat signifikan dalam usaha **memperkukuhkan perpaduan melalui aktiviti riadah komuniti.** Program ini akan membawa para peserta dalam perjalanan selama **15 hari, merentasi jarak lebih 1,500 kilometer** dari titik di mana kite berdiri hari ini hingga ke Teluk Melano, Sarawak.

Saya difahamkan program ini memfokuskan tiga teras utama yang signifikan:

- I. Agenda Perpaduan dan Integrasi Nasional** — melalui aktiviti seperti Jejak Harmoni, dan program Kawasan Rukun Tetangga yang bertujuan memperkukuhkan ikatan persaudaraan serta membina kefahaman antara komuniti di setiap persinggahan.
- II. Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS)** — memperkasakan gaya hidup sihat melalui aktiviti Wellness on Wheels, ceramah dan saringan kesihatan, serta edaran kit kebersihan diri, demi membina rakyat yang sihat sebagai asas negara yang kuat.
- III. Semarak Bulan Kebangsaan 2025** — menghidupkan semangat patriotik melalui Kempen Kibar Jalur Gemilang, dan kempen Rukun Negara.





Dalam semangat Malaysia MADANI, kita percaya bahawa **perpaduan tidak lahir secara spontan, tetapi perlu dipupuk melalui penglibatan aktif rakyat dalam program-program** yang membina kepercayaan, menyemai nilai murni dan merapatkan hubungan antara komuniti.

Seperti yang termaktub dalam **Dasar Perpaduan Negara, perpaduan adalah teras utama dalam pembinaan negara bangsa**. Ia bukan hanya konsep, tetapi suatu keperluan strategik yang mesti digerakkan secara berterusan melalui pendekatan menyeluruh.

Khususnya, **program ini sangat bertepatan dengan Teras Strategik Ketiga dalam dasar ini, iaitu Ekosistem Perpaduan**. Program kayuhan ini telah memantapkan kesedaran sosial dan perpaduan komuniti melalui penyertaan rentas kaum, agama, umur dan latar belakang.

Sehubungan itu, saya ingin **menyeru lebih banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta syarikat korporat untuk tampil aktif dan berperanan dalam menganjurkan program pembangunan komuniti yang berteraskan perpaduan dan integrasi sosial**. Aktiviti seperti ini bukan sahaja memberi impak langsung kepada kesejahteraan masyarakat setempat, tetapi juga memperkukuh keyakinan antara rakyat terhadap peranan bersama dalam membina masa depan negara.

Saya mencadangkan agar **inisiatif-inisiatif seperti ini dijadikan fokus utama dalam pelaksanaan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) oleh syarikat-syarikat di negara ini**. Perpaduan bukan hanya tanggungjawab kerajaan semata-mata, tetapi merupakan usaha kolektif seluruh rakyat termasuk sektor korporat, masyarakat sivil, dan komuniti setempat. **Dalam semangat Malaysia MADANI, kerjasama rentas sektor ini adalah kunci kepada pencapaian ekosistem perpaduan yang mampan dan berkesan**.

Dalam usaha menggalakkan penyertaan lebih meluas sektor korporat dalam inisiatif perpaduan, **Kementerian Perpaduan Negara akan berunding dengan Kementerian Kewangan serta Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)** bagi mempertimbangkan **penyediaan insentif pengecualian cukai** kepada syarikat-syarikat yang menyumbang secara langsung kepada program atau aktiviti perpaduan di peringkat komuniti. Langkah ini diharap dapat mendorong lebih banyak entiti korporat untuk menyalurkan sokongan melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang bersifat inklusif dan memperkukuh keharmonian masyarakat.



“

Dalam semangat Malaysia MADANI, kita percaya bahawa perpaduan tidak lahir secara spontan, tetapi perlu dipupuk melalui penglibatan aktif rakyat dalam program-program yang membina kepercayaan, menyemai nilai murni dan merapatkan hubungan antara komuniti.

”

Akhir sekali, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak penganjur iaitu Pertubuhan Nadi Sihat, rakan-rakan agensi, pasukan keselamatan, para sukarelawan dan semua peserta atas komitmen dan semangat luar biasa anda.

Semoga Program Jelajah Perpaduan Kayuhan Sihat Borneo ini akan menjadi contoh cemerlang dan pemangkin kepada lebih banyak inisiatif yang menyatukan rakyat serta memperkukuh jati diri nasional rakyat Malaysia.

Saya dengan sukacitanya **merasmikan Program Jelajah Perpaduan Kayuhan Sihat Borneo 2025.**

Sekian, terima kasih.



PERAYAAN HARI ORANG ASAL SEDUNIA (PHOAS) 2025

9 OGOS 2025

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

PENDAHULUAN

Pada kesempatan yang mulia ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kehadiran semua dalam **majlis sambutan Hari Antarabangsa Orang Asal Sedunia yang diraikan setiap tahun pada 9 Ogos.**

Sambutan ini adalah **satu penghormatan kepada identiti, budaya, sumbangan dan hak-hak masyarakat Orang Asal** yang merupakan salah satu komponen penting dalam kepelbagaian bangsa dan budaya di negara kita.

Tahun ini, tema sambutan Hari Antarabangsa Orang Asal Sedunia adalah **“Pertahankan Bumi, Pulihkan Tanah, Hijauan Semula Masa Depan – Melalui Kearifan Orang Asal!”** Tema ini mengajak kita semua untuk mengiktiraf kearifan masyarakat Orang Asal dalam menjaga alam sekitar dan warisan bumi kita, sekaligus menyuntik nilai kebertanggungjawaban terhadap alam sekitar dalam jiwa rakyat Malaysia.

Saya percaya sambutan ini menjadi platform terbaik untuk kita **meningkatkan kesedaran bersama mengenai hak-hak dan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asal.**



“
**Saya percaya
sambutan ini
menjadi platform
terbaik untuk kita
meningkatkan
kesedaran
bersama
mengenai hak-
hak dan cabaran
yang dihadapi
oleh masyarakat
Orang Asal.**
”

KERAJAAN IKTIRAF PERANAN ORANG ASAL

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian budaya dan etnik, di mana masyarakat Orang Asal memainkan peranan penting dalam membentuk identiti dan warisan negara. **Orang Asal merangkumi pelbagai kumpulan etnik misalnya di Semenanjung seperti Orang Asli Senoi, Negrito dan Proto-Melayu; di Sabah seperti Kadazan-Dusun, Bajau dan Murut; serta di Sarawak termasuk Iban, Bidayuh dan Orang Ulu.**

Masing-masing mempunyai budaya, bahasa, dan sejarah yang unik serta menjadi warisan yang amat bernilai.

Dengan ini saya menegaskan bahawa **Kerajaan MADANI sentiasa mengiktiraf masyarakat Orang Asal sebagai sebahagian penting dalam pembentukan identiti negara**, dan dalam memelihara kepelbagaian budaya yang menjadi aset kekuatan kita sebagai rakyat Malaysia.

Memandangkan hari ini kita berada di Tadam Hills, yang majoritinya dihuni oleh komuniti Orang Asli, saya ingin berkongsi perkembangan terkini usaha kerajaan dalam memperkasakan dan memajukan masyarakat Orang Asli di seluruh Malaysia.

Kerajaan MADANI, melalui Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13), memberi tumpuan serius untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli secara menyeluruh dan bersepadu. Salah satu fokus utama dalam strategi ini ialah penyemakan semula Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) bagi memperkukuh perlindungan hak dan darjat komuniti tersebut.

Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim, telah menegaskan bahawa melalui usaha penyemakan semula ini, aspek penting seperti **pemilikan tanah, pendidikan, dan infrastruktur akan dipertingkatkan. Ini merupakan langkah ikhtiar kerajaan untuk memacu pembangunan sosioekonomi masyarakat Orang Asli** supaya mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih baik dan bermaruah.

Pelaksanaan pelan tindakan yang terancang akan memperkukuh dasar dan tadbir urus pembangunan masyarakat Orang Asli. Selain itu, **penubuhan lembaga adat turut akan mereformasi tadbir urus kepimpinan tradisional, meningkatkan kecekapan Penghulu atau Batin dalam memimpin komuniti mereka.**

Pembangunan bakat juga menjadi keutamaan, di mana akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran teknikal dan vokasional (TVET) akan diperluas, disokong dengan bantuan persekolahan dan biasiswa yang memberi peluang kepada generasi muda Orang Asli untuk mencapai potensi penuh mereka.

Semua inisiatif ini adalah **bukti komitmen Kerajaan MADANI untuk memastikan masyarakat Orang Asli diberi perhatian yang sewajarnya dan tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara**, sekaligus memperkukuh perpaduan dan keharmonian dalam kepelbagaian bangsa dan budaya Malaysia.

Sehubungan itu, Kementerian Perpaduan Negara komited untuk terus memperkukuh kerjasama strategik dengan **Jaringan Orang Asal SeMalaysia (JOAS)**, pelbagai pertubuhan masyarakat Orang Asal, serta agensi kerajaan yang berkaitan. Langkah ini bertujuan **memastikan dasar-dasar negara sentiasa inklusif, responsif, dan selaras dengan keperluan serta aspirasi komuniti Orang Asal.**



ORANG ASAL INSPIRASI MASA DEPAN NEGARA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Saya ingin menyeru **komuniti Orang Asal agar mengambil peranan yang lebih aktif dalam menyertai dan bersama-sama membina kerjasama dengan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di kawasan masing-masing.** Penglibatan dalam KRT bukan sahaja membuka ruang untuk memperkukuh hubungan sosial dan semangat kejiranan, malah dapat membantu masyarakat Orang Asli mendapat akses yang lebih baik kepada program-program pembangunan setempat.

Kini, inisiatif **KRT Progresif** turut mengutamakan lapan bidang utama, antaranya ekonomi sara hidup dan pemeliharaan alam sekitar. Dua bidang ini amat dekat dan relevan dengan kehidupan masyarakat Orang Asal, dan menjadi fokus utama dalam usaha memperkasakan komuniti.

Selain itu, kerajaan akan terus memberi sokongan penuh terhadap usaha memelihara bahasa, warisan lisan, dan seni budaya masyarakat Orang Asal. Warisan budaya ini bukan sahaja merupakan aset kebangsaan yang perlu dipelihara, malah ia mengandungi nilai-nilai dan pengetahuan tradisional yang penting dalam menangani isu-isu global seperti perubahan iklim dan kemusnahan biodiversiti.



PENUTUP

Sambutan pada pagi ini bukan sekadar acara tahunan semata-mata, tetapi merupakan **seruan bersama kepada seluruh rakyat Malaysia agar terus menghormati, melindungi, dan memartabatkan hak serta maruah masyarakat Orang Asal**. Ia menjadi pengiktirafan terhadap sumbangan dan peranan penting komuniti ini dalam memperkasa identiti dan warisan negara kita.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada **Jaringan Orang Asal SeMalaysia (JOAS), Batin Hadi dari Kampung Orang Asli Bukit Tadam, Center for Orang Asli Concerns (COAC), PACOS Trust, Pertubuhan Wanita Orang Asal Malaysia (PWOAM), TONIBUNG** dan yang lain atas usaha berterusan dalam memperjuangkan hak Orang Asal.

Dengan ini, saya merasmikan **Perayaan Hari Orang Asal Sedunia 2025**.

Sekian, Terima Kasih.



MAJLIS PELANCARAN MINGGU HARMONI MESRA 2025

11 OGOS 2025

PENDAHULUAN

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada USCI University kerana menganjurkan **Majlis Pelancaran Minggu Harmoni Mesra 2025** yang amat bermakna ini.

Tahniah atas inisiatif murni ini yang dapat menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan warga kampus, khususnya dalam kalangan generasi muda.

Tema Harmoni-Mesra yang dipilih bagi sambutan kali ini berakar umbi dalam makna sebenar menjadi rakyat Malaysia iaitu hidup dalam kepelbagaian dengan semangat saling memahami, menghormati, dan menerima. Tema ini amat selari dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan nilai-nilai kemanusiaan, kesejahteraan dan perpaduan sebagai asas pembinaan negara bangsa yang inklusif dan harmoni.

Harmoni melambangkan kewujudan bersama secara aman. Ia membawa makna rasa hormat, pemahaman bersama, dan keprihatinan sivik. Sementara itu, mesra pula menyerlahkan nilai keikhlasan dan keterhubungan yang tulus.



Kedua-duanya harmoni dan mesra bersama-sama membentuk suatu kerangka sosial dan etika yang mendalam, berakar dalam in **budibahasa** (*politeness*), **budibicara** (*wise speech*), and **budiman** (*noble character*). Inilah tonggak warisan budaya dan moral bangsa yang wajar terus dipelihara dan diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat.

HARMONI DALAM KEPELBAGAIAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

Malaysia adalah sebuah negara yang luar biasa dari segi kepelbagaian. Dengan lebih daripada **250 kumpulan etnik**, serta kepelbagaian agama, bahasa, budaya dan tradisi, kita menjadi antara negara yang paling rencam di dunia. Dari seni warisan Melayu, keunikan budaya Cina dan India, hinggalah kepada adat resam masyarakat Orang Asli dan etnik-etnik di Sabah dan Sarawak, semuanya menyumbang kepada sebuah identiti nasional yang kaya, berwarna-warni dan harmoni.

Sebagai sebuah negara majmuk, kita tidak boleh menafikan bahawa perbezaan wujud dalam pelbagai aspek kehidupan. Namun, **perbezaan ini seharusnya dilihat sebagai kekuatan yang menyatukan, bukan sebagai titik perpecahan.** Kepelbagaian ini bukan jurang yang memisahkan, tetapi asas kepada pembinaan sebuah masyarakat yang inklusif, adil dan saling menghormati.

Sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI, kerajaan sentiasa komited untuk memperkukuh perpaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyat. Tahun ini, Kementerian Perpaduan Negara telah memilih **tema “Harmoni Dalam Kepelbagaian”** sebagai landasan utama dalam memperkukuh perpaduan yang utuh dalam kalangan rakyat Malaysia.

Tema ini bukan sekadar slogan, tetapi mengangkat nilai sejagat yang perlu diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat demi kesejahteraan bersama. Berikut adalah lima kepentingan utama yang dapat dihayati daripada tema ini:


- **Memupuk Perpaduan Nasional**
- **Menghargai Kepelbagaian Budaya**
- **Meningkatkan Hormat-Menghormati**
- **Mencegah Konflik dan Diskriminasi**
- **Membina Identiti Kebangsaan**

“
**Harmoni
melambangkan
kewujudan
bersama
secara aman.
Ia membawa
makna rasa
hormat,
pemahaman
bersama, dan
keprihatinan
sivik.
Sementara itu,
mesra pula
menyerlahkan
nilai
keikhlasan dan
keterhubungan
yang tulus.**

”

Kementerian Perpaduan Negara telah **melancarkan Inisiatif Harmoni MADANI** yang bertujuan untuk meningkatkan dan memperkukuhkan keharmonian antara masyarakat pelbagai latar budaya dan kepercayaan, melalui pendekatan yang menyeluruh, inklusif, dan berimpak tinggi. Ia tidak hanya menjurus kepada pengurusan perbezaan, tetapi lebih penting lagi, ke arah peneguhan nilai bersama dan pembinaan kepercayaan antara komuniti. Antara program utama yang dilaksanakan:

- **Sambutan Minggu Keharmonian Sedunia**
- **Sambutan Hari Toleransi Sedunia**
- **Jejak Harmoni**
- **Dialog Harmoni**
- **Perarakan Harmoni**
- **Iklan Perayaan**
- **Dokumentari Harmoni**
- **Podcast Harmoni**
- **Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan**
- **Projek Sosial Kolaboratif: Mediasi Komuniti untuk Komuniti**



Pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini bukan sahaja bersifat simbolik, malah bersifat substantif menyentuh akar budaya, persepsi sosial, dan tingkah laku antara komuniti. Kita percaya bahawa usaha membina harmoni memerlukan tindakan yang konsisten, dialog yang terbuka, serta dasar yang menyentuh keperluan sebenar masyarakat.

Saya yakin, dengan penglibatan semua pihak termasuk agensi kerajaan, pertubuhan masyarakat sivil, institusi keagamaan, akademik dan seluruh rakyat Inisiatif Harmoni MADANI ini akan menjadi titik tolak kepada perpaduan yang lebih kukuh.



ASPIRASI MALAYSIA 2040 – NEGARA BANGSA

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Pada hari ini, saya berbesar hati untuk berkongsi mengenai **Aspirasi Malaysia 2040** seperti diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Ketika pembentangan Rancangan Malaysia ke-13. Aspirasi ini bukan sahaja mencerminkan cita-cita nasional, malah selari dengan aspirasi Kementerian Perpaduan Negara dalam **membina negara bangsa**.

Menjelang tahun 2040, Malaysia akan menjadi sebuah negara bangsa saksama yang dihuni oleh rakyat yang hidup sebagai sebuah masyarakat yang mengamalkan keadilan sosial. Kita akan terus berpegang teguh kepada **prinsip Rukun Negara** sebagai tonggak perpaduan, di mana perpaduan dan kesatuan menjadi asas kepada kemajuan negara.

Pembinaan negara bangsa yang berdaulat dan bermaruah memerlukan pembentukan sistem sosial yang utuh berteraskan insan MADANI dan identiti nasional. Dalam hubungan ini, penekanan akan diberikan kepada usaha untuk melahirkan rakyat yang mempunyai nilai kerohanian, aspek manusiawi dan jati diri yang teguh serta membina masyarakat yang saksama, harmoni, saling menghormati dan bersatu padu.

Pembentukan insan MADANI akan ditumpukan kepada usaha mereformasi sistem pendidikan dan menerapkan semangat cintakan negara, manakala pembinaan masyarakat yang saksama dan progresif akan menekankan usaha untuk memperkukuh integrasi dan perpaduan, menyemarakkan semangat muhibah serta memupuk budaya kesukarelawanan.

Masyarakat Malaysia pada masa hadapan akan lebih bersatu padu, menghormati kepelbagaian agama, etnik dan latar belakang sebagai satu kekuatan yang menyatukan kita dalam semangat Malaysia MADANI. **Nilai-nilai insaniah seperti hormat-menghormati, empati dan saling memahami akan terus diperkukuh untuk memastikan keharmonian sentiasa terpelihara.**

Komitmen Kerajaan MADANI adalah untuk menjamin kehidupan yang selamat, aman dan bermaruah untuk semua rakyat. Marilah kita berganding bahu, menjadikan Aspirasi Malaysia 2040 sebagai panduan dan komitmen kita bersama demi masa depan negara yang lebih harmoni, makmur dan berdaya saing di pentas dunia.



PENUTUP

Hadirin yang muliakan sekalian,

Marilah kita bersama-sama menjadikan **“Harmoni Dalam Kepelbagaian”** sebagai amalan harian, bukan sekadar satu tema yang diungkapkan dalam majlis rasmi. Dalam dunia yang semakin terpolarisasi dan penuh cabaran, Malaysia harus terus kekal sebagai contoh teladan kepada dunia bahawa masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama, dan budaya mampu hidup bersama secara aman, harmoni, dan penuh saling menghormati.

Dengan semangat perpaduan yang kukuh dan nilai-nilai murni yang sentiasa dipupuk, kita akan mampu membina sebuah negara yang makmur, stabil, dan berdaya saing di peringkat global.

Akhir sekali, tahniah kepada UCSI University atas penganjuran program yang penuh bermakna ini. Dengan itu, saya merasmikan **MINGGU HARMONI MESRA 2025.**

Sekian, Terima Kasih.



MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN DAN SAMBUTAN JUBLI EMAS RUKUN TETANGGA 2025 PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

16 OGOS 2025

PENDAHULUAN

Hari ini kita berkumpul bersama-sama meraikan **Sambutan Minggu Perpaduan Dan Sambutan Jubli Emas Rukun Tetangga Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan**, sebuah Wilayah Persekutuan yang lebih dikenali sebagai “Mutiara Borneo”.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Perbadanan Labuan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Wilayah Persekutuan Labuan serta seluruh jentera perpaduan** yang telah menjayakan sambutan ini dengan penuh semangat perpaduan.

Pada bulan Julai yang lalu, kita telah sama-sama menyaksikan penganjuran **Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan Tahun 2025** yang telah berlangsung dengan penuh meriah dengan pengunjug lebih 200,000 orang di Negeri Pulau Pinang. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri sendiri.



Sambutan Minggu Perpaduan yang kita raikan hari ini membawa kesinambungan kepada gelombang perpaduan yang telah digerakkan di peringkat kebangsaan. Program-program yang dianjurkan hari ini sama ada pameran kebudayaan, aktiviti komuniti, sukan rakyat, pameran rumah etnik, dialog antara kaum, aktiviti belia, dan persembahan seni bukan sahaja bertujuan menghiburkan, tetapi **menjadi saluran untuk memperkukuhkan akar perpaduan**.

Inilah tujuan utama Kementerian iaitu **untuk mewujudkan tapak integrasi supaya rakyat dapat berinteraksi antara satu sama lain** yang akhirnya menjadi satu ekosistem perpaduan yang baik.

Saya mengambil kesempatan ini, ingin mengumumkan bahawa **Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2026 akan diadakan di Negeri Sabah**, tidak jauh dari Labuan. Saya berharap agar seluruh warga Labuan dapat memberikan sokongan kepada sambutan pada tahun hadapan.



WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Wilayah Persekutuan Labuan merupakan sebuah negeri yang menempatkan kepelbagaian budaya, agama, dan kaum dengan penuh harmoni dan keamanan. Walaupun memiliki latar belakang masyarakat yang pelbagai, Labuan kekal sebagai pulau bebas cukai yang unik kerana kejayaannya dalam mengekalkan suasana aman tanpa wujudnya sentimen perkauman.

Kejayaan ini dibuktikan melalui pencapaian cemerlang Labuan dalam **Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia 2021** yang mencatatkan skor tertinggi negara iaitu **9.29**, menandakan tahap kebahagiaan yang sangat tinggi dalam kalangan penduduknya.

Ini menunjukkan bahawa keharmonian antara komuniti berbeza kaum dapat dijaga dengan baik, sekaligus menjadi contoh teladan dalam usaha memperkukuh perpaduan nasional di seluruh negara.

Kini terdapat sebanyak 37 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) telah ditubuhkan di seluruh Labuan sebagai usaha memperkukuh hubungan sosial dan perpaduan di peringkat komuniti.

“

**Wilayah
Persekutuan
Labuan
merupakan sebuah
negeri yang
menempatkan
kepelbagaian
budaya, agama,
dan kaum dengan
penuh harmoni
dan keamanan.
Walaupun
memiliki latar
belakang
masyarakat yang
pelbagai, Labuan
kekal sebagai
pulau bebas cukai
yang unik kerana
kejayaannya dalam
mengekal
suasana aman
tanpa wujudnya
sentimen
perkauman.**

Dalam usaha meningkatkan hubungan sosial antara komuniti setempat, **Kementerian Perpaduan Negara telah memperkenalkan inisiatif KRT Progresif, iaitu sebuah program menaik taraf Kawasan Rukun Tetangga (KRT) agar menjadi lebih progresif dan berdaya maju.** KRT Progresif memfokuskan kepada lapan bidang utama iaitu **ekonomi sara hidup, keselamatan dan ketahanan komuniti, kepimpinan, kesejahteraan komuniti, pembelajaran sepanjang hayat, alam sekitar, warisan budaya, serta daya cipta.**

Dengan pendekatan holistik ini, matlamat utama program ini adalah untuk membangunkan komuniti yang mampan dan progresif melalui penglibatan aktif penduduk dalam pelbagai aktiviti dan inisiatif yang berimpak tinggi. Pada tahun lalu, satu KRT di Labuan telah dipilih sebagai KRT Progresif dan diberikan **geran berjumlah RM 88,500 kepada KRT Kampung Kilang Pulau Akar.**

Kini sudah genap **50 tahun penubuhan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di negara ini.** Sepanjang tempoh tersebut, KRT telah memberikan sumbangan besar dalam pelbagai aspek, bermula **daripada rondaan keselamatan, pembinaan komuniti, pengukuhan semangat kejiranan, sehingga ke usaha memperkukuh perpaduan negara.**

Jasa dan pengorbanan para ahli KRT tidak ternilai dalam memastikan keselamatan serta keharmonian di peringkat akar umbi terus terpelihara. Harapan saya agar KRT terus maju dan relevan, sentiasa berinovasi dalam menjalankan tanggungjawabnya serta menjadi tunjang kepada pembinaan masyarakat yang lebih bersatu padu dan harmoni demi masa depan negara yang lebih gemilang.

”



PENUTUP

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Kementerian Perpaduan Negara sentiasa komited untuk menerajui usaha-usaha yang memupuk nilai kebersamaan ini. Melalui program pendidikan perpaduan di sekolah-sekolah, aktiviti interaksi komuniti, serta dialog antara agama dan kaum, kita berharap agar generasi muda Malaysia akan lebih memahami dan menghargai kepelbagaian yang ada.

Saya menyeru seluruh rakyat Malaysia, tidak kira apa bangsa atau latar belakang, agar sama-sama memegang teguh prinsip saling menghormati, dan berkerjasama. Mari kita jadikan perbezaan sebagai jambatan, bukan penghalang. Mari kita hayati falsafah **“bersatu kita teguh, bercerai kita roboh”** bukan hanya sebagai kata-kata, tetapi sebagai amalan harian.

Dengan itu, saya merasmikan **Sambutan Minggu Perpaduan Dan Sambutan Jubli Emas Rukun Tetangga Tahun 2025 Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.**

Sekian, Terima Kasih.



MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PROGRAM FESTIVAL KALIGRAFI DAN SENI MOTIF PERPADUAN

16 OGOS 2025



Salam sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan rasa syukur kerana dapat berhimpun bersama-sama dalam **Majlis Perasmian Penutup Festival Kaligrafi dan Seni Motif Perpaduan 2025**.

Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada **Perpustakaan Negara Malaysia** atas inisiatif dalam menganjurkan program ini. Bagi saya, inisiatif ini baik kerana ia dapat **menonjolkan keindahan seni kaligrafi serta seni motif Malaysia sebagai sebahagian daripada khazanah budaya negara**.

Festival ini juga dilaksanakan bertepatan dengan sambutan Hari Kaligrafi Sedunia (disambut pada setiap 14 Ogos), dan ia bukan sahaja meraikan keindahan seni tulisan, tetapi lebih penting, memupuk rasa hormat dan keterbukaan terhadap seni dan budaya semua kaum.

KALIGRAFI KHAZANAH NEGARA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Menurut statistik terkini pada tahun 2024, populasi negara kita melebihi 34 juta penduduk dengan komposisi kaum yang merangkumi **Bumiputera sebanyak 69.9%, Cina 22.8%, India 6.6%, dan lain-lain sebanyak 0.7%**. **Kepelbagaian ini adalah satu kekayaan yang harus kita pelihara dan raikan.**

Festival Kaligrafi Perpaduan ini adalah manifestasi terbaik bagaimana seni budaya boleh menjadi jambatan penghubung antara pelbagai etnik, seterusnya mengukuhkan rasa hormat dan penghargaan antara satu sama lain. Festival seperti ini bukan sahaja menyatukan kesenian ini di bawah satu bumbung, malah menzahirkan semangat kebersamaan yang menjadi teras perpaduan kita.

Sebagai khazanah negara, **seni kaligrafi menjadi bukti betapa tamadun kita menjadikan tulisan bukan sekadar alat komunikasi, tetapi juga seni yang halus dan luhur.** Tulisan Jawi misalnya, pernah menjadi tunjang kepada perkembangan ilmu, pentadbiran dan sastera di alam Melayu. Ia melahirkan manuskrip-manuskrip agung, termasuk Hikayat Hang Tuah dan karya agama yang masih dirujuk hingga kini.

Begitu juga dengan **kaligrafi Cina yang memainkan peranan penting dalam budaya masyarakat Tionghoa di Malaysia.** Kaligrafi Cina bukan sekadar seni tulisan, tetapi juga satu bentuk meditasi, falsafah dan warisan yang berkait rapat dengan ajaran Konfusius, Taoisme dan nilai-nilai kekeluargaan.

Kaligrafi Tamil pula memperlihatkan keindahan dan keunikan tulisan dalam tradisi kesusasteraan Tamil yang kaya dengan puisi klasik, hikayat, serta falsafah spiritual. Ia menjadi medium penting dalam menyampaikan ajaran moral, agama dan nilai kemanusiaan yang tinggi.



PEMBANGUNAN EKONOMI KREATIF NEGARA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Impian kita bukan sahaja untuk meraikan seni kaligrafi sebagai khazanah budaya warisan yang mencerminkan akar sejarah dan jati diri kita tetapi juga untuk mengangkatnya sebagai salah satu **pemangkin utama kepada pembangunan ekonomi kreatif negara.**

Seni kaligrafi bukan sekadar hiasan pada dinding galeri atau naskhah manuskrip lama. Ia adalah aset yang hidup, yang **boleh dikomersialkan, dikembangkan, dan disesuaikan dalam pelbagai bentuk moden** – dari rekaan grafik, seni cetak, produk gaya hidup, fesyen, animasi sehinggalah ke dunia digital seperti *Non-Fungible Token* (NFT) dan seni interaktif. Potensi ini perlu digarap dengan strategi yang holistik.

Lebih penting lagi, **pembangunan industri seni seperti kaligrafi secara langsung menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi berasaskan bakat.** Ia membuka ruang kepada generasi muda, pelukis bebas, usahawan mikro, serta komuniti luar bandar untuk menjana pendapatan berdasarkan kreativiti dan inovasi mereka sendiri.

Bayangkan, satu karya kaligrafi Jawi yang ditulis dengan halus dan penuh makna, bila dikembangkan ke bentuk produk digital atau dipamerkan di antarabangsa, boleh menjadi satu bentuk diplomasi budaya yang bernilai malah menjana nilai eksport yang signifikan.

Justeru, sudah tiba masanya kita **memperkuh sokongan kepada pelukis, penulis kaligrafi, pereka budaya, dan semua penggiat industri kreatif.** Kita perlukan lebih banyak

program inkubasi seni, dana pembangunan, pendedahan antarabangsa, dan kerjasama antara sektor awam dan swasta agar potensi sebenar industri ini dapat diterokai sepenuhnya.

“

Festival Kaligrafi Perpaduan ini adalah manifestasi terbaik bagaimana seni budaya boleh menjadi jambatan penghubung antara pelbagai etnik, seterusnya mengukuhkan rasa hormat dan penghargaan antara satu sama lain.

”



PENUTUP

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

Dalam usaha berterusan untuk memperkasa seni warisan dan membina jati diri kebangsaan, saya ingin mencadangkan satu inisiatif yang berimpak besar tetapi berasaskan pendekatan yang mudah dan bersifat akar umbi iaitu **penganjuran bengkel-bengkel seni kaligrafi secara berkala di premis-premis di bawah kementerian**, khususnya di institusi budaya dan ilmu seperti **Muzium Negara, Perpustakaan Negara Malaysia**, serta **galeri dan pusat komuniti terpilih di bawah seliaan kerajaan**.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua terutamanya para penggiat seni kaligrafi, tenaga pengajar bengkel, peserta pertandingan, pelawat, pelajar, dan sudah tentu pihak penganjur yang telah bertungkus-lumus merancang dan melaksanakan program ini dari awal hingga akhir.

Dengan itu, sukacitanya saya merasmikan **Festival Kaligrafi dan Seni Motif Perpaduan 2025**.

Sekian, terima kasih.



SESI DIALOG BELANJAWAN 2026

18 OGOS 2025

PENDAHULUAN

Hari ini, kita semua diberi peluang untuk berkumpul bersama-sama dalam **Sesi Dialog Belanjawan 2026 selaras dengan tema “Memacu Ekonomi MADANI : Memperkasa Rakyat”** pada hari ini.

Sesi dialog ini adalah platform penting di mana **Kementerian Kewangan (MOF) akan mengumpul input dan cadangan daripada para pemegang taruh**, termasuk tuan-tuan dan puan-puan yang sekian lama menjadi rakan strategik serta penggerak utama dalam memperkukuh jalinan perpaduan di negara ini.

Pandangan dan syor yang dikemukakan amat bernilai dalam membantu MOF merangka **Belanjawan 2026** yang lebih **inklusif, menyeluruh, dan berpaksikan rakyat**, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Untuk makluman semua, **Belanjawan 2026** adalah **belanjawan MADANI keempat**, yang dirangka berlandaskan **Kerangka Ekonomi MADANI** bertujuan untuk memulih daya tahan fiskal, memperkukuh asas ekonomi negara, dan seterusnya mengangkat darjat hidup rakyat secara menyeluruh. Belanjawan ini juga terus berlandaskan tiga tonggak utama Ekonomi MADANI, iaitu:

- I. Memacu Pembaharuan & Tatakelola baik**
- II. Menaikkan Siling**
- III. Menaikkan Lantai dan taraf hidup rakyat.**



IMBASAN BELANJAWAN 2025

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengimbas kembali peruntukan yang telah diterima oleh **Kementerian Perpaduan Negara** melalui inisiatif khas **Belanjawan 2025**:

- i. **RM50 juta diperuntukkan kepada Kembara Perpaduan Malaysia MADANI** bagi pelaksanaan agenda perpaduan nasional dengan matlamat menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap pentingnya perpaduan sebagai asas Pembangunan Malaysia MADANI;
- ii. **RM20 juta diperuntukkan untuk memperkasa peranan Kawasan Rukun Tetangga (KRT)** sebagai penghubung jalin dalam komuniti
- iii. **RM1 juta diperuntukkan untuk memelihara bahasa kaum minoriti** demi memupuk semangat perpaduan di antara kaum tanpa mengira perbezaan budaya, agama, etnik atau latar belakang.
- iv. **RM15 juta bagi pendigitalan bahan-bahan khazanah warisan negara** dalam usaha memperkasa pendigitalan penyampaian perkhidmatan awam
- v. **RM10 juta bagi pembaikan dan penyelenggaraan premis perpaduan** bagi meningkatkan perkhidmatan awam kepada rakyat

Seperti kita sedia maklum, peranan utama Kementerian ini adalah untuk **mewujudkan platform dan tapak integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa iaitu dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program.** Usaha ini dilaksanakan selaras dengan

Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan berpandukan Dasar Perpaduan Negara.

Pada tahun ini, tema **‘Harmoni Dalam Kepelbagaian’** telah diperkenalkan untuk meningkatkan keharmonian antara penganut agama di negara ini. Tema ini mencerminkan realiti masyarakat Malaysia yang majmuk, di mana perpaduan hanya dapat dicapai melalui penerapan nilai **Faham, Hormat dan Terima** antara satu sama lain.

Hala tuju tahun ini telah direncanakan melalui pelaksanaan 4 ikhtiar utama iaitu:

- I. **Ekosistem Perpaduan** – Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif, Sambutan Minggu Perpaduan, Liga Sukan Uniti, Inisiatif Cilik Perpaduan, MADANI Berkhidmat Misi Sukarelawan Siswa, Biasiswa Tunku Abdul Rahman dan Program Closing The Gap di PPR.
- II. **Inisiatif Harmoni MADANI** – Sambutan Keharmonian Sedunia, Dialog Harmoni, Perarakan Harmoni, Jejak Harmoni, Dokumentari Harmoni dan memperluaskan perkhidmatan mediator komuniti serta penubuhan 5 buah Pusat Mediator Komuniti.
- III. **Eksplorasi Rukun Negara** – Sambutan 55 Tahun Rukun Negara, Program Gerak Integrasi Perpaduan, Pidato Rukun Negara, Citra Negaraku, Arkib Sekolah, Kempen Taat Setia Rukun Negara, Program Jalinan Integrasi Mahasiswa, dan Konvensyen Sekretariat Rukun Negara.

IV. **Komuniti Sosiobudaya** – Citra Nusa Muzium, Majlis Mengenang Jasa Negarawan, Seminar Sejarah Lisan, Arkib Komuniti, Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium, Karnival Baca Perdana dan Festival Kaligrafi Perpaduan.

CADANGAN BELANJAWAN 2026

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Di peringkat **Kementerian Perpaduan Negara**, sebanyak **lima Inisiatif Utama** telah dikenal pasti dan dirangka bagi menyokong agenda perpaduan nasional secara menyeluruh. Inisiatif-inisiatif ini akan dikemukakan untuk pertimbangan dan penyertaan dalam **Belanjawan 2026**, selaras dengan matlamat untuk memperkukuh keharmonian masyarakat majmuk serta memperkasakan komuniti di pelbagai peringkat :

BIL	INISIATIF	PENERANGAN
1.	PERPADUAN DAN IDENTITI NASIONAL (RM 100 JUTA)	Melaksanakan Program Flagship Kembara Perpaduan bagi pengukuhan agenda Pembinaan Negara Bangsa.
2.	KEHARMONIAN DAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI (RM 100 JUTA)	Memantapkan ekosistem perpaduan melalui pendekatan <i>Whole of Nation</i> . Peranan KRT, Skim Rondaan Sukarela, Mediator Komuniti, Tabika dan Taska Perpaduan akan diperkasakan sebagai penggerak utama dan penghubung jalin (<i>bridge builder</i>) dalam komuniti
3.	INI WARISAN KITA (RM 10 JUTA)	Melestarikan perpaduan melalui pemeliharaan dan pemuliharaan warisan negara
4.	TRANSFORMASI PENDIGITALAN (RM 20 JUTA)	Pendigitalan bahan-bahan khazanah warisan negara
5.	PREMIS PERPADUAN KONDUSIF (RM 20 JUTA)	Premis-Premis Perpaduan diberikan tumpuan melibatkan perkhidmatan kepada orang awamterutamanyaberkaitanskop pembaikan dan penyelenggaraan bangunan agensi-agensi di bawah KPN

“

Seperti kita sedia maklum, peranan utama Kementerian ini adalah untuk mewujudkan platform dan tapak integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa iaitu dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program

”



Selain itu, memandangkan pegawai-pegawai daripada **Kementerian Kewangan** turut hadir pada hari ini, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengemukakan **dua cadangan utama** untuk pertimbangan pihak kementerian:

Pertama, **Kementerian Perpaduan Negara (KPN)** mencadangkan agar **Kementerian Kewangan** dan **Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)** mempertimbangkan **penyediaan insentif pengecualian cukai** kepada syarikat-syarikat yang menyumbang secara langsung kepada **program atau aktiviti perpaduan di peringkat komuniti**. Cadangan ini bertujuan untuk menggalakkan lebih banyak kerjasama strategik antara sektor swasta dan kerajaan dalam usaha memperkukuh perpaduan nasional.

Kedua, KPN mencadangkan agar **peruntukan Geran Aktiviti Tahunan Kawasan Rukun Tetangga (KRT)** ditingkatkan daripada **RM6,000 kepada RM10,000 setahun**. Peningkatan ini amat penting bagi membolehkan KRT melaksanakan lebih banyak aktiviti berimpak tinggi yang bersifat inklusif, melibatkan pelbagai kaum dan lapisan masyarakat, sejajar dengan matlamat untuk memperkasa komuniti dan memupuk semangat kekitaan di peringkat akar umbi.



RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

Pembinaan negara bangsa kini telah diangkat sebagai salah satu **tonggak utama dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13)**. Langkah ini memperlihatkan komitmen kerajaan dalam memastikan perpaduan nasional terus diperkukuh sebagai asas kepada kemakmuran dan kestabilan negara.

Usaha ini juga sejajar dengan **Aspirasi Malaysia 2040**, di mana menjelang tahun tersebut, Malaysia disasarkan menjadi sebuah **negara bangsa yang bersatu padu, inklusif dan adil**, dengan rakyat yang hidup dalam suasana masyarakat yang **saksama, harmoni dan saling menghormati**.

Sehubungan itu, saya berharap agar **Kementerian Kewangan** untuk **mempertimbangkan secara serius permohonan peruntukan kewangan** oleh **Kementerian Perpaduan Negara**, memandangkan agenda **pembentukan negara bangsa** kini telah diiktiraf sebagai satu **keutamaan nasional dalam RMK13**.

Peruntukan yang mencukupi dan bersasar amat diperlukan bagi memastikan inisiatif-inisiatif perpaduan dapat dilaksanakan secara menyeluruh, mampan dan memberi impak langsung kepada rakyat di semua lapisan masyarakat.



Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan **ucapan terima kasih kepada semua pemegang taruh** yang hadir pada hari ini. Kehadiran dan komitmen tuan-tuan dan puan-puan amatlah dihargai, dan pastinya akan menyumbang secara langsung kepada perancangan Belanjawan 2026 yang lebih inklusif, berimpak dan berpaksikan rakyat.

Dengan ini, saya merasmikan **Sesi Dialog Belanjawan 2026 Kementerian Perpaduan Negara**.

Sekian, terima kasih.



MAJLIS BERSAMA FRIENDS OF MINISTRY

19 OGOS 2025

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

PENDAHULUAN

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada **11 Ahli Yang Berhormat yang telah dilantik sebagai *Friends of Ministry* bagi Kementerian Perpaduan Negara**. Antara Ahli Yang Berhormat yang dilantik adalah seperti berikut:

- YB Tuan Fong Kui Lun (**Bukit Bintang**)
- YB Tuan Tan Kok Wai (**Cheras**)
- YB Tuan Chow Kon Yeow (**Batu Kawan**)
- YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail (**Bandar Tun Razak**)
- YAB Dato' Seri Amirudin Bin Shari (**Gombak**)
- YB Dr. Mohammed Taufiq Bin Johari (**Sungai Petani**)
- YB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob (**Bera**)
- YB Dato' Seri Hishammuddin Hussein (**Sembrong**)
- YB Datuk Seri Saravanan A/L Murugan (**Tapah**)
- YB Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli (**Batang Lupar**)
- YB Tuan Roy Angau Anak Gingkoi (**Lubok Antu**)

Saya percaya Ahli Yang Berhormat juga akan memainkan peranan penting dalam **memberi cadangan dan pandangan bernas bagi penambahbaikan dasar dan program kementerian**, demi memastikan agenda perpaduan yang inklusif, progresif dan berteraskan nilai-nilai Malaysia Madani dapat dicapai dengan lebih berkesan.

Kementerian amat mengalu-alukan kerjasama erat dan semangat kesepakatan daripada semua pihak, dan saya yakin dengan komitmen bersama ini, kita akan berjaya merealisasikan visi perpaduan negara yang kukuh dan mampan.

HALA TUJU KEMENTERIAN

Izinkan saya kongsi sedikit mengenai Kementerian Perpaduan Negara. Seperti kita sedia maklum, peranan utama Kementerian ini adalah untuk **mewujudkan platform dan tapak integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa iaitu dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program**. Usaha ini dilaksanakan selaras dengan **Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan berpandukan Dasar Perpaduan Negara**.

Pada tahun 2023, Kementerian Perpaduan Negara telah memperkenalkan satu kerangka penting yang dikenali sebagai **Kerangka Perpaduan Membangun Malaysia MADANI**. Kerangka ini menjadi asas kepada pendekatan strategik kementerian dalam memupuk perpaduan berlandaskan nilai-nilai MADANI.

Selaras dengan itu, kementerian mengguna pakai pendekatan **Perpaduan Dalam Kepelbagaian** sebagai fokus utama, dengan memberikan penekanan kepada **penghayatan semula Rukun Negara** termasuk pelaksanaan lafaz penuh ikrar

Rukun Negara di sekolah, institusi pengajian tinggi, majlis rasmi kerajaan, Parlimen dan kini turut diperluaskan ke beberapa Dewan Undangan Negeri (DUN) serta pelaksanaan **inisiatif Eksplorasi Rukun Negara**.

Pada tahun ini, tema **‘Harmoni Dalam Kepelbagaian’** diperkenalkan untuk meningkatkan keharmonian antara penganut agama di negara ini. Tema ini mencerminkan realiti masyarakat Malaysia yang majmuk, di mana perpaduan hanya dapat dicapai melalui penerapan nilai **Faham, Hormat dan Terima** antara satu sama lain.

Hala tuju tahun ini direncanakan melalui pelaksanaan 4 ikhtiar utama iaitu:

- I. Ekosistem Perpaduan** – Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif, Sambutan Minggu Perpaduan, Liga Sukan Uniti, Inisiatif Cilik Perpaduan, MADANI Berkhidmat Misi Sukarelawan Siswa, Biasiswa Tunku Abdul Rahman dan Program Closing The Gap di PPR.
- II. Inisiatif Harmoni MADANI** – Sambutan Keharmonian Sedunia, Dialog Harmoni, Perarakan Harmoni, Jejak Harmoni, Dokumentari Harmoni dan memperluaskan perkhidmatan mediator komuniti serta penubuhan 5 buah Pusat Mediator Komuniti.
- III. Eksplorasi Rukun Negara** – Sambutan 55 Tahun Rukun Negara, Program Gerak Integrasi Perpaduan, Pidato Rukun Negara, Citra Negaraku, Arkib Sekolah, Kempen Taat Setia Rukun Negara, Program Jalinan Integrasi Mahasiswa, dan Konvensyen Sekretariat Rukun Negara.
- IV. Komuniti Sosiobudaya** – Citra Nusa Muzium, Majlis Mengenang Jasa Negarawan, Seminar Sejarah Lisan, Arkib Komuniti, Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium, Karnival Baca Perdana dan Festival Kaligrafi Perpaduan.



**saya berharap
dengan
adanya
platform
Friend of
Ministry ini,
semua ahli-
ahli yang saya
hormati dapat
bersama-
sama dengan
Kementerian
dalam
menyumbang
idea, berkongsi
kepakaran,
serta
berganding
bahu dalam
usaha
mengukuhkan
perpaduan dan
keharmonian
negara.**

Untuk makluman semua, **Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)** kini sedang dilaksanakan untuk kali ketiga dan dijangka skor sebanyak **0.7**, yang mencerminkan tahap perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Indeks ini menilai aspek-aspek penting seperti **hubungan antara etnik, persepsi terhadap identiti nasional dan kepercayaan sosial**, sekali gus menjadi rujukan utama dalam merangka dasar serta inisiatif kementerian ke arah memperkukuh perpaduan negara.

Sejak tahun 2023, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan dan jelas memperlihatkan bahawa **pembinaan Negara Bangsa** merupakan **matlamat akhir** kepada usaha **memperkukuh perpaduan nasional**.

Pembinaan negara bangsa kini telah diangkat sebagai salah satu tonggak utama dalam **RMK13**. Perkara ini selari dengan **ASPIRASI MALAYSIA 2040** iaitu pada tahun 2040, **Malaysia akan menjadi sebuah negara bangsa** yang mempunyai rakyat yang hidup sebagai masyarakat yang saksama.

Dalam dunia yang sedang berdepan cabaran polarisasi, perbezaan identiti dan ancaman terhadap perpaduan sosial, pembinaan negara bangsa bukan lagi satu pilihan, tetapi suatu keperluan mutlak. Ia adalah teras kepada kestabilan, keharmonian dan kemajuan sesebuah negara, lebih-lebih lagi bagi negara majmuk seperti Malaysia.

Sehubungan itu, Kementerian Perpaduan Negara sedang melaksanakan sesi libat urus di seluruh negara bagi merangka **Pelan Tindakan Pembinaan Negara Bangsa**, disusuli penganjuran **Persidangan Pembinaan Negara Bangsa** pada Oktober ini.

Kementerian Perpaduan Negara sentiasa komited melaksanakan pelbagai program yang berteraskan **kenegaraan, pembinaan jati diri dan pemerkasaan nilai perpaduan khususnya dalam kalangan golongan belia**. Ini termasuk inisiatif yang bersifat pendidikan nilai, penghayatan sejarah, dialog antara kaum, serta aktiviti kesukarelawanan yang menyatukan pelbagai latar belakang etnik, budaya dan agama.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

PENGURUSAN ISU PERPADUAN

Seperti sedia maklum, **Kementerian Perpaduan Negara tidak mempunyai sebarang akta yang memberikan kuasa penguatkuasaan** untuk mengambil tindakan terhadap individu yang menyentuh perihal 3R.

Walaubagaimanapun, Kementerian telah mengguna pakai pendekatan reformasi **(*reformative approach*)** dengan mengambil tindakan segera dengan membuat teguran kepada pelaku, serta mendorong pelaku membuat permohonan maaf atas kesalahannya dan mendidiknya melalui perkhidmatan Mediator Komuniti.

Antara mekanisme pengurusan perpaduan yang dijalankan oleh Kementerian adalah:

Statistik

- Indeks Perpaduan Nasional
- Indeks Ketegangan Masyarakat

Majlis Mesyuarat

- Majlis Penasihat Perpaduan Negara
- Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (terdiri daripada 12 agensi kerajaan)
- Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI)

Sistem

- Sistem e-Sepakat
- Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN)
- Dashboard Analitik Perpaduan

Perkhidmatan Mediasi

- Mediator Komuniti (571 orang)
- Pusat Mediasi Komuniti (8 buah telah ditubuhkan dan 5 buah akan ditubuhkan)

Akhir sekali, saya berharap dengan adanya platform ***Friend of Ministry*** ini, semua ahli-ahli yang saya hormati dapat bersama-sama dengan Kementerian dalam **menyumbang idea, berkongsi kepakaran, serta berganding bahu** dalam usaha mengukuhkan perpaduan dan keharmonian negara.

Sekian, terima kasih.



KEMPEN CHAGEE MALAYSIA x JABATAN MUZIUM MALAYSIA

21 OGOS 2025

Salam Malaysia Madani dan Salam Perpaduan.

PENDAHULUAN

Pagi ini kita berhimpun bagi meraikan **Majlis Pelancaran Kerjasama CHAGEE Malaysia dan Jabatan Muzium Malaysia.**

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan penghargaan kepada **Jabatan Muzium Malaysia**, khususnya Muzium Tekstil Negara, kerana berjaya melaksanakan satu bentuk kolaborasi strategik bersama **CHAGEE Malaysia. Usaha ini jelas mencerminkan semangat inovatif dan keterbukaan dalam membawa warisan negara ke pentas yang lebih luas.**



Saya juga ingin memberi penghargaan kepada CHAGEE atas inisiatif mereka menjalin kerjasama strategik dengan Muzium Tekstil Negara. Melalui kolaborasi ini, elemen motif tradisi telah **diadaptasi secara kreatif dalam rekaan produk CHAGEE, antaranya gelas minuman edisi khas, beg kertas mesra alam dan barangan merchandise eksklusif.**

Kerjasama ini merupakan satu langkah yang amat signifikan dalam mempromosikan warisan tekstil Malaysia. Melalui inisiatif ini, CHAGEE telah mengangkat keindahan dan keunikan seni tekstil tradisional negara dengan menampilkan motif dan seni telepak yang begitu halus, berinspirasi koleksi berharga Jabatan Muzium Malaysia iaitu **Kain Batik Lepas Bertelepuk** dan **Sarang Telepak**. Kedua-dua khazanah ini bukan sahaja bernilai dari sudut estetik, tetapi juga melambangkan jati diri dan identiti budaya bangsa.

Untuk makluman hadirin sekalian, **seni telepek merupakan salah satu cabang kesenian tekstil tradisional Melayu yang menggunakan teknik hiasan dengan menekan kepingan emas atau perak berbentuk corak ke atas permukaan kain.** Kehalusan seni telepek ini bukan sahaja menyerlahkan kecantikan busana tradisi, tetapi turut melambangkan status, kemewahan dan nilai budaya masyarakat pada zaman silam.

Kepentingannya amat besar kerana ia memperlihatkan kreativiti serta ketelitian tukang Melayu terdahulu dalam menghasilkan karya seni yang bernilai tinggi. Justeru, **usaha mengekalkan dan mempromosikan seni telepek ini adalah penting supaya warisan negara yang unik dan tidak ternilai harganya dapat terus diwarisi oleh generasi akan datang.**

Saya difahamkan kempen ini telah berlangsung bermula pada **15 Ogos dan akan berakhir pada 15 November 2025.** Marilah kita bersama-sama menyokong kempen ini. Sokongan anda bukan sahaja memperkukuh kesenian dan warisan Malaysia, malah turut memberi sumbangan besar kepada pengukuhan ekonomi serta pasaran produk tempatan.

MEMPERKASA WARISAN NEGARA MENERUSI KOLABORASI

Untuk makluman, di bawah Kementerian Perpaduan Negara terdapat tiga agensi utama yang berperanan sebagai *guardian of heritage*, iaitu **Jabatan Muzium Malaysia, Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia.** Ketiga-tiga institusi ini memegang amanah besar dalam **memelihara khazanah bangsa termasuk artifak, dokumen sejarah, manuskrip serta koleksi ilmu yang amat bernilai.**

Sesungguhnya, **di institusi-institusi inilah tersimpan sumber negara yang tidak ternilai rekod sejarah, karya warisan, koleksi budaya serta khazanah ilmu yang menjadi identiti bangsa Malaysia.** Semua ini adalah harta intelektual dan khazanah budaya yang wajar dimanfaatkan serta diperkasakan demi kesinambungan generasi akan datang.

“

Melalui kolaborasi ini, elemen motif tradisi telah diadaptasi secara kreatif dalam rekaan produk CHAGEE, antaranya gelas minuman edisi khas, beg kertas mesra alam dan barangan merchandise eksklusif.

”

Sehubungan dengan itu, saya mohon pihak Kementerian mengkaji keperluan untuk **mewujudkan satu model pembiayaan baharu yang lebih lestari, iaitu penubuhan Dana Wakaf Khazanah Warisan**. Dana ini akan berfungsi sebagai tabung amanah khas bagi menyokong **inisiatif pemuliharaan, pameran, penyelidikan serta pengembangan seni dan warisan negara**.

Melalui Dana Khazanah Warisan, **sektor korporat, badan berkepentingan, serta masyarakat umum boleh menyalurkan sumbangan dalam bentuk kewangan atau sokongan material**. Sebagai contoh, **Australian Museum di Sydney berjaya mengumpul dana lebih AU\$9 juta** dengan pembahagian kos daripada Westpac Bank, Kerajaan Negeri New South Wales, dan penderma utama. Model perkongsian sebegini membuktikan bahawa kolaborasi kerajaan dan korporat dapat melahirkan impak besar terhadap kelestarian institusi warisan.



Di United Kingdom pula, **Tate Modern mendapat tajaan jangka panjang daripada syarikat gergasi seperti Unilever dan Hyundai untuk menghidupkan program seni di Turbine Hall**. Manakala **British Museum pula menerima sokongan berterusan daripada Bloomberg, Samsung dan Bank of America untuk menganjurkan pameran antarabangsa**. Berdasarkan contoh-contoh ini, Dana Khazanah Warisan di Malaysia boleh menjadi platform strategik yang menghubungkan kerajaan, korporat dan masyarakat dalam memelihara serta memperkasa seni dan warisan negara ke peringkat dunia.



PENUTUP

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutamanya kepada Jabatan Muzium Malaysia dan CHAGEE Malaysia dalam menjayakan kerjasama ini.

Semoga usaha ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan memupuk semangat perpaduan melalui seni dan budaya kita.

Dengan itu, saya merasmikan **Majlis Pelancaran Kerjasama CHAGEE Malaysia dan Jabatan Muzium Malaysia.**

Sekian, terima kasih.



**MAJLIS JAMUAN MUHIBAH SEMPENA
SAMBUTAN JUBLI EMAS RUKUN TETANGGA
2025 DI KRT KG. KASIPILLAY,
KUALA LUMPUR**

28 OGOS 2025

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

Malam ini kita berpeluang berhimpun dalam suasana penuh muhibah bagi meraikan **Majlis Jamuan Muhibah sempena Sambutan Jubli Emas Rukun Tetangga 2025**.

Majlis ini menjadi wadah untuk mengeratkan silaturahim, serta sebagai platform menghargai **kejayaan serta pencapaian Rukun Tetangga sepanjang lima dekad penubuhannya**. Kini sebanyak **8,586 buah KRT** telah ditubuhkan di seluruh negara.

Susulan peristiwa hitam 13 Mei 1969, Tun Abdul Razak telah mengambil langkah bijaksana dengan **mencadangkan penubuhan Rukun Tetangga sebagai benteng keselamatan dan perpaduan rakyat**. Antara yang terawal ditubuhkan pada tahun 1974 ialah **KRT Kampung Baru Macap Baru** pada 1 Januari 1974, **KRT Pekan Alor Gajah** pada 2 Januari 1974, serta **KRT Pekan Masjid Tanah** pada 3 Januari 1974.



Seiring dengan itu, satu peraturan khas iaitu **Peraturan Rukun Tetangga 1975 telah digubal** dan diluluskan, sekali gus memberikan kuasa tertentu kepada pertubuhan ini bagi melaksanakan fungsinya. Pada tanggal **29 Ogos 1975**, Tun Abdul Razak telah **melancarkan secara rasminya penubuhan Rukun Tetangga seluruh negara di Kampung Kasipillay, Kuala Lumpur**.

Walaupun pada peringkat awal penubuhannya Rukun Tetangga lebih tertumpu kepada aspek keselamatan komuniti, namun dalam tempoh 50 tahun perjalanan ini, peranannya telah berkembang dengan begitu signifikan. **Rukun Tetangga telah menjadi sebuah institusi akar umbi yang membina keyakinan, menyemai nilai kebersamaan, serta memperkukuh hubungan kejiiran merentas kaum dan agama.**

Sejak daripada itu, kelestarian Rukun Tetangga sebagai **pemacu agenda perpaduan di peringkat komuniti telah terbukti memberi impak besar terhadap keharmonian masyarakat dan pembangunan negara.** Hari ini, Rukun Tetangga bukan sahaja sinonim dengan keselamatan, malah menjadi platform **penggerak komuniti progresif, pemangkin semangat kesukarelawanan, serta benteng utama perpaduan rakyat Malaysia.**



KRT PENGGERAK KOMUNITI PROGRESIF

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Seterusnya, **pada tahun 2024, Kementerian telah mengambil langkah proaktif untuk memperkasakan Rukun Tetangga sebagai Penggerak Komuniti Progresif.**

Peranan Rukun Tetangga sebagai penggerak, pengantara penting serta **penjalin hubungan (*bridge builder*)** dalam masyarakat menuntut satu lonjakan transformasi, khususnya melalui landskap pembangunan yang dipacu oleh komuniti sendiri (***community-driven development***).

Sehubungan itu, Kementerian telah menetapkan lapan (8) bidang tumpuan utama bagi memastikan Rukun Tetangga menjadi entiti yang relevan, inklusif dan berdaya tahan, iaitu: **Ekonomi dan Sara Hidup, Keselamatan dan Ketahanan Komuniti, Kepimpinan, Kesejahteraan Komuniti, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya serta Daya Cipta**. Bidang-bidang ini diyakini akan menjadikan Rukun Tetangga sebagai wahana penting dalam membangunkan komuniti progresif yang mampu menghadapi cabaran semasa dan masa hadapan.

Justeru, bagi menterjemahkan inisiatif ini, **Kerangka Pemerkasaan Rukun Tetangga Sebagai Penggerak Komuniti Progresif telah dibangunkan** dan diselaraskan dengan Dasar Perpaduan Negara. Komitmen kerajaan dalam perkara ini turut dizahirkan melalui **peruntukan tambahan sebanyak RM20 juta dalam Belanjawan 2024, serta RM20 juta lagi dalam Belanjawan 2025** bagi menyokong serta menggerakkan inisiatif pemerkasaan Rukun Tetangga di seluruh negara.

Inisiatif Rukun Tetangga Progresif ini dirancang untuk dilaksanakan melalui **tiga (3) fasa utama**:

(a) Fasa 1 – Tahun 2024 (Jangka Masa Pendek)

Sekurang-kurangnya 116 Rukun Tetangga telah dikenal pasti dan diperkasakan sebagai Model RT Progresif pada fasa ini.

(b) Fasa 2 – Tahun 2025 (Jangka Masa Sederhana)

Fasa kedua akan memperluas inisiatif ini kepada sekurang-kurangnya 300 Rukun Tetangga, yang diperkasakan atau dimodelkan sebagai RT Progresif di seluruh negara.

(c) Fasa 3 – Tahun 2026 (Jangka Masa Panjang)

Cadangan fasa ketiga adalah untuk meletakkan Inisiatif Pemerkasaan Rukun Tetangga di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13).

“

Rukun Tetangga telah menjadi sebuah institusi akar umbi yang membina keyakinan, menyemai nilai kebersamaan, serta memperkukuh hubungan kejiiran merentas kaum dan agama.

”



Ramai yang bertanya kepada saya, apakah kaitan antara aktiviti ekonomi komuniti dengan usaha memperkukuh perpaduan masyarakat. Jawapan saya mudah – **aktiviti sebegini mencipta tapak integrasi, tempat di mana rakyat dari pelbagai latar belakang bertemu, berinteraksi dan bekerjasama.** Di samping itu, ia turut menjadi **platform menjana pendapatan setempat**, sekali gus memperkukuh kesejahteraan masyarakat.

Model seperti ini turut dilaksanakan di negara lain contohnya di **Rwanda, sebuah komuniti rekonsiliasi pasca-genosid menerapkan aktiviti seperti tenunan bakul untuk memupuk perpaduan antara pihak berkonflik.**

Kini tiba masanya, **Rukun Tetangga Progresif** bukan sahaja berperanan dalam menjana pendapatan, tetapi memastikan hasil tersebut tidak hanya dinikmati oleh segelintir pihak. Sebaliknya, ia perlu dikembalikan semula kepada masyarakat dalam bentuk **“Manfaat Bersama” (Shared Benefits).**

Sebagai contoh, keuntungan daripada aktiviti ekonomi komuniti boleh digunakan untuk:

- **menambah baik kemudahan** bersama seperti balai komuniti atau pusat aktiviti;
- **membiayai program pendidikan** dan latihan kemahiran untuk anak muda setempat;
- **menyokong bantuan kebajikan** kepada golongan rentan dalam kawasan kejiranan.

Kepada semua KRT di seluruh negara, jadikan **prinsip Manfaat Bersama ini sebagai roh perjuangan supaya setiap usaha, setiap inisiatif, dan setiap kejayaan ekonomi** yang dicapai, akhirnya kembali memberi nilai tambah kepada komuniti setempat. Inilah tanda kecemerlangan sebenar sebuah KRT yang progresif.

Saya juga ingin memohon agar **Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)** menjadikan konsep “**Manfaat Bersama**” ini sebagai **kriteria utama** dalam menilai Kawasan Rukun Tetangga (KRT) bagi **Anugerah KRT Terbaik** yang akan diadakan kelak.



GENERASI MUDA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua generasi KRT daripada **generasi perintis** yang telah meletakkan asas kukuh sejak tahun 1975, hinggalah ke **generasi hari ini** yang terus meneruskan perjuangan ini dengan penuh semangat dan keazaman.

Dalam masa yang sama, saya ingin menyeru kepada **generasi muda** agar turut menyertai dan memainkan peranan aktif, khususnya melalui platform **Jiran Muda di bawah KRT**.

Kini, **28 peratus populasi negara kita adalah anak muda berusia bawah 30 tahun**, oleh itu saya mohon agar setiap KRT **wajib mempunyai sekurang-kurangnya 30 peratus keahlian daripada golongan muda**. Inilah jaminan kepada kelestarian KRT untuk kekal **mampan (sustainable), progresif dan aktif** dalam jangka panjang.



PENUTUP

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Malam ini juga menyaksikan satu detik bersejarah iaitu **perasmian Monumen 50 Tahun Jubli Emas Rukun Tetangga di KRT Kg. Kasipillay**. Monumen ini adalah simbol pengiktirafan kepada jasa dan pengorbanan para sukarelawan KRT selama lima dekad.

Akhir kata, marilah kita terus mengamalkan tiga prinsip integrasi nasional iaitu **Faham, Hormat dan Terima** dalam kehidupan seharian. Jangan biarkan perbezaan memecahbelahkan kita, sebaliknya, jadikan ia kekuatan untuk memperkukuh perpaduan.

Saya yakin, dengan kerjasama erat antara kerajaan, pemimpin komuniti dan rakyat, **Rukun Tetangga akan terus menjadi benteng perpaduan untuk sekurang-kurangnya 50 tahun akan datang dan seterusnya.**

Dengan penuh sukacita, saya **merasmikan Majlis Jamuan Muhibah serta Monumen 50 Tahun Jubli Emas Rukun Tetangga 2025 di KRT Kg. Kasipillay, Kuala Lumpur.**

Sekian, terima kasih.



MAJLIS SAMBUTAN JUBLI EMAS RUKUN TETANGGA 2025 PERINGKAT KEBANGSAAN

29 OGOS 2025

PENDAHULUAN

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas kehadiran komuniti Rukun Tetangga dan jentera perpaduan dari seluruh negara ke **Sambutan Jubli Emas Rukun Tetangga** anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Sambutan Jubli Emas Rukun Tetangga diadakan sebagai **pengiktirafan dan penghargaan kepada kejayaan perkhidmatan Rukun Tetangga sepanjang 50 tahun penubuhannya**. Sehubungan itu, sambutan pelaksanaannya akan dilaksanakan di setiap peringkat pelaksanaan iaitu di peringkat kebangsaan, peringkat negeri, daerah dan bahagian serta di peringkat akar umbi iaitu di Kawasan Rukun Tetangga.

Kementerian Perpaduan Negara juga telah memperkenalkan **logo dan slogan baharu** bagi Kawasan Rukun Tetangga dalam usaha memperkuatkan identiti serta peranan mereka dalam menyemai perpaduan nasional di peringkat akar umbi. Logo lama yang telah digunakan sejak tahun 2005 telah digantikan dengan rekaan yang lebih segar, moden dan penuh simbolik, selari dengan tema baharu: **“Memperkasa Komuniti, Mengukuh Perpaduan”**.



EVOLUSI RUKUN TETANGGA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Skim Rukun Tetangga telah diperkenalkan berikutan berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 di bawah Ordinan Darurat 1969.

Sepanjang usia penubuhannya, Rukun Tetangga telah mengalami evolusi bermula dengan **konsep keselamatan melalui rondaan wajib, konsep Kejiranan yang diperkenalkan pada tahun 1984, konsep Pembangunan Komuniti pada tahun 2001, Model Transformasi Rukun Tetangga pada tahun 2010 dan Inisiatif Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif pada tahun 2024.**



“

Saya dengan bangganya ingin mengumumkan bahawa sebanyak 504 projek ekonomi komuniti Rukun Tetangga telah dibangunkan pada tahun ini merangkumi pertanian, makanan, kraftangan, pelancongan dan produk bukan makanan.

”

Kini, sebanyak **8,586 Kawasan Rukun Tetangga** telah ditubuhkan di seluruh negara, menjadi **tulang belakang kepada usaha memupuk semangat kejiranan, memperkukuh perpaduan dan memastikan kesejahteraan komuniti setempat**. Jumlah ini bukan sekadar angka, tetapi melambangkan kekuatan jaringan masyarakat akar umbi yang sentiasa berganding bahu, bekerjasama dan bersatu hati dalam menjayakan agenda perpaduan nasional.

Saya ingin merakamkan rasa syukur kerana dapat bersama-sama menyaksikan Rukun Tetangga (RT) mencipta sejarahnya kerana telah memberikan khidmat bakti kepada masyarakat genap 50 tahun perkhidmatannya pada tahun ini. Legasi Rukun Tetangga yang kekal utuh sejak tahun 1975 ini membuktikan bahawa organisasi ini tetap relevan dan telah berjaya menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang penubuhannya.



RUKUN TETANGGA PEMACU EKONOMI KOMUNITI

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Pada tahun 2024, sebanyak 152 Rukun Tetangga telah dimodelkan sebagai penggerak komuniti progresif manakala sasaran pelaksanaannya **pada tahun ini adalah sekurang-kurangnya sebanyak 300 Rukun Tetangga akan dimodelkan sebagai penggerak komuniti progresif**.

Bidang tumpuan Ekonomi dan Sara Hidup telah diberikan perhatian sebagai teras utama dalam memperkukuh kesejahteraan rakyat. Fokus ini bukan sahaja berorientasikan usaha untuk **meringankan beban kos sara hidup yang semakin mencabar**, tetapi turut digerakkan ke arah **meningkatkan sosioekonomi dan menjamin kualiti hidup yang lebih baik bagi seluruh komuniti**.



Melalui inisiatif ini, Rukun Tetangga berperanan sebagai **pemangkin pembangunan setempat dengan menyediakan peluang pekerjaan, menjana pendapatan baharu, serta memperluas jaringan ekonomi komuniti**, sekali gus memperkukuh daya tahan masyarakat dalam menghadapi cabaran semasa.

Saya dengan bangganya ingin mengumumkan bahawa sebanyak **504 projek ekonomi komuniti Rukun Tetangga** telah dibangunkan pada tahun ini merangkumi **pertanian, makanan, kraftangan, pelancongan dan produk bukan makanan**.

Model sebegini akan menjadikan Rukun Tetangga lebih dinamik, progresif, serta relevan dengan keperluan semasa rakyat. Inilah lonjakan transformasi yang akan memastikan Rukun Tetangga bukan sekadar benteng perpaduan, tetapi juga menjadi pusat kuasa ekonomi komuniti yang menjana manfaat bersama untuk generasi kini dan akan datang.

Di bawah **Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13)**, kerajaan telah memperuntukkan penaiktarafan **Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN)** sebagai pusat kecemerlangan dalam memperluas aktiviti penyelidikan serta memperkukuh latihan. Seiring dengan mandat baharu ini, saya berharap IKLIN dapat **melipatgandakan usaha menyediakan latihan bersepadu dan bersasar khususnya kepada pemimpin KRT Progresif**.

Pada masa yang sama, **JPNIN dan IKLIN perlu menjadi pemacu kerjasama strategik dengan pelbagai agensi kerajaan dan rakan pembangunan lain seperti INSKEN, SME Corp, PUNB, MARA Corp, TEKUN, AIM, Jabatan Pertanian, MARDI, FAMA, Bioeconomy Corporation, Kraftangan Malaysia dan sebagainya**.

Jalinan kerjasama ini penting bagi **membina ekosistem sokongan yang kukuh untuk memperkasa KRT Progresif**, bukan sahaja dalam aspek kepimpinan, malah juga dalam pembangunan ekonomi, kesejahteraan sosial, inovasi komuniti serta daya tahan jangka panjang.

Dalam konteks ini, saya ingin menegaskan bahawa sudah tiba masanya **kita mengamalkan pendekatan “No More Silo” dalam pelaksanaan inisiatif komuniti**. Hanya melalui pendekatan **Whole of Government** yang melibatkan kerjasama menyeluruh merentas kementerian, agensi dan pihak berkepentingan, segala sumber, kepakaran serta peluang dapat digembleng secara optimum.

Dalam kesempatan ini juga, saya ingin mencadangkan agar Kementerian menyediakan satu kertas pertimbangan untuk dibawa ke Jemaah Menteri bagi mengangkat cadangan pelaksanaan **KRT Angkat MADANI**, sepertimana mekanisme **Sekolah Angkat MADANI** dan **Kampung Angkat MADANI**. Melalui inisiatif ini, syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dapat bersama-sama memainkan peranan dalam menyokong pembangunan komuniti di bawah Rukun Tetangga.

PINDAAN AKTA RUKUN TETANGGA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Bagi menambah baik Akta 751 agar lebih komprehensif serta relevan dengan peredaran semasa, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) selaku agensi yang dipertanggungjawabkan terhadap pengurusan Rukun Tetangga (RT) telah meneliti semula peruntukan-peruntukan dalam Akta tersebut **memandangkan ia**

tidak pernah dipinda sejak mula berkuat kuasa pada 22 Jun 2012.

Semakan ini penting bagi **memperkuhkan peranan serta fungsi RT dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) sebagai peneraju dalam aspek keselamatan dan keharmonian komuniti**, di samping memastikan Akta 751 terus mantap dan sesuai dengan keperluan semasa.

Salah satu isu utama yang dikenal pasti ialah tempoh pelantikan jawatankuasa RT yang hanya dua (2) tahun setiap penggal, suatu tempoh yang terlalu singkat dan tidak memadai untuk membolehkan Ahli Jawatankuasa RT (AJKRT) melaksanakan perancangan serta fungsi mereka sepenuhnya sebagaimana termaktub di bawah Seksyen 8 Akta 751.

Sehubungan itu, Kementerian akan mencadangkan agar **tempoh pelantikan jawatankuasa RT dipanjangkan daripada dua (2) tahun kepada tiga (3) tahun bagi setiap penggal**. Walau bagaimanapun, **pelantikan tersebut dihadkan kepada maksimum dua penggal berturut-turut di kawasan yang sama**, iaitu tidak melebihi enam (6) tahun keseluruhannya. Selanjutnya, AJKRT tersebut juga boleh dilantik semula bagi tempoh yang tidak melebihi satu penggal dengan kelulusan Ketua Pengarah.

Cadangan pindaan ini akan dibentangkan dalam **Mesyuarat Penggal Ketiga Parlimen pada bulan Oktober 2025 ini** untuk pertimbangan dan kelulusan. Langkah ini menzahirkan komitmen kerajaan dalam memastikan Akta 751 terus relevan, mantap, serta mampu memperkuhkan peranan Rukun Tetangga sebagai platform utama keselamatan, kesejahteraan dan perpaduan komuniti di negara ini.



PENUTUP

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pemimpin serta ahli jawatankuasa Rukun Tetangga, sama ada yang baharu mahupun yang telah lama berkhidmat, atas sumbangan besar mereka dalam melaksanakan khidmat kemasyarakatan di peringkat kawasan kejiranan masing-masing.

Anda semua adalah **jambatan penghubung antara kerajaan dan rakyat**, barisan hadapan yang memastikan semangat kebersamaan dan perpaduan terus hidup dalam masyarakat. Sesungguhnya, anda adalah **unsung heroes** yang berjuang tanpa mengira penat lelah demi kesejahteraan komuniti dan masa depan negara tercinta.

Dengan ini, saya merasmikan Sambutan Jubli Emas Rukun Tetangga Peringkat Kebangsaan.

Sekian, terima kasih.



MAJLIS PERASMIAN KAMPUNG ANGKAT MADANI

6 SEPTEMBER 2025



Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

PENDAHULUAN

Terlebih dahulu, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional atas penganjuran Majlis Perasmian **Kampung Angkat MADANI di Kampung Sungai Balingiau, Kanowit.**

Projek Kampung Angkat MADANI merupakan satu pendekatan strategik berasaskan semangat inklusif, tanggungjawab sosial serta kerjasama erat antara agensi kerajaan dan komuniti setempat. Ia selari dengan prinsip teras Malaysia MADANI yang mengutamakan **kesejahteraan, kemampanan dan keterangkuman.**

Inisiatif ini diperkenalkan dalam Belanjawan 2024 dengan matlamat **meningkatkan capaian kemudahan asas seperti air, elektrik, jalan, lampu jalan, kemudahan masyarakat dan capaian internet** menerusi pendekatan Whole of Government.

Sebanyak **43 kampung telah menerima manfaat pada tahun 2024.** Kejayaan ini membuktikan bahawa jentera kerajaan mampu berganding bahu di luar kebiasaan untuk memastikan projek siap dalam tempoh ditetapkan demi kepentingan rakyat.

Melihat kepada impak yang positif, **Kerajaan memutuskan untuk meneruskan projek ini pada tahun 2025 dengan sasaran 200 kampung,** melibatkan peruntukan RM200 juta, dan had maksimum RM1.0 juta bagi setiap kampung.

**PEMILIHAN KAMPUNG SUNGAI
BALINGIAU SEBAGAI KAMPUNG ANGKAT
MADANI**

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Kampung Sungai Balingiau dipilih kerana potensinya yang besar untuk menjadi model pembangunan komuniti luar bandar secara holistik dan bersepadu. Pelbagai skop projek telah dikenal pasti dan dirancang untuk dilaksanakan di bawah inisiatif ini, termasuk:

- i. Memasang papan tanda Kampung Angkat MADANI;
- ii. Menaik taraf dan menyelenggara jalan masuk ke Sekolah Kebangsaan Nanga Balingiau;
- iii. Menaik taraf laluan pejalan kaki (walkway) di sekolah yang sama;
- iv. Menaik taraf dan menyelenggara jalan masuk utama ke Rumah Sandai dan Rumah Awin;
- v. Membina tandas awam di Rumah Awin dan Rumah Sandai ;
- vi. Menaik taraf jambatan besi ke Rumah Awin serta laluan keluar dan masuk;
- vii. Menaik taraf gelanggang futsal di kawasan Rumah Panjang Leka; dan
- viii. Melaksanakan program kemasyarakatan bersama penduduk setempat.

Untuk makluman hadirin sekalian, peruntukan RM1 juta bagi pelaksanaan projek di **Kampung Sungai Balingiau** telah pun disalurkan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Sarawak pada 20 Jun 2025.

Saya ingin menegaskan bahawa urusan perolehan mestilah dilaksanakan segera, selaras dengan peraturan dan tatacara kewangan yang berkuat kuasa. **Ini bagi**

memastikan projek dapat dimulakan tanpa kelewatan dan siap sebelum penutupan akaun pada Disember 2025 agar manfaatnya dapat segera dirasakan dan tiada pembaziran berlaku.

“
**Melalui
program di
peringkat
kejiranan,
persatuan
penduduk,
KRT, NGO
dan institusi
masyarakat,
komuniti
mampu
menggalakkan
interaksi
yang sihat,
semangat
kebersamaan
serta budaya
tolong-
menolong
yang menjadi
asas kepada
keharmonian.**
”

INDEKS PERPADUAN NASIONAL

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Dalam Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas), tadbir urus dan pembangunan dikenal pasti sebagai salah satu indikator utama kerana ia mempunyai hubungan langsung dengan usaha mengukuhkan perpaduan negara. Sesebuah masyarakat yang menikmati pembangunan secara adil dan saksama akan merasakan diri mereka turut dihargai dan dilibatkan dalam arus kemajuan negara.

Sekiranya terdapat **jurang pembangunan yang ketara antara kumpulan masyarakat atau kawasan, ia boleh menimbulkan perasaan terpinggir yang akhirnya mengugat keharmonian sosial.**

Dalam konteks ini, tadbir urus yang telus, adil dan berintegriti menjadi asas kepada pembinaan keyakinan rakyat terhadap kerajaan. Kepercayaan ini bukan sahaja memastikan sokongan masyarakat terhadap dasar-dasar negara, malah mengekalkan rasa kebersamaan dalam kalangan rakyat berbilang kaum dan agama. Pembangunan pula bukan sekadar melibatkan aspek fizikal seperti infrastruktur atau ekonomi, tetapi juga merangkumi pembangunan insan melalui pendidikan, latihan kemahiran, dan pemeraksanaan modal sosial.

Peranan komuniti akar umbi juga amat penting dalam memastikan perpaduan negara terus terpelihara. Komuniti setempat merupakan barisan hadapan yang paling dekat dengan kehidupan rakyat, justeru mereka berperanan besar dalam membina jalinan hubungan sosial yang kukuh merentasi kaum, agama dan budaya.



Melalui program di peringkat kejiwaan, persatuan penduduk, KRT, NGO dan institusi masyarakat, komuniti mampu menggalakkan interaksi yang sihat, semangat kebersamaan serta budaya tolong-menolong yang menjadi asas kepada keharmonian.

Selain itu, **komuniti akar umbi juga menjadi penghubung antara dasar kerajaan dengan realiti masyarakat setempat.** Dengan melibatkan diri secara aktif dalam dialog, aktiviti sosial, pendidikan, serta inisiatif kemasyarakatan, komuniti dapat memainkan peranan sebagai mekanisme awal dalam menyelesaikan konflik kecil sebelum ia menular menjadi isu besar.





PENUTUP

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

Projek Kampung Angkat MADANI ini bukan sekadar pembangunan fizikal, tetapi bertunjangkan kepada semangat perpaduan dan pemberdayaan komuniti. Ia melibatkan penyertaan aktif kerajaan, NGO dan rakyat dalam membina masyarakat yang bersatu padu, sejahtera dan mampan.

Aku sama begulai engau semua bala kitai di menoa Kanowit tu deka ngelantang serta ngemaju ka Kampung Sungai Balingiau tu enti kita semua tetap nyukung sereta sama-sama begempung begulai enggau manah. Enggau cara pengidup ti sama-sama nyukung pangan diri kita ulih ngaga rumah panjai tu lebih panjai ari ka sepengudah tu.

Dengan itu, saya merasmikan **Majlis Perasmian Projek Kampung Angkat MADANI Kanowit Tahun 2025.**

Sekian, terima kasih.



MAJLIS PELUNCURAN MAJLIS SEJARAWAN NEGARA (MSjN)

8 SEPTEMBER 2025

Terima kasih saudara pengacara majlis

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

PENDAHULUAN

Terlebih dahulu, saya dengan penuh hormat dan sukacitanya mengalu-alukan kehadiran **YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia**, kerana sudi bersama kita pada hari ini bagi menyempurnakan **Majlis Peluncuran Majlis Sejarawan Negara**.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada **Anggota Majlis Sejarawan Negara yang akan bakal dilantik sebentar lagi**, kerana akan menganggotai sebuah majlis yang amat penting serta berperanan besar dalam membantu kerajaan menasihati berhubung naratif sejarah negara.

Untuk makluman semua, **penubuhan Majlis Sejarawan Negara ini telah dicadangkan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri** semasa perasmian Konvensyen Sejarah Negara dan Perpaduan Nasional 2024.





Sehubungan itu, **Kementerian Perpaduan Negara telah mengangkat penubuhan Majlis Sejarawan Negara Jemaah Menteri dan diluluskan pada 24 Januari 2025.** Keahlian bagi majlis yang julung kalinya ditubuhkan ini terdiri daripada:

- I. sepuluh (10) orang Sejarawan
- II. dua (2) orang ahli Arkeologi
- III. dua (2) orang ahli Antropologi dan Sosiologi
- IV. tiga (3) orang wakil daripada Kementerian Perpaduan Negara, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pendidikan Malaysia

Keanggotaan Majlis Sejarawan Negara ini adalah bagi **tempoh dua (2) tahun, bermula 1 Ogos 2025 hingga 31 Julai 2027.** Penubuhan majlis ini sebagai sebuah entiti yang **mengawal selia aspek kajian, rujukan sumber, penulisan, penerbitan, pendidikan sejarah serta advokasi berkaitan sejarah negara** adalah amat penting bagi memastikan kestabilan, keamanan, keharmonian, dan perpaduan negara terus terpelihara. Pada masa yang sama, Majlis Sejarawan Negara turut **berperanan untuk menjamin agar penemuan serta sumbangan pelbagai pihak dalam sejarah dan pembangunan negara direkodkan.**

Langkah Kerajaan menubuhkan majlis ini adalah inisiatif strategik negara sejajar untuk **membangunkan identiti nasional yang kukuh dan berpaksikan sejarah, memastikan ketepatan fakta sejarah dalam wacana awam dan pendidikan serta menyediakan wadah profesional kepada sejarawan.**

“

Dalam konteks masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia, sejarah yang tepat, inklusif dan telus menjadi kunci kepada persefahaman antara kaum, budaya, dan wilayah.

”

MEMPERKUKUH JATI DIRI MELALUI SEJARAH

Sejarah merupakan komponen utama dalam warisan budaya. Naratif sejarah negara yang inklusif dan adil terhadap semua kaum dapat menggalakkan persefahaman dan perpaduan. Dalam konteks masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia, **sejarah yang tepat, inklusif dan telus menjadi kunci kepada persefahaman antara kaum, budaya, dan wilayah.**

Bagi memperkukuh jati diri rakyat Malaysia, Kementerian Perpaduan

Negara melalui Arkib Negara Malaysia telah melancarkan dua inisiatif berimpak tinggi, iaitu **Arkib@Sekolah** dan **Arkib Komuniti**.

Matlamat utama Arkib@Sekolah adalah untuk memupuk kesedaran sejarah yang mendalam, memperkukuh identiti kebangsaan, serta menanam semangat cinta negara dalam kalangan murid dan pelajar. Melalui pameran seperti Malaysia, Tanah Airku, para pelajar didedahkan kepada detik-detik penting sejarah negara serta tokoh-tokoh kemerdekaan.

Sementara itu, **inisiatif Arkib Komuniti** memberi ruang kepada masyarakat untuk mengurus, mendokumentasi, dan memelihara warisan sejarah serta budaya tempatan mereka secara sukarela dan tersusun. Melalui program ini, individu dan komuniti digalakkan membangunkan arkib mereka sendiri bagi merakam kisah, pengalaman, dan warisan yang mencerminkan identiti unik sesuatu masyarakat.

Kedua-dua inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Perpaduan Negara dalam memperkukuh hubungan antara rakyat dengan sejarah dan warisan negara.

Arkib Negara Malaysia berperanan penting dalam memelihara identiti kebangsaan, menyediakan sumber maklumat untuk penyelidikan dan pendidikan, serta melindungi warisan budaya negara kita. **Suka juga saya nyatakan bahawa masih banyak rekod mengenai Malaysia yang berada di luar negara perlu diperoleh kerana ia amat penting sebagai bukti untuk mempertahankan hak kedaulatan negara, termasuk kawasan, sempadan, dan wilayah.**

Kegagalan memperoleh rekod-rekod ini, sama ada dokumen rasmi atau tidak rasmi seperti fail pentadbiran, laporan, dan perjanjian, boleh mengakibatkan Malaysia kehilangan hak serta kepentingan dalam usaha melindungi negara dan rakyat pada masa hadapan.

Namun begitu, kos untuk memperoleh dan membawa pulang rekod-rekod penting ini adalah besar, justeru ia memerlukan perancangan strategik serta sokongan berterusan daripada pelbagai pihak.



PENUTUP

Kementerian Perpaduan Negara terus menyokong usaha ke arah pembinaan naratif sejarah yang mencerminkan kepelbagaian dan penyatuan, agar generasi akan datang dapat mempelajari sejarah negara berasaskan fakta yang sahih serta dapat dibuktikan dengan jelas. **Usaha ini juga selari dengan agenda pembinaan negara bangsa seperti yang digariskan melalui Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).**

Semoga Majlis Sejarawan Negara dapat membantu dalam memperkukuh nilai sejarah dan jati diri nasional, memartabatkan warisan dan sejarah serta menyediakan naratif sejarah yang menyatukan secara berstruktur dan berimpak tinggi.

Sekian, terima kasih.



BICARA SEJARAH ASEAN "KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN"

9 SEPTEMBER 2025

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

PENDAHULUAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada Arkib Negara Malaysia atas inisiatif penganjuran **Bicara Sejarah ASEAN “Keterangkuman dan Kemampanan”** ini.

ASEAN, singkatan kepada Association of Southeast Asian Nations, ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 menerusi Deklarasi Bangkok yang dimeterai oleh lima negara pengasas, iaitu Malaysia, Indonesia, Thailand, Singapura dan Filipina. ASEAN lahir daripada keinginan untuk membina keamanan, menolak konflik dan memperkukuh kerjasama serantau. Malaysia adalah antara pengasas utama dan sejak itu ASEAN terus berkembang daripada lima negara anggota kepada sepuluh kini.

Malaysia telah beberapa kali dilantik menjadi Pengerusi ASEAN, iaitu pada tahun 1977, 1997, 2005 dan 2015. Tahun 2025 menyaksikan Malaysia sekali lagi menggalas amanah besar sebagai Pengerusi ASEAN. Ini adalah peluang dan cabaran. Malaysia akan bertanggungjawab memandu hala tuju ASEAN, merangka agenda strategik serta memastikan organisasi ini terus kukuh menghadapi cabaran global.



Tema ASEAN 2025 “Keterangkuman dan Kemampanan” mengangkat cita rasa bersama dalam membentuk Komuniti ASEAN 2025 yang berpaksikan kepada tiga tunjang utama:

- i. Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN (APSC);
- ii. Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC); dan
- iii. Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC).

Malaysia, melalui **Kementerian Perpaduan Negara**, memimpin pelaksanaan teras **Komuniti Sosio-Budaya**, khususnya dalam aspek pemupukan kefahaman sejarah, penghargaan warisan dan semangat serantau.

Untuk itu, selain daripada Program Bicara Sejarah ASEAN ini, Kementerian Perpaduan Negara melalui agensi di bawahnya turut menganjurkan pelbagai inisiatif lain yang berimpak besar. Antaranya ialah **Congress of Southeast Asian Librarians (CONSAL)**, **Pameran Semangat ASEAN**, **ASEAN Fabric Symposium 2025**, serta penyertaan dalam **YSS Green Summer Volunteer Campaign (GSCV) di Vietnam**. Kesemua program ini bukan sahaja memperkukuh hubungan serantau, malah membuka ruang pertukaran ilmu, budaya dan pengalaman yang dapat menyemai semangat kebersamaan dalam kalangan rakyat Malaysia dan komuniti ASEAN.

Walaupun negara anggota berbeza sejarah, budaya, bahasa dan agama, kita memilih jalan kerjasama dan persefahaman. **Semangat 'ASEAN Way' yang berteraskan muafakat dan hormat-menghormati membuktikan bahawa kepelbagaian bukan penghalang kepada perpaduan, malah menjadi sumber kekuatan.** Inilah nilai yang turut kita semarakkan dalam masyarakat Malaysia bahawa kestabilan dan kemajuan hanya dapat dicapai apabila kita bersatu dalam kepelbagaian.



“

Naratif sejarah ASEAN yang dipelihara akan memperlihatkan betapa nilai perpaduan, kerjasama dan saling menghormati telah lama menjadi teras hubungan antara negara di rantau ini.

”

PERANAN ARKIB NEGARA

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Segala catatan, rekod diplomasi, dokumen perjanjian, ucapan pemimpin serta naratif sejarah ASEAN perlu dipelihara dan didokumentasikan secara sistematik. Hal ini penting kerana sejarah bukan sahaja menjadi rujukan akademik, tetapi juga sumber ilmu untuk memahami bagaimana negara-negara ASEAN membina asas kerjasama serantau sejak lebih lima dekad lalu. Dokumentasi yang menyeluruh ini mampu **menjadi panduan kepada generasi akan datang dalam menghadapi cabaran geopolitik, ekonomi dan sosial yang semakin kompleks.**

Dalam usaha ini, institusi seperti **arkib, muzium, perpustakaan dan pusat penyelidikan perlu memainkan peranan utama.** Mereka bukan sekadar berfungsi sebagai penjaga khazanah sejarah, tetapi turut menjadi wadah penghubung antara rakyat dengan akar identiti serantau mereka. Melalui pameran, penerbitan, digitalisasi dan pelbagai medium kreatif, sejarah ASEAN dapat dihidupkan semula agar dekat di hati masyarakat, khususnya golongan muda.

Naratif sejarah ASEAN yang dipelihara akan memperlihatkan betapa nilai perpaduan, kerjasama dan saling menghormati telah lama menjadi teras hubungan antara negara di rantau ini. Dengan itu, penghayatan sejarah bukan sahaja memperkukuh jati diri kebangsaan, malah mengukuhkan perasaan kebersamaan serantau yang amat diperlukan dalam membina masa depan yang lebih stabil dan harmoni.

Sesungguhnya, Bicara sebegini adalah sejajar dengan peranan Arkib Negara dalam melestarikan warisan negara melalui pengumpulan, penyelidikan dan penerbitan bahan arkib yang autentik. Terdapat **sejumlah 2,935 bahan arkib menggunakan kata kunci (keyword) ASEAN yang boleh diakses melalui Sistem COMPASS Arkib Negara.**

Saya **menggalakkan rakyat Malaysia untuk memanfaatkan kemudahan penyelidikan Arkib Negara baik secara fizikal di ibu pejabat dan 10 Arkib Negara Malaysia Negeri di seluruh negara mahu pun secara maya melalui sistem Online Finding Aid (OFA).**

Selain daripada platform Bicara ini, saya mengambil kesempatan **menyeru kepada semua untuk turut menyumbang bahan berkaitan ASEAN atau sejarah Malaysia kepada Arkib Negara** dalam usaha memperkayakan lagi sumber sahih sejarah negara.

Sebagai institusi memori negara, Arkib Negara Malaysia tidak hanya sebagai penyimpan khazanah negara dan serantau tetapi juga menjadi penyumbang aktif dalam jaringan serantau. **Arkib Negara merupakan Sekretariat Tetap bagi Southeast Asia Regional Branch of the International Council on Archives (SARBICA) sejak 8 Julai 1968 hingga kini.** Jawatan utama keurusetiaan SARBICA, iaitu Secretary General dan Treasure digalas oleh Pegawai Arkib.

Arkib Negara turut menyumbang kepada kejayaan negara di peringkat antarabangsa yang menyaksikan pencalonan ***The Birth of ASEAN: The Archives of ASEAN Formation 1967 – 1976* didaftarkan sebagai UNESCO Memory of the World (MoW) International Register pada 17 April 2025.** Kejayaan ini adalah pencalonan bersama antara Malaysia, Indonesia, Singapura dan Thailand. **Salah satu bahan utama yang menyumbang kepada pengiktirafan ini ialah Deklarasi Penubuhan ASEAN** bertarikh 8 Ogos 1967 dalam simpanan Arkib Negara.



PENUTUP

Sebagai penutup, sejarah ASEAN adalah sejarah kita bersama. Ia bukan hanya milik pemimpin negara tetapi warisan untuk seluruh rakyat Asia Tenggara. Saya berharap bicara yang dianjurkan sempena Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025 ini akan membuka minda, menyemarakkan rasa kebersamaan dan memperkukuh tekad kita menjadikan ASEAN sebuah komuniti yang berdaya tahan dan relevan di mata dunia.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah sekali lagi kepada Arkib Negara, tokoh pembicara, moderator, rakan media dan semua pihak yang menjayakan bicara sejarah yang penuh bermakna ini.

Gunung tinggi sama didaki,
Lautan luas sama direnangi;
ASEAN kukuh kerana sehati,
Arkib merakam warisan abadi.

Saya dengan sukacitanya **merasmikan Bicara Sejarah ASEAN “Keterangkuman dan Kemampanan”**.

Sekian, terima kasih.



PERTANDINGAN PIDATO RUKUN NEGARA PERINGKAT KEBANGSAAN PIALA PUSINGAN TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA 2025

11 SEPTEMBER 2025

PENDAHULUAN

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun di atas kesudian hadir ke **Pertandingan Akhir Pidato Rukun Negara Peringkat Kebangsaan Piala Pusingan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka Tahun 2025**.

Pertandingan ini adalah salah satu platform untuk para peserta **menghayati, memahami, dan mengamalkan Rukun Negara** dalam kehidupan seharian yang merupakan tiang seri perpaduan dan pembinaan negara bangsa Malaysia.

Saya dimaklumkan bahawa pada tahun ini, kita menerima **9,321 penyertaan** bagi pertandingan ini yang terdiri daripada **lima (5) kategori** iaitu Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, Institusi Pendidikan Tinggi, Bukan Melayu dan Awam. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua yang menyertai pertandingan ini.

SEJARAH RUKUN NEGARA

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menerangkan sedikit mengenai sejarah penggubalan **Rukun Negara**, agar generasi muda bukan sahaja mengetahuinya melalui buku teks di sekolah, tetapi juga benar-benar memahami asal usulnya.

Susulan **Peristiwa 13 Mei 1969** yang telah mencatatkan sejarah pahit buat negara, **Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)** yang diketuai oleh Tun Abdul Razak telah dibentuk. Kemudiannya, MAGERAN telah menubuhkan tiga badan iaitu **Majlis Muhibah Negara, Jabatan Perpaduan Negara dan Majlis Perundingan Negara (MPN)**.

Melalui Majlis Perundingan Negara yang dianggotai oleh **13 tokoh negara** daripada pelbagai latar belakang kaum dan kepakaran telah menghasilkan **Rukun Negara sebagai falsafah negara baharu**. Rukun Negara telah dirangka berdasarkan **tujuh tunjang** utama yang telah dikemukakan melalui **kertas 'Pillars of Nation'**. Antara tujuh (7) tunjang utama yang dicadangkan ketika itu adalah:

- I. Ketuhanan (*Belief in God or Supreme Being*)
- II. Kesetiaan (*Loyalty*)
- III. Keadilan (*Justice*)
- IV. Kewarganegaraan (*Citizenship*)
- V. Keutuhan (*Integrity of the Nation*)
- VI. Kebahagiaan (*Well-being*)
- VII. Kesopanan (*Canons of Decency*)

Akhirnya, Rukun Negara telah dirangka dan disusun kepada **dua bahagian iaitu 5 cita-cita dan 5 prinsip**. Cita-cita dan prinsip Rukun Negara kemudiannya telah diterjemah kepada suatu bentuk falsafah atau ideologi nasional. Rukun Negara bukan sekadar dokumen rasmi yang diisytiharkan pada 31 Ogos 1970, tetapi adalah **kompas moral dan falsafah kebangsaan yang menyatukan kita sebagai sebuah negara bangsa**.

Kerajaan MADANI menerusi Kementerian Perpaduan Negara sentiasa memperkukuh penghayatan Rukun Negara. **Pada Julai 2023, Jemaah Menteri telah meluluskan cadangan agar lafaz ikrar Rukun Negara dibacakan secara penuh** bermula dengan mukadimah. Seterusnya, pada **Ogos 2023, Kementerian telah melancarkan inisiatif Eksplorasi Rukun Negara** sebagai usaha mendekatkan nilai-nilai tersebut kepada rakyat.

Malah, pada **Februari 2024, buat julung kalinya ahli-ahli Parlimen di Dewan Rakyat dan Dewan Negara telah bersama-sama melafazkan ikrar Rukun Negara**, sekali gus mencatat sejarah penting dalam menzahirkan komitmen kepimpinan negara terhadap falsafah kebangsaan ini.

Bukan itu sahaja, **perhatian utama kini turut diberikan kepada generasi muda kerana merekalah pewaris masa depan negara**. Justeru, Kementerian Perpaduan Negara telah melaksanakan pelbagai program seperti **Gerak Integrasi Perpaduan, Konvensyen Sekretariat Rukun Negara, Citra Negaraku, Arkib@Sekolah, Program Bermalam di Muzium** untuk memupuk semangat patriotisme, memperkukuh jati diri, serta menanam nilai perpaduan sejak di bangku sekolah.



RUKUN NEGARA MENDEPANI CABARAN SEMASA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Tahun ini amat bermakna kerana kita turut meraikan ulang tahun ke-55 Rukun Negara, yang terus relevan dalam membimbing rakyat ke arah kesepaduan nasional.



Dalam konteks dunia moden yang semakin kompleks, dengan **kemajuan teknologi, perubahan politik, serta cabaran sosial yang kian mencabar**, penghayatan terhadap nilai-nilai Rukun Negara adalah lebih penting berbanding sebelumnya. **Rukun Negara menyediakan landasan nilai yang dapat membimbing rakyat untuk hidup secara harmoni** dalam masyarakat yang pelbagai agama, budaya dan bangsa.

Namun, Rukun Negara hanya akan hidup jika ia benar-benar diamalkan dalam kehidupan seharian. Di sinilah bermulanya **peranan ibu bapa sebagai pendidik utama**. Nilai-nilai yang terkandung dalam Rukun Negara perlu dipupuk di rumah sejak kecil, agar generasi muda membesar dengan jati diri yang kukuh, menghormati kepelbagaian, dan menjunjung undang-undang. **Keluarga yang menekankan nilai kesopanan, hormat-menghormati serta kasih sayang akan melahirkan generasi yang berdisiplin dan patriotik**, sekaligus menyumbang kepada perpaduan nasional.

Selain keluarga, **komuniti juga memikul tanggungjawab penting untuk memastikan prinsip Rukun Negara terus subur di akar umbi**. Program kemasyarakatan, kegiatan Rukun Tetangga, institusi pendidikan, rumah ibadat, dan pertubuhan belia merupakan platform penting untuk menyemai semangat kebersamaan. Apabila nilai-nilai Rukun Negara dijadikan amalan bersama di setiap peringkat individu, keluarga, komuniti dan negara maka Malaysia akan lebih utuh sebagai sebuah negara bangsa yang berdaulat, bermaruah, dan dihormati di persada dunia.

Kini, setelah lebih lima dekad, **Rukun Negara tetap relevan sebagai tunjang perpaduan dan identiti nasional kita**. Namun, hakikatnya, kitalah penentu sama ada ia terus kekal relevan atau sekadar tinggal catatan sejarah.

Generasi hari ini mesti berperanan sebagai pewaris yang bukan sahaja menghafal prinsipnya, tetapi menghayati serta mengamalkannya dalam setiap aspek kehidupan. Jika nilai-nilai Rukun Negara terus disemai dalam diri rakyat, maka ia akan menjadi kompas moral dan pedoman bangsa yang kekal segar merentas zaman.

“

Generasi hari ini mesti berperanan sebagai pewaris yang bukan sahaja menghafal prinsipnya, tetapi menghayati serta mengamalkannya dalam setiap aspek kehidupan. Jika nilai-nilai Rukun Negara terus disemai dalam diri rakyat, maka ia akan menjadi kompas moral dan pedoman bangsa yang kekal segar merentas zaman.

”





PENUTUP

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua peserta yang telah berjaya sampai ke peringkat akhir ini. Semoga setiap pidato yang dilontarkan hari ini menjadi **benih kesedaran dan semangat perpaduan**, yang akan tumbuh subur dalam hati kita semua.

Akhir kata, dengan semangat **Rukun Negara sebagai kompas, dan dengan semangat Malaysia MADANI sebagai landasan**, kita yakin Malaysia akan terus maju jaya sebagai sebuah **bangsa yang kuat, bersatu dan dihormati di persada dunia**.

Sekian, terima kasih.



MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN PROGRAM BERMALAM DI MUZIUM 2025

14 SEPTEMBER 2025



Salam Perpaduan, dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

Saya ingin merakamkan rasa syukur kerana kita dapat berkumpul bersama-sama bagi menjayakan **Majlis Perasmian Penutupan Program Bermalam di Muzium 2025 anjuran Jabatan Muzium Malaysia.**

Memandangkan hanya tinggal dua hari lagi kita akan menyambut Hari Malaysia, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **Selamat Hari Malaysia** kepada semua hadirin.

Sambutan pada tahun ini lebih bermakna kerana ia diraikan berlandaskan tema **“Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni”** yang menekankan betapa pentingnya semangat kebersamaan, saling menghargai, dan perpaduan dalam kepelbagaian rakyat Malaysia. Tema ini jelas mengingatkan kita bahawa kekuatan negara tidak hanya lahir daripada dasar atau kepimpinan, tetapi juga daripada semangat rakyat yang sentiasa bersatu dan saling menyantuni demi tanah air tercinta.

PROGRAM BERMALAM DI MUZIUM 2025

Program Bermalam di Muzium adalah antara inisiatif utama di bawah Program **Citra Nusa@Muzium** yang disokong penuh oleh Kementerian Perpaduan Negara. Ia adalah **sebuah program permuziuman berteraskan warisan sejarah dan seni budaya.**

Program ini juga adalah kesinambungan usaha Jabatan Muzium Malaysia dalam memperkasa **peranan muzium sebagai pusat pendidikan tidak formal yang bersifat menarik, interaktif dan inklusif**. Sejak tahun 2016, pelaksanaannya telah diperluaskan secara serentak di muzium-muzium peringkat persekutuan, negeri dan institusi berikutan sambutan yang amat menggalakkan terutamanya daripada golongan pelajar.

Saya dimaklumkan bahawa penganjuran Program Bermalam di Muzium ini telah mendapat **empat kali pengiktirafan daripada *Malaysia Book of Record (MBOR)*** iaitu:

- **2016** - 1,573 peserta (*Most Number of Participants Overnight Simultaneously for an Educational Programme at the Museum*)
- **2017** - 1,959 peserta (*Most Number of Participants Overnight Simultaneously for an Educational Programme at the Museum*)
- **2019** - 3,209 peserta (*Most Number of Participants Wearing Tengkolok for an Educational Programme Night at the Museum*)
- **2024** - 2,903 peserta (*Largest Participation in Patriotic Themed Poster Making*)



Tahniah saya ucapkan kepada pihak muzium kerana **menjadikan program permuziuman ini bukan sahaja sebagai platform pendidikan, tetapi juga sebagai wadah pengukuhan jati diri dan semangat patriotisme** rakyat Malaysia.

Pada tahun ini, muzium-muzium di seluruh negara sekali lagi melaksanakan program **Bermalam di Muzium** dengan mengetengahkan tema “**Kurator Muda**”. Tema ini dipilih bagi memperkenalkan serta mengangkat **peranan penting seorang kurator dalam memelihara warisan sejarah, budaya, dan alam semula jadi negara.**

Seorang kurator bukan sekadar penjaga artifak, tetapi juga pendidik masyarakat, penyelidik, dan penghubung antara generasi dahulu dengan generasi kini. Justeru, melalui program ini, **para peserta berpeluang memahami secara langsung bagaimana warisan negara dipelihara, didokumentasi, serta diinterpretasikan agar dapat terus diwarisi oleh generasi masa hadapan.**



MUZIUM ALAF BAHARU

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Kini, **muzium berfungsi sebagai ruang pembelajaran sepanjang hayat**, di mana generasi muda dapat memahami akar sejarah, warisan budaya serta kisah perjuangan bangsa yang menjadi asas terbentuknya Malaysia. **Melalui pameran yang inklusif dan interaktif, muzium berupaya memupuk semangat kebersamaan rakyat berbilang kaum, sekaligus mengukuhkan identiti kebangsaan.**

Di Malaysia, kita memiliki lebih daripada **232 buah muzium** di seluruh negara, merangkumi **22 muzium persekutuan di bawah Jabatan Muzium Malaysia, 63 muzium agensi atau institusi, 103 muzium negeri dan wilayah, serta 44 muzium swasta.**

Angka ini menggambarkan kekayaan khazanah warisan yang kita miliki, namun cabaran besar adalah bagaimana menjadikan muzium relevan dengan generasi muda. **Penggunaan teknologi digital, aplikasi mudah alih, pameran interaktif, serta pendekatan mendidik melalui pengalaman langsung adalah antara strategi yang boleh menarik minat generasi muda** untuk menjadikan muzium sebagai ruang yang hidup dan dekat dengan dunia mereka.

Pengalaman negara luar wajar dijadikan teladan. Sebagai contoh, ***British Museum di London*** dan ***Smithsonian Institution di Washington D.C.*** berjaya menarik jutaan pengunjung muda setiap tahun melalui pendekatan digitalisasi koleksi, pameran interaktif realiti maya (VR), serta program sukarelawan dan kurator muda yang memberi peluang belia terlibat secara langsung.

Bahkan, ***National Museum of Singapore*** juga menampilkan pameran berbasis teknologi imersif seperti *Story of the Forest* yang menarik golongan muda dan keluarga untuk kembali ke muzium. Kejayaan ini membuktikan bahawa dengan strategi yang tepat, muzium mampu menjadi destinasi pilihan belia dan bukan sekadar institusi sejarah semata-mata.

Oleh itu, **adalah amat penting untuk melibatkan generasi muda dalam dunia permuziuman** kerana mereka inilah pewaris yang akan memelihara dan menyambung warisan bangsa.

Dengan cara ini, muzium berfungsi sebagai jambatan antara generasi, tempat persefahaman budaya, serta wahana perpaduan negara. Justeru, **menjadikan muzium mesra belia adalah kunci kepada kesinambungan sejarah, pengukuhan perpaduan, dan kelestarian identiti Malaysia.**

Penggunaan teknologi digital, aplikasi mudah alih, pameran interaktif, serta pendekatan mendidik melalui pengalaman langsung adalah antara strategi yang boleh menarik minat generasi muda untuk menjadikan muzium sebagai ruang yang hidup dan dekat dengan dunia mereka.



PENUTUP

Syabas dan tahniah diucapkan sekali lagi kepada semua muzium di seluruh negara, khususnya kepada Jabatan Muzium Malaysia yang komited dalam menyokong usaha kementerian bagi memelihara nilai-nilai perpaduan dalam kalangan masyarakat melalui platform permuziuman.

Dengan itu, saya sukacitanya merasmikan **Majlis Perasmian Penutupan Program Bermalam di Muzium 2025.**

Sekian, terima kasih.



PROGRAM MENGENANG NEGARAWAN TUN ABDULLAH AHMAD BADAWI: “BAPA PEMBANGUNAN MODAL INSAN”

16 SEPTEMBER 2025

Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan

PENDAHULUAN

Terlebih dahulu, saya mengucapkan tahniah kepada Arkib Negara Malaysia atas penganjuran **Program Mengenang Negarawan Tun Abdullah Ahmad Badawi: “Bapa Pembangunan Modal Insan”** yang dianjurkan bersempena dengan Sambutan Hari Malaysia Tahun 2025.

Sehubungan itu, bagi pihak seluruh warga kerja Kementerian Perpaduan Negara, saya dengan penuh sukacita mengucapkan **Selamat Menyambut Hari Malaysia ke-62 kepada seluruh rakyat Malaysia**



Hari ini kita berkumpul dalam suasana penuh penghormatan untuk **mengenang seorang negarawan ulung, YABhg. Tun Abdullah Ahmad Badawi, atau lebih mesra kita panggil sebagai Pak Lah**. Beliau bukan sahaja **Perdana Menteri kelima Malaysia**, malah seorang pemimpin berjiwa rakyat, yang sentiasa mendekatkan diri dengan masyarakat dengan penuh kesantunan, kelembutan dan sifat rendah hati.

TUN ABDULLAH AHMAD BADAWI: BAPA PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Kepimpinan Tun Abdullah terzahir dalam pelbagai bentuk sumbangan yang merentasi bidang politik, pentadbiran, pembangunan insan dan perpaduan negara. Di bawah kepimpinannya, negara menyaksikan lahirnya pelbagai dasar, program dan institusi yang memberi kesan mendalam kepada kesejahteraan rakyat. Antara sumbangan terbesar beliau adalah **penekanan kepada pembangunan modal insan sebagai asas kemajuan negara**. Pak Lah percaya bahawa kekuatan sebenar Malaysia bukan semata-mata bergantung pada infrastruktur fizikal, tetapi pada kualiti ilmu, sahsiah dan nilai yang dimiliki oleh rakyat. Justeru, pendekatan pembangunan beliau memberi fokus kepada pendidikan, pembinaan kapasiti masyarakat, dan penyemaian budaya ilmu.

Dalam konteks pentadbiran, Tun Abdullah menekankan integriti dan tata kelola yang baik. Beliau telah **menubuhkan Institut Integriti Malaysia (IIM) sebagai tonggak utama dalam usaha membudayakan integriti di semua peringkat masyarakat dan kerajaan.** Penubuhan IIM ini telah menjadi simbol komitmen beliau dalam memastikan urusan tadbir negara dilaksanakan dengan penuh amanah dan ketelusan. Malah, langkah ini juga menandakan keazaman beliau untuk memperkukuh keyakinan rakyat terhadap kerajaan, di samping memperlihatkan kesungguhan dalam memerangi rasuah serta meningkatkan kebertanggungjawaban dalam pengurusan awam.

Selain itu, kepimpinan beliau turut menyaksikan penubuhan beberapa institusi dan inisiatif penting yang memberi kesan jangka panjang. Beliau telah **memperkukuh kedudukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)** yang ketika itu masih dalam bentuk Badan Pencegah Rasuah, dengan memperkenalkan pembaharuan struktur serta memperkasakan fungsi kawal selia.

Tun Abdullah juga memperkenalkan **gagasan Islam Hadhari, satu pendekatan pembangunan berlandaskan prinsip Islam yang progresif dan inklusif.** Islam Hadhari bukanlah semata-mata slogan politik, tetapi satu kerangka pembangunan menyeluruh yang memberi penekanan kepada penguasaan ilmu pengetahuan, pembangunan ekonomi seimbang, keadilan sosial, sistem pentadbiran yang telus, serta masyarakat yang bersatu padu dan berakhlak mulia.





Apabila kita menelusuri gagasan Islam Hadhari ini, kita akan mendapati bahawa asas pemikirannya amat dekat dengan falsafah Malaysia MADANI yang sedang digerakkan oleh kerajaan pada hari ini. **Islam Hadhari menekankan pembangunan manusia secara menyeluruh iaitu kerohanian, ilmu, ekonomi, sosial dan perpaduan manakala Malaysia MADANI memberi tumpuan kepada enam teras utama iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan.** Kedua-duanya membawa nafas yang sama: iaitu memastikan pembangunan negara tidak hanya diukur pada kemajuan material semata-mata, tetapi juga pada kekuatan nilai, moral dan integriti yang mendasari kehidupan rakyat.

Dengan kata lain, **Islam Hadhari telah menjadi jambatan yang memperkukuh asas pemikiran pembangunan berteraskan nilai, yang kini diteruskan melalui Malaysia MADANI.** Jika Islam Hadhari menegaskan perlunya keseimbangan antara duniawi dan ukhrawi, maka Malaysia MADANI mengangkat keseimbangan itu dalam bentuk yang lebih inklusif, mencakupi kepelbagaian rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan budaya.

Dalam usaha memupuk perpaduan negara, Tun Abdullah amat menitikberatkan keharmonian antara kaum dan agama. Beliau sentiasa menyeru agar rakyat menghargai kepelbagaian budaya dan menjadikannya sebagai kekuatan negara. Pendekatan beliau yang sederhana dan berhikmah dalam menangani isu-isu sensitif menjadikan beliau seorang pemimpin yang dihormati merentas sempadan kaum dan agama. Malah, **di bawah kepimpinan beliau, dialog antara agama dan budaya semakin diperkukuh melalui platform rasmi, sekali gus meletakkan asas yang kukuh bagi kementerian saya hari ini untuk terus mengangkat agenda perpaduan.**

“

Melalui semua ini, kita belajar bahawa nilai kemanusiaan adalah asas pembangunan dan kemakmuran negara. Kemerdekaan bukanlah sekadar pengisytiharan bebas daripada penjajah. Ia adalah tanggungjawab untuk membina negara bangsa

”

KESINAMBUNGAN KEPIMPINAN DAN KEMERDEKAAN NEGARA

Hari ini, 62 tahun selepas penubuhan Malaysia, kita berdepan dengan cabaran baharu yang jauh berbeza daripada generasi awal kemerdekaan. Dunia digital membuka potensi besar untuk kemajuan negara, namun turut membawa risiko yang perlu ditangani daripada kecerdasan buatan hingga penyebaran maklumat palsu yang mampu memecahbelahkan masyarakat.

Di samping itu, kita juga berhadapan dengan isu-isu kemanusiaan sejagat, cabaran perubahan iklim, serta konflik di pelbagai rantau dunia yang mengorbankan jutaan nyawa. Semua ini menuntut kita untuk lebih bersatu padu, lebih matang dan lebih bijaksana dalam mengurus perbezaan serta mendepani cabaran global dengan penuh hikmah.

Melalui semua ini, kita belajar bahawa **nilai kemanusiaan adalah asas pembangunan dan kemakmuran negara. Kemerdekaan bukanlah sekadar pengisytiharan bebas daripada penjajah. Ia adalah tanggungjawab untuk membina negara bangsa.** Inilah yang Tun Abdullah tekankan, modal insan. Jika manusia hilang nilai maka dunia akan rosak tetapi jika manusia berakhlak, berilmu dan berintegriti, dunia akan aman damai.

Oleh itu, Kementerian Perpaduan Negara sedar bahawa **matlamat tertinggi atau ultimate goal perpaduan adalah untuk membina sebuah negara bangsa** yang kukuh, berakar pada nilai bersama, serta berpaksikan keadilan dan kesejahteraan untuk semua rakyat. Inilah sebabnya agenda **pembinaan negara bangsa telah diangkat sebagai salah satu teras utama dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas**

(RMK-13), dan akan menjadi fokus yang paling utama bagi Kementerian pada tahun-tahun mendatang. Kita percaya bahawa hanya dengan perpaduan yang sejati, Malaysia mampu berdiri sebagai sebuah negara bangsa yang kuat, dihormati di pentas dunia, dan diwarisi generasi akan datang dengan penuh kebanggaan.

Peranan memupuk perpaduan adalah titik penting bagi memastikan keharmonian dan kestabilan negara. Ia adalah **usaha semua pihak dan tidak terletak pada bahu kerajaan atau Kementerian Perpaduan Negara semata-mata**. Kerajaan menetapkan haluan dan dasar, masyarakat menjana sikap saling menghormati dan menerima, manakala media massa pula menggalas peranan sebagai jambatan maklumat yang menyebarkan nilai keharmonian.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Sebagai manifestasi penghargaan kita terhadap ketokohan, kepimpinan, sumbangan dan jasa Tun Abdullah yang tidak ternilai, saya bagi pihak **Kementerian Perpaduan Negara menyambut baik cadangan dan usaha YB Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican yang mencadangkan penubuhan Memorial Tun Abdullah Ahmad Badawi**.

Saya juga berterima kasih **kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah meluluskan tanah bagi tapak pembinaan memorial tersebut di Vision Park, Bertam, Kepala Batas, Pulau Pinang**. Bagi pihak Kementerian Perpaduan Negara, kami akan sentiasa menyokong dan memberikan kerjasama kepada Arkib Negara Malaysia untuk merealisasikan pembinaan memorial tersebut.

Dengan kata-kata dan hasrat tersebut, saya dengan sukacitanya merasmikan **PROGRAM MENGENANG NEGARAWAN TUN ABDULLAH AHMAD BADAWI: "BAPA PEMBANGUNAN MODAL INSAN"**.

Sekian, terima kasih.



MAJLIS BERSAMA PEMIMPIN NEGARA

10 OKTOBER 2025

Salam sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

PENGENALAN

Terlebih dahulu, setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada adik-adik sekalian atau lebih tepat, anak-anak sekalian kerana telah **berjaya menempatkan diri di universiti yang amat saya kasihi ini, Universiti Putra Malaysia.**

Kejayaan anda diterima masuk ke UPM bukan sesuatu yang kecil. Ia adalah tanda pengiktirafan kepada usaha, ketekunan dan doa yang tidak pernah putus. Anda kini berada di sebuah institusi yang bukan sahaja unggul dalam bidang akademik, tetapi juga dalam membentuk sahsiah, nilai kemanusiaan dan semangat kepimpinan.



Selamat datang ke keluarga besar UPM!

Hari ini, berdiri saya di hadapan anda semua membawa seribu satu rasa. Rasa teruja, rasa bangga dan terus terang, rasa sayu sedikit kerana saya kembali ke tempat segalanya bermula.

Di sinilah, Universiti Putra Malaysia, saya menjejakkan kaki sebagai pelajar Fakulti Perhutanan pada tahun 1979, dan menamatkan pengajian pada 1983. Saya tinggal di Kolej Kediaman Kedua, yang pada waktu itu menjadi rumah kedua saya selama empat tahun penuh dengan suka, duka dan tawa.

Masih segar dalam ingatan, suasana kampus yang tenang dikelilingi kehijauan, dewan kuliah yang menjadi saksi perbahasan ilmu, dan sahabat-sahabat dari seluruh negara yang kini ramai daripadanya telah menjadi pemimpin dan profesional dalam pelbagai bidang. Waktu itu, kami tidak punya banyak kemudahan seperti hari ini, tetapi kami punya **semangat belajar, rasa ingin tahu, dan ukhuwah yang luar biasa kukuh.**

Selepas menamatkan pengajian di sini, perjalanan hidup saya terus dipandu oleh nilai-nilai yang saya pelajari di UPM. Pada **tahun 2004, saya diberi kepercayaan oleh rakyat untuk menjadi Ahli Parlimen Kanowit sehingga kini.** Kemudian, pada **tahun 2020, saya dilantik sebagai Timbalan Menteri Kesihatan,** dan pada **penghujung tahun 2022, saya diamanahkan untuk memikul tanggungjawab sebagai Menteri Perpaduan Negara.**



Saya percaya, semua pencapaian ini bermula di sini, di bumi UPM. UPM bukan sekadar tempat saya menuntut ilmu, tetapi tempat saya belajar tentang kehidupan, tanggungjawab dan kepimpinan. **Di sinilah saya mengenal erti disiplin, kerja keras, dan semangat untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara.**

UPM juga menjadi tempat saya berkenalan dengan ramai rakan seperjuangan yang kini turut memimpin negara. Antaranya **sahabat baik (best friend) saya ketika di kampus dahulu, Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, Ahli Parlimen Tuaran dan mantan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.**

Kita juga bangga kerana **UPM telah melahirkan ramai tokoh besar tanah air** seperti YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri; YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Menteri Dalam Negeri; dan ramai lagi tokoh yang kini menerajui pelbagai sektor penting negara.

Inilah bukti bahawa UPM adalah ladang ilmu dan nilai kemanusiaan, tempat suburnya benih kepimpinan dan integriti. Sebelum saya teruskan ucapan, saya ingin tanya **“ada sesiapa disini bercita-cita ingin menjadi Ahli Parlimen atau Menteri suatu hari nanti, cuba angkat tangan”**.

HALA TUJU KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Izinkan saya kongsi sedikit mengenai Kementerian Perpaduan Negara. **Kementerian ini telah ditubuhkan pada tahun 2020** dan terdapat **tujuh buah agensi** dibawah Kementerian ini iaitu :

- I. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional**
- II. Jabatan Muzium Malaysia**
- III. Arkib Negara Malaysia**
- IV. Perpustakaan Negara Malaysia**
- V. Yayasan Sukarelawan Siswa**
- VI. Yayasan Tunku Abdul Rahman**
- VII. Yayasan Tun Abdul Razak**

Peranan utama Kementerian ini adalah untuk **mewujudkan platform dan tapak integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa iaitu dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program**. Usaha ini dilaksanakan selaras dengan **Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan berpandukan Dasar Perpaduan Negara**.

Pada tahun 2023, Kementerian Perpaduan Negara telah memperkenalkan satu kerangka penting yang dikenali sebagai

Kerangka Perpaduan Membangun Malaysia MADANI. Kerangka ini menjadi asas kepada pendekatan strategik kementerian dalam memupuk perpaduan berlandaskan nilai-nilai MADANI.

Selaras dengan itu, kementerian mengguna pakai pendekatan **Perpaduan Dalam Kepelbagaian** sebagai fokus utama, dengan memberikan penekanan kepada **penghayatan semula Rukun Negara** termasuk pelaksanaan lafaz penuh ikrar Rukun Negara di sekolah, institusi pengajian tinggi, majlis rasmi kerajaan, Parlimen dan kini turut diperluaskan ke beberapa Dewan Undangan Negeri (DUN) serta pelaksanaan **inisiatif Eksplorasi Rukun Negara**.

“

**Kementerian
percaya
bahawa
perpaduan
negara hanya
akan kekal
kukuh jika ia
disemai dan
disuburkan
dalam jiwa
anak muda
sejak di
kampus lagi.**

”

Pada tahun ini, tema **‘Harmoni Dalam Kepelbagaian’** diperkenalkan untuk meningkatkan keharmonian antara penganut agama di negara ini. Tema ini mencerminkan realiti masyarakat Malaysia yang majmuk, di mana perpaduan hanya dapat dicapai melalui penerapan nilai **Faham (Understand), Hormat (Respect), Terima (Acceptance), dan Meraikan (Celebrate)** antara satu sama lain.

Hala tuju tahun ini direncanakan melalui pelaksanaan **4 ikhtiar utama** iaitu:

Ekosistem Perpaduan – Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif, Sambutan Minggu Perpaduan, Liga Sukan Uniti, Inisiatif Cilik Perpaduan, MADANI Berkhidmat Misi Sukarelawan Siswa, Biasiswa Tunku Abdul Rahman dan Program Closing The Gap di PPR.

Inisiatif Harmoni MADANI – Sambutan Keharmonian Sedunia, Dialog Harmoni, Perarakan Harmoni, Jejak Harmoni, Dokumentari Harmoni dan memperluaskan perkhidmatan mediator komuniti serta penubuhan 5 buah Pusat Mediator Komuniti.

Eksplorasi Rukun Negara – Sambutan 55 Tahun Rukun Negara, Program Gerak Integrasi Perpaduan, Pidato Rukun Negara, Citra Negaraku, Arkib Sekolah, Kempen Taat Setia Rukun Negara, Program Jalinan Integrasi Mahasiswa, dan Konvensyen Sekretariat Rukun Negara.

Komuniti Sosiobudaya – Citra Nusa Muzium, Majlis Mengenang Jasa Negarawan, Seminar Sejarah Lisan, Arkib Komuniti, Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium, Karnival Baca Perdana dan Festival Kaligrafi Perpaduan.

Sudah tentu, bila kita sering melaksanakan pelbagai program perpaduan, ramai yang bertanya:

“Adakah rakyat Malaysia benar-benar bersatu padu?” “Bagaimana kita nak tahu, bolehkah perpaduan itu diukur?”

Soalan ini sangat baik kerana perpaduan bukan sekadar slogan atau perasaan, ia perlu **diukur dan dinilai secara saintifik**.

Untuk makluman semua, **Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)** kini sedang dilaksanakan untuk **kali ketiga**, dan dijangka mencapai **skor sekitar 0.7**, yang mencerminkan **tahap perpaduan yang tinggi** dalam kalangan rakyat Malaysia. Indeks ini menilai pelbagai dimensi penting termasuk **hubungan antara etnik, persepsi terhadap identiti nasional, serta tahap kepercayaan sosial** antara rakyat.

Hasil dapatan inilah yang menjadi **panduan utama kepada kementerian** dalam merangka dasar, strategi dan program ke arah **memperkukuh lagi perpaduan nasional**.

Sejak tahun 2023, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan dan jelas memperlihatkan bahawa **pembinaan Negara Bangsa** merupakan **matlamat akhir** kepada usaha **memperkukuh perpaduan nasional**.

Penekanan utama diberikan kepada usaha membina sebuah negara bangsa yang berdaulat, bermaruah dan utuh, demi menjamin keharmonian, keamanan serta kestabilan negara. Sejajar dengan itu, perpaduan yang berpaksikan prinsip **Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara** dijadikan **asas utama dalam memperkukuhkan identiti nasional**.

Dalam konteks Malaysia, **konsep negara bangsa tidak boleh ditafsir secara sempit sebagai “satu kaum, satu budaya”**. Sebaliknya, negara bangsa Malaysia terbentuk daripada rakyat yang datang daripada pelbagai kaum, agama, budaya

dan bahasa, tetapi bersatu di bawah satu identiti nasional yang dikongsi bersama. Identiti inilah yang menjadi asas kepada perpaduan, kesejahteraan dan keharmonian negara.

Negara bangsa yang kukuh dapat dikenali melalui beberapa ciri penting seperti:

- I. Pertama, wujudnya rakyat yang bersatu padu tanpa mengira perbezaan latar belakang;
- II. Kedua, semangat patriotisme yang membara dalam kalangan warganegara;
- III. Ketiga, kedaulatan undang-undang yang dipertahankan demi menjamin keadilan;
- IV. Keempat, bahasa kebangsaan yang dimartabatkan sebagai lambang penyatuan rakyat;

V. Kelima, Perlembagaan Persekutuan yang dihormati sebagai undang-undang tertinggi negara; dan

VI. Keenam, simbol-simbol negara seperti Jalur Gemilang, Rukun Negara, Lagu Negaraku serta Jata Negara yang disanjung sebagai tanda cinta dan kesetiaan kepada tanah air.

Dalam dunia yang sedang berdepan cabaran polarisasi, perbezaan identiti dan ancaman terhadap perpaduan sosial, pembinaan negara bangsa bukan lagi satu pilihan, tetapi suatu keperluan mutlak. Ia adalah teras kepada kestabilan, keharmonian dan kemajuan sesebuah negara, lebih-lebih lagi bagi negara majmuk seperti Malaysia.

Sehubungan itu, Kementerian Perpaduan Negara sedang melaksanakan sesi libat urus di seluruh negara bagi merangka **Pelan Tindakan Pembinaan Negara Bangsa**, disusuli penganjuran **Persidangan Pembinaan Negara Bangsa** pada awal tahun hadapan.





Kementerian Perpaduan Negara sentiasa komited melaksanakan pelbagai program yang berteraskan **kenegaraan, pembinaan jati diri dan pemerkasaan nilai perpaduan khususnya dalam kalangan golongan belia**. Ini termasuk inisiatif yang bersifat pendidikan nilai, penghayatan sejarah, dialog antara kaum, serta aktiviti kesukarelawanan yang menyatukan pelbagai latar belakang etnik, budaya dan agama.

PROGRAM GENERASI MUDA

Malam ini juga saya ingin berkongsi sesuatu dengan anda semua. Melihat wajah-wajah muda di hadapan saya ini, saya teringat kembali **tahun 1979**, ketika saya sendiri duduk seperti anda mendengar seorang pemimpin berucap di pentas ini.

Waktu itu, saya tidak pernah terfikir bahawa **empat puluh tahun kemudian, saya pula akan berdiri di pentas ini** bukan lagi sebagai pelajar, tetapi sebagai Menteri, untuk berkongsi pengalaman hidup dan perjalanan saya bersama anak-anak sekalian.

Hidup ini penuh putaran yang indah. Dari seorang pelajar biasa, kini saya berdiri di hadapan anda sebagai seorang **alumni UPM** yang amat berbangga dengan universiti ini.

Anak-anak sekalian, di **Kementerian Perpaduan Negara**, kami amat memberikan **fokus kepada generasi muda** kerana andalah **aset terpenting negara**.

Kementerian percaya bahawa perpaduan negara hanya akan kekal kukuh **jika ia disemai dan disuburkan dalam jiwa anak muda sejak di kampus lagi**. Sebab itu, pelbagai program telah dirangka khusus untuk pelajar institusi pengajian tinggi, termasuk anda semua di UPM. Antaranya:

- **Sekretariat Rukun Negara (SRN)** - Sebanyak **189 buah SRN** telah ditubuhkan di seluruh negara. Di UPM sendiri, kita mempunyai satu SRN yang aktif. Inilah platform bagi mahasiswa menggerakkan aktiviti **penerapan nilai-nilai Rukun Negara** dalam kalangan warga kampus.
- **Gerak Integrasi Perpaduan (GRIP)** - Program ini mewujudkan **ruang interaksi silang budaya** antara pelajar daripada pelbagai kaum, negeri dan latar belakang.
- **Citra Negaraku** - Melalui program ini, Kementerian menyediakan **geran aktiviti hampir RM20,000** untuk pelaksanaan program perpaduan dan keharmonian di kampus digerakkan sendiri oleh mahasiswa dengan kreativiti masing-masing. Tahun ini, **UPM Sarawak** turut menerima geran berjumlah **RM20,000** bagi melaksanakan aktiviti Citra Negaraku.
- **Jalinan Integrasi Mahasiswa** - Program ini membawa pelajar dari pelbagai IPT untuk **menjelajah ke negeri-negeri lain**, merasai sendiri budaya tempatan serta memahami kehidupan masyarakat majmuk Malaysia.
- **Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS)** - Setiap tahun, YSS menganjurkan **misi sukarelawan dalam dan luar negara** termasuk di Sabah, Sarawak, Kelantan, Pahang, serta di negara-negara seperti **Vietnam dan Laos**.
- **Biasiswa Tunku Abdul Rahman** - Biasiswa ini memberi peluang kepada **pelajar daripada keluarga B40** untuk melanjutkan pengajian dengan sokongan kewangan, sambil membina potensi kepimpinan.
- **Program Future Ready** - Di bawah Yayasan Tunku Abdul Rahman juga, program ini membantu mahasiswa meningkatkan **kebolehpasaran dan kemahiran masa depan**, agar bersedia menghadapi cabaran dunia pekerjaan yang semakin kompetitif.

Semua inisiatif ini dilaksanakan di bawah **Kementerian Perpaduan Negara**. Dan sebagai **alumni UPM**, saya pastikan **UPM akan sentiasa diberikan keutamaan** dalam pelaksanaan program-program kementerian. Saya mahu melihat lebih ramai mahasiswa UPM tampil sebagai **ejen atau duta perpaduan**, membawa semangat kesepaduan dan keharmonian ke seluruh pelosok negara.

Melihat anda semua malam ini, wajah-wajah muda yang penuh semangat dan cita-cita, saya yakin bahawa masa depan Malaysia berada di tangan generasi yang tepat.

Empat tahun di universiti ini bukan sekadar perjalanan akademik, tetapi tempoh penting untuk membentuk nilai, jati diri dan semangat kenegaraan dalam diri masing-masing. Inilah waktu untuk belajar mengenal kehidupan sebenar tentang tanggungjawab, kepimpinan, dan erti bekerja bersama orang lain yang berbeza pandangan, budaya dan latar belakang.



Gunakan peluang ini untuk belajar dengan tekun, bergaul dengan terbuka, dan berbakti dengan ikhlas. Kerana kejayaan sebenar bukan diukur oleh pangkat atau kedudukan, tetapi oleh sumbangan yang kita berikan kepada masyarakat dan negara.

Akhir kata, saya ucapkan tahniah sekali lagi kerana menjadi warga Universiti Putra Malaysia Selamat maju jaya, dan semoga anda menjadi generasi yang membina Malaysia yang lebih bersatu, harmoni dan sejahtera.

Sekian, Terima kasih.



MAJLIS PERASMIAN PROGRAM NOSTALGIA ANAK KAMPUNG: TEMASYA RIUH SEKAMPUNG

11 OKTOBER 2025



Salam sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

PENGENALAN

Tahniah saya ucapkan kepada Jabatan Muzium Malaysia atas penganjuran **program Nostalgia Anak Kampung 2025**.

Seperti dimaklumkan sebentar tadi oleh Ketua Pengarah, tema program kali ini iaitu **“Temasya Riuh Sekampung”**, cukup menarik dan bermakna. Tema ini mengingatkan kita kepada akar budaya dan nilai kehidupan yang membentuk siapa kita sebagai rakyat Malaysia, masyarakat yang berjiwa muhibah, penuh hormat, dan kaya dengan nilai kemanusiaan.

PEMELIHARAAN BUDAYA SEBAGAI TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Hadirin yang dihormati sekalian,

Kita sering berbicara tentang pembangunan moden, tentang teknologi dan kemajuan infrastruktur. Namun, **sebesar mana pun kemajuan yang kita capai, jati diri dan budaya adalah tiang seri yang tidak boleh diketepikan**. Apabila budaya mula dilupakan, maka hilanglah arah dan makna kemajuan itu sendiri.

Program seperti Nostalgia Anak Kampung memainkan peranan penting untuk **menghidupkan semula memori budaya, memperkenalkan semula permainan tradisional, makanan warisan, muzik dan seni rakyat kepada generasi muda**. Inilah ruang di mana masyarakat pelbagai kaum dapat berkongsi pengalaman, saling mengenal adat dan cara hidup masing-masing sekaligus memperkukuh perpaduan nasional.

Pemeliharaan budaya bukan sekadar memelihara warisan fizikal seperti bangunan, peralatan atau artifak. Ia adalah pengekalan nilai, kisah dan semangat yang terkandung di dalamnya supaya warisan itu terus hidup dan relevan dalam arus masa depan.

Dalam konteks ini, Jabatan Muzium Malaysia mempunyai peranan yang amat strategik. Muzium tidak lagi boleh dilihat sebagai tempat menyimpan barang lama, tetapi harus menjadi **institusi ke hadapan sebagai pusat ilmu, penyelidikan, dan inovasi dalam bidang warisan dan identiti kebangsaan**.

Muzium mesti terus **bertransformasi dari hanya “tempat pameran” kepada ruang pembelajaran hidup (*living museum*)** yang menghubungkan masa lalu dengan masa depan. Kita mahu rakyat datang ke muzium bukan sekadar untuk melihat, tetapi untuk mengalami, berinteraksi dan memahami. Inilah yang dimaksudkan dengan **merakyatkan muzium iaitu menjadikan muzium sebagai milik dan kebanggaan bersama**, bukan hanya institusi rasmi.

MUZIUM KE HADAPAN

Usaha memperluas capaian muzium melalui **digitalisasi koleksi, penganjuran program komuniti, serta kerjasama**

strategik dengan sekolah dan universiti perlu terus diperkasakan. Dengan pendekatan ini, nilai warisan tidak lagi terperangkap di ruang pameran, tetapi dapat dihayati dan dikongsikan oleh seluruh lapisan masyarakat dari kampung hingga ke bandar, daripada generasi lama hingga generasi baharu.

“

**Muzium
tidak lagi
boleh dilihat
sebagai
tempat
menyimpan
barang lama,
tetapi harus
menjadi
institusi ke
hadapan
sebagai
pusat ilmu,
penyelidikan,
dan inovasi
dalam bidang
warisan
dan identiti
kebangsaan.**

”

Sehubungan itu, pada tahun hadapan saya berharap agar **Jabatan Muzium Malaysia** dapat memperluas pelaksanaan dua program utama, iaitu **Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM)** dan **Bermalam di Muzium**. Kedua-dua program ini amat signifikan dalam memupuk minat dan kecintaan generasi muda terhadap warisan bangsa.

Selain itu, muzium zaman moden mesti tampil sebagai **institusi dinamik yang menghubungkan masa lalu dengan masa depan**, menawarkan pengalaman yang segar melalui pameran interaktif, teknologi realiti maya, persembahan audio visual moden dan naratif yang menghidupkan semula kisah sejarah dalam bentuk yang kreatif dan mudah didekati rakyat.

Dalam konteks ini, kita boleh mencontohi inisiatif luar negara seperti **National Museum of Korea** yang memperkenalkan konsep **“Muzium Malam”**. Melalui program seperti **Seoul Open Night** dan **Seoul Museum of Art (SeMA) Museum Night**, muzium dan galeri dibuka hingga lewat malam bagi memberi peluang kepada pengunjung menikmati pameran dalam suasana santai, disertai pelbagai aktiviti menarik seperti lawatan berpandu kurator, tayangan seni dan persembahan muzik. Pendekatan sebegini menjadikan muzium sebagai ruang sosial dan rekreasi budaya yang lebih inklusif serta mesra generasi muda.

Konsep ini amat wajar diteroka oleh **Jabatan Muzium Malaysia** bagi menjadikan muzium sebagai **pusat gaya hidup budaya (cultural lifestyle hub)** yang aktif sepanjang tahun.



Bayangkan muzium di Malaysia menjadi lokasi tayangan dokumentari sejarah pada malam minggu, bengkel seni dan warisan pada hujung minggu, atau persembahan muzik tradisional di ruang terbuka muzium. Inilah wajah baharu **muzium yang kita impikan muzium yang hidup, terbuka dan mesra rakyat.**





PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

Bagi pihak kementerian, program ini diharap akan menjadi satu rangsangan kepada masyarakat untuk terus menghayati erti sejarah dan ketamadunan.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Muzium Malaysia dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penganjuran program ini. Semoga usaha murni ini dapat diteruskan demi kelestarian warisan budaya dan tradisi bangsa.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan **Program Nostalgia Anak Kampung: Temasya Riuh Sekampung.**

Sekian, terima kasih.



MESYUARAT MEXUNITY BILANGAN 2 TAHUN 2025

14 OKTOBER 2025

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

PENDAHULUAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat atas kesudian hadir ke **Mesyuarat MexUnity Bilangan 2 Tahun 2025**.

Dalam kesempatan ini juga, saya mewakili Kementerian Perpaduan Negara merakamkan jutaan terima kasih atas sokongan dan kerjasama yang padu diberikan oleh kesemua Kerajaan Negeri dalam **menjayakan Sambutan Minggu Perpaduan Tahun 2025**.



Untuk makluman, Sambutan Minggu Perpaduan Tahun 2025 telah digerakkan bermula di Negeri Melaka, diteruskan di negeri-negeri lain dan diakhiri di peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada hujung minggu yang lalu. **Setiap negeri telah menampilkan keunikan masing-masing misalnya Unity Walk Baju Tradisional di Negeri Kelantan, perarakan uniti di Negeri Sabah, Rumah Etnik di Pulau Pinang, wayang pacak di Negeri Terangganu** dan sebagainya telah menarik minat ribuan rakyat Malaysia. Syabas diucapkan kepada semua!

Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan di Pulau Pinang juga mencatatkan rekod pengunjung yang luar biasa iaitu seramai 210,000 pengunjung. Tahniah dan terima kasih buat Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Saya juga ingin maklumkan sekali lagi dalam mesyuarat ini bahawa Kementerian Perpaduan Negara telah memilih **Negeri Sabah sebagai lokasi penganjuran Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan Tahun 2026** iaitu sekitar Julai 2026 nanti.



HALA TUJU BAHARU - PEMBINAAN NEGARA BANGSA

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sejak tahun 2023, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan dan jelas memperlihatkan bahawa **pembinaan Negara Bangsa merupakan matlamat akhir** kepada usaha **memperkukuh perpaduan nasional**.

Penekanan utama diberikan kepada usaha membina sebuah negara bangsa yang berdaulat, bermaruah dan utuh, demi menjamin keharmonian, keamanan serta kestabilan negara. Seajar dengan itu, perpaduan yang berpaksikan prinsip **Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara dijadikan asas utama dalam memperkukuhkan identiti nasional**.

Dalam konteks Malaysia, **konsep negara bangsa tidak boleh ditafsir secara sempit sebagai “satu kaum, satu budaya”**. Sebaliknya, negara bangsa Malaysia terbentuk daripada rakyat yang datang daripada pelbagai kaum, agama, budaya dan bahasa, tetapi bersatu di bawah satu identiti nasional yang dikongsi bersama. Identiti inilah yang menjadi asas kepada perpaduan, kesejahteraan dan keharmonian negara.

Negara bangsa yang kukuh dapat dikenali melalui beberapa ciri penting seperti:

- **rakyat yang bersatu padu** tanpa mengira perbezaan latar belakang;
- **semangat patriotisme** yang membara dalam kalangan warganegara;
- **kedaulatan undang-undang** yang dipertahankan demi menjamin keadilan;
- **bahasa kebangsaan** yang dimartabatkan sebagai lambang penyatuan rakyat;
- **Perlembagaan Persekutuan** yang dihormati sebagai undang-undang tertinggi negara; dan
- **simbol-simbol negara** seperti **Jalur Gemilang, Rukun Negara, Lagu Negaraku serta Jata Negara** yang disanjung sebagai tanda cinta dan kesetiaan kepada tanah air.

Sehubungan itu, Kementerian Perpaduan Negara sedang melaksanakan sesi libat urus di seluruh negara bagi merangka **Pelan Tindakan Pembinaan Negara Bangsa**, disusuli penganjuran **Persidangan Pembinaan Negara Bangsa** pada awal tahun hadapan.

Kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri amat penting. Walaupun terdapat perbezaan ideologi politik, kita harus bersatu dalam soal perpaduan negara, kerana inilah asas kepada pembinaan negara bangsa yang kukuh dan berdaya tahan.

Kementerian akan terus memperkukuh pelaksanaan program berbentuk komuniti, pendidikan nilai, penglibatan belia serta kerjasama antara agensi agar perpaduan bukan sekadar slogan, tetapi menjadi realiti dalam kehidupan seharian rakyat Malaysia.



BAJET 2025 & BAJET 2026

Hadirin yang dihormati sekalian,

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengimbas kembali **peruntukan inisiatif yang telah diterima oleh Kementerian Perpaduan Negara melalui inisiatif khas Belanjawan 2025:**

- I. RM50 juta diperuntukkan kepada Kembara Perpaduan Malaysia MADANI** bagi pelaksanaan agenda perpaduan nasional dengan matlamat menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap pentingnya perpaduan sebagai asas Pembangunan Malaysia MADANI;
- II. RM20 juta diperuntukkan untuk memperkasa peranan Kawasan Rukun Tetangga (KRT)** sebagai penghubung jalin dalam komuniti
- III. RM1 juta diperuntukkan untuk memelihara bahasa kaum minoriti** demi memupuk semangat perpaduan di antara kaum tanpa mengira perbezaan budaya, agama, etnik atau latar belakang.
- IV. RM15 juta bagi pendigitalan bahan-bahan khazanah warisan negara** dalam usaha memperkasa pendigitalan penyampaian perkhidmatan awam
- V. RM5 juta bagi pembaikan dan penyelenggaraan premis perpaduan** bagi meningkatkan perkhidmatan awam kepada rakyat

Seperti kita sedia maklum, peranan utama Kementerian ini adalah untuk mewujudkan platform dan tapak integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa iaitu dengan pelaksanaan

pelbagai inisiatif dan program. Usaha ini dilaksanakan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan berpandukan Dasar Perpaduan Negara.

“

Kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri amat penting. Walaupun terdapat perbezaan ideologi politik, kita harus bersatu dalam soal perpaduan negara, kerana inilah asas kepada pembinaan negara bangsa yang kukuh dan berdaya tahan.

”

Pada hari Jumaat yang lalu, YAB Perdana Menteri telah membentangkan Belanjawan 2026 bertemakan “Memacu Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat”.

Belanjawan 2026 merupakan Belanjawan MADANI keempat yang dirangka berlandaskan **Kerangka Ekonomi MADANI** dengan matlamat untuk **memulihkan daya tahan fiskal negara, memperkukuh asas ekonomi, serta mengangkat darjat hidup rakyat secara menyeluruh.**

Belanjawan ini turut berpaksikan kepada **tiga tonggak utama Ekonomi MADANI**, iaitu:

- I. **Memacu pembaharuan dan tadbir urus yang baik;**
- II. **Menaikkan siling potensi ekonomi negara; dan**
- III. **Meninggikan lantai kesejahteraan serta taraf hidup rakyat.**



YAB Perdana Menteri telah mengumumkan beberapa **inisiatif khas kepada Kementerian Perpaduan Negara:**

- I. Pelaksanaan program Perpaduan, Integrasi Nasional dan Keharmonian bagi memupuk semangat perpaduan serta jati diri **(RM55 juta);**
- II. Memperkasa peranan Kawasan Rukun Tetangga sebagai penghubung jalin dalam komuniti **(RM55 juta);**
- III. Pembinaan tiga (3) pusat aktiviti perpaduan iaitu di Kompleks Perpaduan Bukit Besar, Kuala Terengganu, Pusat Aktiviti Perpaduan Bandar Seri Iskandar, Perak; Pusat Aktiviti Perpaduan Miri, Sarawak **(RM46 juta);**

- IV. Penyediaan dana awal secara geran padanan bagi mengalakkan sektor korporat, dermawan dan pakar warisan untuk meremajakan Muzium Negara **(RM5 juta)**;
- V. Penambahbaikan kemudahan taska perpaduan di seluruh negara **(RM20 juta)**;
- VI. Pembukaan Muzium Tekstil di Menara Merdeka 188 sebagai usaha mengetengahkan tekstil dunia Melayu; dan
- VII. Potongan cukai kepada individu dan syarikat korporat yang menyumbang secara tunai kepada Akaun Amanah Jabatan Muzium Malaysia.



Dengan hala tuju yang jelas ini, Kementerian Perpaduan Negara akan terus menjadi peneraju dalam membina masyarakat Malaysia yang harmoni, inklusif, dan berpaksikan nilai sejagat yang mendukung semangat Malaysia MADANI.

Dengan itu, saya serahkan kepada sekretariat untuk meneruskan agenda mesyuarat yang seterusnya.

Sekian, terima kasih.



FIESTA UNITI @ MUZIUM KOTA KAYANG

1 NOVEMBER 2025

Salam Perpaduan, Salam Perlis, Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju.

Dengan penuh hormat dan takzimnya patik mengadap,

**Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis,
Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail,**

dan mengadap,

**Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Perlis,
Tuanku Tengku Fauziah Binti Almarhum Tengku Abdul Rashid**

AMPUN TUANKU

Terlebih dahulu patik mewakili warga kerja Kementerian Perpaduan Negara dan Jabatan Muzium Malaysia merafak sembah, menjunjung setinggi - tinggi kasih atas limpah perkenan Duli - Duli Tuanku berangkat ke Majlis Perasmian Fiesta Uniti Muzium Kota Kayang pada hari ini.

Sesungguhnya keberangkatan Duli - Duli Tuanku ke majlis ini amat besar ertinya kepada patik - patik sekalian.

AMPUN TUANKU

Patik pohon ampuni limpah perkenan Duli - Duli Tuanku untuk berucap kepada sidang hadirin yang turut hadir dalam majlis pada hari ini.

AMPUN TUANKU





PENDAHULUAN

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Jabatan Muzium Malaysia atas penganjuran **Fiesta Uniti @ Muzium Kota Kayang** bermula **pada 1 hingga 2 November 2025**.

Untuk makluman semua, program **Fiesta Uniti @ Muzium** ini dirancang khusus sebagai satu usaha **merakytakan muzium** iaitu menjadikan muzium sebagai **ruang hidup yang mendekatkan rakyat dengan warisan, sejarah dan tamadun bangsa**. Pendekatan ini sejajar dengan aspirasi **Kementerian Perpaduan Negara** untuk membina Negara Bangsa melalui **pemahaman sejarah, identiti nasional dan jati diri**.

Fiesta ini juga memperlihatkan **sinergi antara budaya, seni dan komuniti**, dengan pelbagai pengisian seperti pameran interaktif, persembahan tradisional, bengkel warisan, jualan produk tempatan dan aktiviti pendidikan untuk kanak-kanak. Semua ini membuktikan bahawa muzium boleh menjadi **ruang rakyat bersatu melalui pengalaman budaya bersama**.

Selain itu, penganjuran Fiesta Uniti di Muzium Kota Kayang ini turut menjadikan **Perasmian Rumah Hijau iaitu Rumah Kelahiran Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis** sebagai satu acara utama program. Usaha yang dilaksanakan oleh **Jabatan Muzium Malaysia** dengan kerjasama **Kerajaan Negeri Perlis** dalam mengangkat dan memulihara Rumah Hijau ini amat wajar dipuji, memandangkan nilai sejarah serta signifikan warisannya yang begitu tinggi kepada negeri dan negara.

Ampun Tuanku,

MUZIUM SEBAGAI WAHANA PERPADUAN

Di bawah seliaan Jabatan Muzium Malaysia (JMM), sebanyak **437,046 koleksi berharga telah direkodkan sejak tahun 1963 hingga 2024** menjadikan institusi ini antara penjaga warisan dan identiti negara bangsa paling penting di Malaysia.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak **322,966 koleksi arkeologi** direkodkan, merangkumi serpihan seramik, alat batu, logam dan kayu, manik, arca batu serta arang. Selain itu, terdapat **37,414 koleksi etnologi** yang menampilkan pelbagai khazanah kebudayaan seperti perhiasan diri, tekstil tradisional, senjata, alat muzik, topeng, wayang kulit, setem dan mata wang. Tidak ketinggalan, sebanyak **76,666 spesimen alam semula jadi** turut dipelihara, termasuk burung, mamalia, amfibia, reptilia, serangga, tumbuhan (botani), serta spesimen geologi.

Namun, **cabaran utama muzium kini bukan sekadar menjaga artifak, tetapi mengubah persepsi masyarakat terhadapnya.** Justeru, Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Muzium Malaysia memperkenalkan pelbagai **inisiatif yang lebih dinamik dan inklusif** seperti Fiesta Uniti ini.

Pendekatan baharu ini mengubah ruang pameran menjadi tempat interaksi sosial dan pembelajaran, tempat di mana keluarga boleh bersantai, pelajar boleh meneroka, dan masyarakat boleh mengenal akar budaya masing-masing dalam suasana yang terbuka dan inklusif.





Lebih penting lagi, sejarah yang dipamerkan di muzium bukan sekadar memaparkan kisah masa lalu, tetapi menjadi asas kepada **pembinaan sebuah Negara Bangsa yang harmoni dan sejahtera.**

Mulai tahun hadapan, **Kementerian Perpaduan Negara** akan memperkenalkan **hala tuju baharu iaitu Pembinaan Negara Bangsa**, selaras dengan mandat yang telah diberikan di bawah **Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13)**. Penekanan utama diberikan kepada **usaha membina sebuah Negara Bangsa yang berdaulat, bermaruah dan utuh, demi menjamin keharmonian, keamanan serta kestabilan negara.** Sejajar dengan itu, perpaduan negara yang berpaksikan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara akan terus dijadikan asas dalam memperkukuh identiti kebangsaan.

Dalam konteks Malaysia, konsep **Negara Bangsa tidak boleh ditafsir secara sempit sebagai "satu kaum, satu budaya."** Sebaliknya, Negara Bangsa Malaysia terbentuk daripada rakyat yang datang daripada pelbagai kaum, agama, budaya dan bahasa, namun bersatu di bawah satu **identiti nasional yang dikongsi bersama.** Inilah identiti yang menjadi teras kepada perpaduan, kesejahteraan dan keharmonian negara.

Sehubungan itu, **muzium merupakan salah satu wadah penting dalam usaha membina Negara Bangsa.** Muzium tidak lagi boleh dilihat hanya sebagai pusat penyimpanan artifak atau dokumen sejarah, tetapi perlu berperanan sebagai **institusi pendidikan kebangsaan yang hidup dan relevan** kepada masyarakat.

“

program Fiesta Uniti @ Muzium ini dirancang khusus sebagai satu usaha merakyatkan muzium iaitu menjadikan muzium sebagai ruang hidup yang mendekatkan rakyat dengan warisan, sejarah dan tamadun bangsa. Pendekatan ini sejajar dengan aspirasi Kementerian Perpaduan Negara untuk membina Negara Bangsa melalui pemahaman sejarah, identiti nasional dan jati diri.

”



Dalam konteks ini, muzium juga harus tampil sebagai platform dialog antara generasi dan budaya, yang mempertemukan kepelbagaian pengalaman rakyat Malaysia di bawah satu payung identiti nasional. Peranan ini amat penting bagi memastikan sejarah bukan sekadar dikenang, tetapi dihayati dan dijadikan panduan dalam membina masa depan yang lebih bersatu dan progresif.

Melalui usaha berterusan untuk memperkasa fungsi muzium sebagai institusi ilmu, warisan dan perpaduan, kita bukan sahaja melestarikan sejarah bangsa, tetapi turut menyemai semangat patriotisme dan kebanggaan nasional dalam setiap jiwa rakyat Malaysia.

Ampun Tuanku,

PENUTUP

Saya merakamkan **penghargaan** kepada seluruh warga **Jabatan Muzium Malaysia**, khususnya pengurusan **Muzium Kota Kayang**, yang sentiasa beriltizam dan berdaya usaha untuk menjadikan muzium ini sebagai sebuah institusi warisan yang dinamik, berdaya saing serta relevan dengan arus semasa.

Semangat kerjasama dan kebersamaan yang dizahirkan melalui penganjuran **Fiesta Uniti @ Muzium Kota Kayang** ini amat membanggakan. Diharapkan semangat ini akan terus menyemarak dalam setiap lapisan masyarakat bagi **memartabatkan dan melestarikan khazanah negara**, sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menonjolkan nilai **kebersamaan dan keharmonian** yang terjalin di sebalik kepelbagaian agama, bangsa dan budaya.

Sekian, terima kasih.

Menjunjung Kasih Tuanku.
Ampun Tuanku.



MAJLIS PERASMIAN PESTA KANOWIT 2025

2 NOVEMBER 2025

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

PENDAHULUAN

Hari ini, kita berkumpul sama-sama meraikan **Pesta Kanowit 2025**. Izinkan saya untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang telah hadir pada hari ini terutamanya kepada **pihak penganjur iaitu Majlis Daerah Kanowit**. Tidak lupa juga kepada Kerajaan Sarawak terutama kepada **Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak dan Kementerian Perpaduan Negara** serta semua pihak yang terlibat dalam memastikan majlis ini dapat dijayakan.

Untuk makluman semua, **Pesta Kanowit ini mula diadakan pada tahun 2003**, ketika itu Pesta Kanowit dinamakan Pesta Rakyat Kanowit. Aktiviti utama semasa Pesta Kanowit adalah perlumbaan Powerboat F2000 dan juga Reggata Kanowit.

Selain itu, pesta ini juga dapat mempromosikan **Daerah Kanowit sebagai satu tarikan pelancong ke luar bandar**. **'Where Memories Are Made'** adalah slogan bagi **Pesta Kanowit**, yang membawa maksud bahawa setiap pengunjung yang datang ke pesta ini akan membawa 1001 kenangan yang sentiasa akan diingati.

Pada tahun ini, Pesta Kanowit menampilkan pelbagai aktiviti menarik seperti **Kanowit RC Boat Challenge, Kanowit Power Boat race, pameran jabatan dan agensi kerajaan, uniti walk, perarakan gagong, gendang pampat dan Ratu Pesta Kanowit**. Kesemua acara ini telah bermula sejak 18 Oktober lalu.



Sebagai Menteri Perpaduan Negara dan juga wakil rakyat Kanowit, saya amat berbangga melihat bagaimana **Pesta Kanowit ini berjaya menjadi platform penyatuan masyarakat tanpa mengira latar belakang etnik, agama mahupun budaya.** Di sinilah letaknya roh perpaduan sebenar apabila rakyat dari pelbagai kaum, bangsa dan kepercayaan datang bersama, berganding bahu, bergelak tawa dan meraikan warisan yang menjadi kebanggaan bersama. Inilah wajah sebenar Malaysia yang kita impikan.

Apabila masyarakat Kanowit, yang terdiri daripada pelbagai suku kaum seperti Iban, Melayu, Cina, Melanau dan lain-lain, dapat bersatu hati di bawah satu pesta, ini membuktikan bahawa perpaduan bukan sekadar konsep ia adalah realiti yang boleh kita capai apabila kita memilih untuk bersama. **Perpaduan ini bukan sesuatu yang datang secara spontan. Ia terbina hasil daripada usaha, kesedaran dan keikhlasan kita untuk hidup dalam semangat muhibah dan saling memahami.**



“

Pada tahun ini, Pesta Kanowit menampilkan pelbagai aktiviti menarik seperti Kanowit RC Boat Challenge, Kanowit Power Boat race, pameran jabatan dan agensi kerajaan, uniti walk, perarakan gagong, gendang pampat dan Ratu Pesta Kanowit

”



Semangat inilah yang ingin kita bawa dan semarakkan ke seluruh pelosok negara bahawa perpaduan bukan sekadar slogan, tetapi satu gaya hidup. Ia mesti diterjemahkan melalui rasa **Faham, Hormat, Terima dan Meraikan** kepelbagaian.

Saya percaya, **kuasa sebenar perpaduan ialah apabila masyarakat setempat saling memperkukuh antara satu sama lain tanpa prejudis, tanpa perbezaan, tetapi dengan matlamat bersama untuk membina kehidupan yang lebih baik.** Dalam konteks Kanowit, inilah kekuatan kita semangat komuniti yang hidup, saling membantu dan saling menghargai.

Saya juga ingin berkongsi sedikit pada hari ini mengenai hala tuju baharu Kementerian Perpaduan Negara mulai tahun 2026. Kerajaan akan mengangkat pembinaan Negara Bangsa sebagai aspirasi baharu dalam memupuk perpaduan rakyat ke arah sebuah negara harmoni.

Pendekatan ini akan menjadi kesinambungan kepada pelbagai inisiatif perpaduan yang telah digerakkan di seluruh negara, namun dengan penekanan baharu kepada **pembentukan jati diri kebangsaan, rasa bangga sebagai rakyat Malaysia dan tanggungjawab kolektif dalam menjaga keharmonian sosial.**

Ramai pasti bertanya, apakah yang dimaksudkan dengan Negara Bangsa? **Negara Bangsa bukan sekadar konsep politik atau slogan idealisme, tetapi ia merupakan semangat kesepaduan rakyat yang lahir daripada kesedaran bersama bahawa kita berkongsi satu tanah air, satu nasib, dan satu masa depan.**

Dalam erti kata lain, **Negara Bangsa ialah keadaan apabila rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama dan wilayah bersatu dalam kepelbagaian, menghormati perbezaan, dan menjunjung nilai bersama** seperti kasih sayang, tolong-menolong, amanah serta tanggungjawab terhadap negara.

Saya yakin, sekiranya semangat **Negara Bangsa** ini terus dipupuk di setiap daerah termasuk di Kanowit ini maka perpaduan negara akan menjadi lebih kukuh dan bermakna.

Kita akan lahirkan generasi rakyat Malaysia yang **bukan sahaja berbangga dengan identiti etnik masing-masing, tetapi juga berbangga menjadi sebahagian daripada Malaysia.**

Ini ialah visi besar yang ingin kita gerakan **dari Kanowit ke seluruh Malaysia membina negara bangsa yang bersatu, berdaulat dan sejahtera.**



Akhir kata, saya ingin menyeru agar program seperti Pesta Kanowit terus dikembangkan dan diperkasakan dengan penglibatan yang lebih luas daripada semua lapisan masyarakat terutamanya golongan belia tempatan, komuniti seni, pengusaha kecil, serta sektor pelancongan. Jika pesta ini terus dilaksanakan dengan pendekatan inklusif dan bersepadu, saya yakin Kanowit akan muncul sebagai model masyarakat harmoni luar bandar yang boleh dicontohi oleh daerah-daerah lain di seluruh Malaysia.

Sekali lagi, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan terima kasih kepada semua yang terlibat. Teruskan usaha kita untuk membangunkan Kanowit ke arah yang lebih gemilang.

Dengan itu, saya **merasmikan Majlis Penangguhan Pesta Kanowit 2025.**

Sekian, terima kasih.



MESYUARAT JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA (HARMONI) BILANGAN 2 TAHUN 2025

4 NOVEMBER 2025

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

PENDAHULUAN

Terima kasih kepada YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Naím bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) selaku Pengerusi Bersama **Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) Bilangan 2 Tahun 2025** merangkap tuan rumah untuk mesyuarat kali ini.

Saya turut mengucapkan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat ke Mesyuarat Jawatankuasa HARMONI Bilangan 2 pada petang ini.



INISIATIF HARMONI MADANI

'Harmoni dalam Kepelbagaian' telah menjadi tema hala tuju KPN pada tahun ini melalui empat (4) ikhtiar utama KPN antaranya; **Inisiatif Harmoni MADANI** sentiasa menyokong visi Malaysia MADANI, yang mempromosikan perpaduan melalui nilai-nilai **Faham, Hormat, Terima dan Meraikan**.

Pelaksanaan program-program di bawah Inisiatif Harmoni MADANI dilaksanakan bagi mencapai objektif untuk meningkatkan kefahaman mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam bagi memperkukuh hubungan kerbersamaan dan keharmonian negara.

Sehingga Oktober 2025, terdapat **sembilan (9) program di bawah Inisiatif Harmoni MADANI yang dianjurkan oleh KPN** di seluruh negara yang melibatkan penyertaan seramai 251,660 orang. Manakala program di bawah Inisiatif Harmoni MADANI bersama **Rakan Strategik berjumlah 37 program** yang melibatkan 377,854 orang penyertaan di seluruh Malaysia.

Walaupun pelbagai program telah dirancang dan dilaksanakan bagi memupuk keharmonian antara penganut agama, saya dapati pelaksanaannya masih berada pada tahap **surface level** — **sekadar touch and go** tanpa menyentuh akar sebenar isu. Justeru, **Kementerian Perpaduan Negara** akan bekerjasama rapat dengan **Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)** untuk meneliti dan merangka pendekatan yang lebih **berkesan, mendalam dan berimpak nyata** dalam memperkukuh hubungan antara agama.

Soal **interfaith** ini amat penting kerana ia menjadi **asas kepada keharmonian negara**. Untuk mencapai perpaduan yang sebenar, **kita mesti terlebih dahulu mencapai keharmonian**.

Saya juga ingin **menegaskan bahawa soal kerjasama antara Kementerian Perpaduan Negara, JAKIM, atau MCCBCHST tidak seharusnya hanya berlaku ketika mesyuarat** semata-mata. Kerjasama berkaitan dasar dan pelaksanaan inisiatif sebenar di lapangan perlu diberi penekanan dan digerakkan secara berterusan. Kita tidak boleh menunggu mesyuarat untuk mula berbincang tetapi tindakan mesti berjalan seiring dengan hasrat.

Sebelum ini, kita telah menubuhkan **tiga biro di bawah Jawatankuasa Harmoni**, namun saya masih belum melihat **keberkesanan dan hala tuju yang jelas daripada pelaksanaannya**. Sebab itu, saya tekankan bahawa dalam hal ini kita memerlukan **hala tuju yang jelas dan kesungguhan** untuk melaksanakannya bukan sekadar janji untuk melaksanakan.

Dalam masa terdekat, **Bahagian Dasar KPN akan mengkaji dan meneliti semula keberkesanan kesemua majlis mesyuarat dan jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Kementerian**. Hal

ini kerana kini terdapat terlalu banyak jawatankuasa dan berlaku pertindihan fungsi yang ketara serta **irrelevancy & lack of connection**. Ketika ini, kita mempunyai:

- I. **Majlis Penasihat Perpaduan Negara**
- II. **JK Pengurusan Isu Perpaduan oleh Tan Sri Lee Lam Thye**
- III. **JK HARMONI**
- IV. **3 Biro di bawah JK HARMONI**
- V. **Jawatankuasa Stracomm Pengurusan Isu Perpaduan**
- VI. **Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPPI)**
- VII. **Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri (PADUNEGRI)**
- VIII. **Majlis Mesyuarat YB Menteri Perpaduan Bersama Menteri Perpaduan Negeri Sabah Dan Sarawak serta EXCO-EXCO Perpaduan Negeri (MExUnity)**
- IX. **Jawatankuasa Pendidikan Rukun Negara**



Soal interfaith ini amat penting kerana ia menjadi asas kepada keharmonian negara. Untuk mencapai perpaduan yang sebenar, kita mesti terlebih dahulu mencapai keharmonian.



Untuk makluman semua juga, dalam Rancangan Malaysia Ketiga turut dimasukkan **Piagam Harmoni** sebagai salah satu inisiatif/fokus. Jadi saya berharap agar Kementerian Perpaduan Negara bersama-sama Institut Kefahaman Islam Malaysia dapat merealisasikan perkara ini menjelang tahun 2026.



MEMBINA NEGARA BANGSA

Hadirin yang dihormati sekalian,

Selaras dengan **mandat RMK13**, Kementerian telah dipertanggungjawabkan untuk menerajui **Tonggak DI: Pembinaan Negara Bangsa**, yang menekankan kepada pembangunan sebuah negara bangsa yang **berdaulat, bermaruah dan utuh**, demi menjamin **keharmonian, keamanan serta kestabilan negara**. Seajar dengan itu, perpaduan yang berpaksikan prinsip Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara dijadikan asas utama dalam memperkukuhkan identiti nasional.

Membina Negara Bangsa akan menjadikan tema Kementerian pada tahun 2026 dan turut memberikan tumpuan kepada pelaksanaan program melalui 5 kluster utama iaitu Tunas MADANI, Harmoni MADANI, Komuniti MADANI, Rakyat MADANI dan Warisan MADANI.

Dalam konteks Malaysia, **konsep Negara Bangsa tidak boleh ditafsir secara sempit sebagai “satu kaum, satu budaya”**. Sebaliknya, negara bangsa Malaysia terbentuk daripada rakyat yang datang daripada pelbagai kaum, agama, budaya dan bahasa, tetapi **bersatu di bawah satu identiti nasional yang dikongsi bersama**. Identiti inilah yang menjadi asas kepada perpaduan, kesejahteraan dan keharmonian negara.

Agenda ini menjadi kesinambungan kepada dasar-dasar terdahulu seperti **Dasar Kebudayaan Kebangsaan (1971 & 2021), Rukun Negara (1970), dan Dasar Perpaduan Negara (2021-2030)**, namun dengan pendekatan baharu yang menumpukan kepada pembinaan identiti nasional yang berakar pada nilai, warisan dan tanggungjawab bersama. Harus dilihat agenda **Negara Bangsa ini tidak menggantikan dasar sedia ada, tetapi berfungsi sebagai Pelan Pelengkap Masa Depan (*Future Complementary Framework*)**.

Sehubungan itu, Kementerian Perpaduan Negara sedang melaksanakan sesi libat urus di seluruh negara bagi merangka **Pelan Tindakan Membina Negara Bangsa**, disusuli penganjuran **Persidangan Pembinaan Negara Bangsa** pada suku pertama tahun hadapan.

Saya mohon Kementerian Perpaduan Negara untuk menjemput dan turut melibatkan kesemua ahli-ahli JK HARMONI ini dalam memberikan input kepada persidangan ini.



PENUTUP

Dengan itu, tanpa melengahkan masa, saya serahkan kembali kepada YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) untuk meneruskan agenda mesyuarat yang seterusnya.

Sekian, terima kasih.



THE OPENING CEREMONY OF THE EXHIBITION “FABRICS OF ASEAN: THE ETERNITY OF WEAVING”

5 NOVEMBER 2025

Salam Perpaduan and Salam Malaysia MADANI.

WELCOMING REMARKS

A very good morning to all. It is truly a pleasure and an honour to welcome everyone to the opening of **Fabrics of ASEAN: The Eternity of Weaving**.

This special exhibition, organised by the **Ministry of National Unity through the Department of Museums Malaysia**, is held in conjunction with **Malaysia's ASEAN Chairmanship 2025**. It also continues the momentum established through the **Fabrics of ASEAN Symposium**, held earlier this year at **Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia**.

The exhibition will be open to the public from **20 October until 31 December at Gallery 2, Department of Museums Malaysia**. This exhibition provides a platform for us to reflect on how our cultural diversity continues to strengthen the bonds of regional friendship and understanding.



NATIONAL TEXTILE MUSEUM MALAYSIA

The National Textile Museum Malaysia, located in the heart of Kuala Lumpur, was officially opened to the public in 2010. It is housed in a heritage building that once served as the headquarters of various government departments since 1905. Today, the museum showcases Malaysia's rich textile legacy through **four permanent galleries** ***Pohon Budi, Pelangi, Teluk Berantai, and Ratna Sari*** which collectively trace the evolution of traditional clothing, weaving techniques, and decorative arts from the pre-colonial era to modern times.

As of 2025, the Permanent Exhibition Collection of National Textile Museum comprises 645 collections, encompassing handwoven textiles, traditional costumes, natural dye samples, and tools used in the making of songket, batik, and pua kumbu.

Malaysia's efforts to preserve and promote textile heritage began more than two decades ago, through systematic documentation, conservation programs, and artisan development initiatives led by the Department of Museums Malaysia. The government has also encouraged collaboration between museums, universities, and local communities to safeguard traditional weaving knowledge and ensure that these skills are passed down to younger generations.



“

As of 2025, the Permanent Exhibition Collection of National Textile Museum comprises 645 collections, encompassing handwoven textiles, traditional costumes, natural dye samples, and tools used in the making of songket, batik, and pua kumbu

”

CULTURAL DIPLOMACY

This exhibition is not merely a display of beauty and craftsmanship, **it is a living embodiment of Cultural Heritage Diplomacy.** It represents how art, history, and tradition serve as bridges between nations, fostering dialogue where words may fail and unity where borders divide. Through fabric, we do not only weave patterns we weave trust, friendship, and mutual respect. **Culture, in its truest form, is diplomacy expressed through beauty and understanding.**

The ASEAN region is blessed with an extraordinary diversity of textile traditions each reflecting the soul and identity of its people. **From Malaysia's songket and batik, to Indonesia's ikat, Cambodia's hol, Thailand's mudmee, Vietnam's silk brocades, and the Philippines' piña and hablon** every motif, dye, and thread tells a story of heritage, resilience, and creativity. Together, these fabrics form a collective tapestry of shared humanity that binds us as one ASEAN family, proud of our diversity yet united in spirit.

In an era often defined by technology and speed, these textiles remind us of the enduring value of patience, skill, and intergenerational wisdom. Each handcrafted piece is a quiet act of diplomacy preserving not just the art of weaving, but the ethics of cooperation and the dignity of sustainable craftsmanship. **When artisans from different nations exchange techniques or when museums collaborate across borders, they engage in acts of peaceful diplomacy that strengthen our regional identity and mutual understanding.**

Cultural diplomacy begins where shared appreciation takes root. When we exchange our stories through fabric, we are engaging in a dialogue of empathy and understanding one that transcends politics and geography.





CLOSING

Before I conclude, ladies and gentlemen,

My sincere gratitude also goes to Department of Museums Malaysia, National Textile Museum Yayasan Warisan Johor, our private collectors, and donors, including Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz and Puan Digna Ryan, for their generosity and valuable contributions that have enriched this exhibition.

On behalf of the Ministry of National Unity and the Department of Museums Malaysia, I extend our deepest appreciation to YABhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail for gracing this ceremony and consenting to officiate the opening of Fabrics of ASEAN: The Eternity of Weaving.

May this exhibition inspire us all to keep weaving the threads of unity, preserving our shared heritage, and strengthening the cultural bonds that define the ASEAN spirit in the true meaning of Inclusivity and Sustainability.

Thank you.



MAJLIS MAKAN MALAM ALUMNI – SIRIH PULANG KE GAGANG *HOMECOMING* ALUMNI XIII UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

22 NOVEMBER 2025



Salam sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

PENGENALAN

Pertama sekali, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penganjur kerana menjemput saya untuk bersama dalam **Majlis Makan Malam Alumni UPM Sirih Pulang ke Gagang@Homecoming XIII** ini.

Malam ini kita **menghimpunkan alumni daripada UPM Serdang dan UPM Sarawak**, daripada pelbagai fakulti, pelbagai bidang, dan pelbagai generasi alumni 70-an, 80-an, 90-an, sehinggalah kepada generasi profesional muda. Daripada bidang pertanian, perhutanan, ekonomi, kejuruteraan, sains komputer, sains makanan, pengurusan, pendidikan dan banyak lagi; kita bersatu sebagai satu keluarga besar UPM satu alma mater, satu perjuangan ilmu, satu warisan kecemerlangan.

Di **Universiti Putra Malaysia**, saya menjejakkan kaki sebagai **pelajar Fakulti Perhutanan** pada tahun **1979**, dan **menamatkan pengajian pada 1983**. Saya tinggal di **Kolej Kediaman Kedua**, yang pada waktu itu menjadi rumah kedua saya selama empat tahun penuh dengan suka, duka dan tawa.

Selepas menamatkan pengajian di sini, perjalanan hidup saya terus dipandu oleh nilai-nilai yang saya pelajari di UPM. **Pada tahun 2004, saya diberi kepercayaan oleh rakyat untuk menjadi Ahli Parlimen Kanowit sehingga kini**. Kemudian, **pada tahun 2020, saya dilantik sebagai Timbalan Menteri Kesihatan**, dan pada **penghujung tahun 2022, saya diamanahkan untuk memikul tanggungjawab sebagai Menteri Perpaduan Negara**.

Saya percaya, semua pencapaian ini bermula di sini, di bumi UPM. UPM bukan sekadar tempat saya menuntut ilmu, tetapi tempat saya belajar tentang kehidupan, tanggungjawab dan kepimpinan. **Di sinilah saya mengenal erti disiplin, kerja keras, dan semangat untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara.**

Malam ini saya melihat wajah-wajah yang telah berjaya dalam pelbagai lapangan. Ada yang menjadi ahli akademik, pensyarah, saintis, jurutera, pegawai tinggi kerajaan, usahawan, CEO dan pemimpin komuniti. **Di mana sahaja kita berada, kita membawa nama almamater kita, Universiti Putra Malaysia.** Inilah kekuatan UPM, bukan sekadar menghasilkan graduan, tetapi melahirkan insan yang menyumbang kepada negara dan masyarakat.



PENCAPAIAN UPM

Saya juga dimaklumkan bahawa Universiti Putra Malaysia terus mengukuhkan reputasinya sebagai institusi terkemuka di rantau ini dengan pencapaian yang dibuktikan melalui pelbagai penarafan dan pengiktirafan rasmi. Terkini, **UPM berada dalam kelompok Top 20 Asia apabila disenaraikan di kedudukan ke-20 dalam QS World University Rankings: Asia 2025.**

Dalam bidang kelestarian, **UPM turut menerima pengiktirafan serantau apabila inisiatif tenaga boleh baharu kampus memenangi 1st Runner-Up ASEAN Energy Awards 2025 di bawah kategori Tenaga Boleh Baharu.**

UPM juga terus menunjukkan kekuatan dalam kebolehpasaran graduan serta pencapaian global berasaskan data yang sahih. **Universiti kita diiktiraf sebagai antara institusi pilihan majikan apabila menerima Employers' Choice Award 2025 oleh Talentbank, sekaligus membuktikan graduan UPM relevan, berketerampilan dan diyakini industri.** Keseluruhannya, pencapaian-pencapaian ini menjadi asas kukuh yang membuktikan bahawa UPM bukan sekadar institusi pengajian tinggi, tetapi sebuah universiti berimpak global yang terus melahirkan graduan berdaya saing serta penyelidikan yang memberi manfaat kepada negara dan dunia.

Tahniah buat pengurusan tertinggi dan mahasiswa UPM!

Baru-baru ini juga, **UPM Kampus Bintulu Sarawak dijenamakan semula sebagai UPM Sarawak pada 30 Jun 2025.** Kampus ini telah wujud di Sarawak sejak tahun 1974 - sebuah institusi yang kini berusia 50 tahun. Daripada sebuah kampus dengan kemudahan asas yang sederhana di Semenggok, UPM Sarawak yang kini terletak di Bintulu Sarawak berkembang menjadi gedung ilmu penting dalam bidang pertanian moden, sains, biodiversiti, perhutanan, akuakultur dan pelbagai bidang strategik lain yang seiring dengan agenda pembangunan negeri dan negara.

UPM Sarawak kini memainkan peranan penting sebagai pusat rujukan akademia Borneo, pusat penyelidikan biodiversiti tropika, hab pembangunan komuniti dan rakan strategik utama Sarawak dalam agenda keterjaminan makanan. Saya pasti **Kerajaan Sarawak pimpinan YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak akan terus menyokong pembangunan kecemerlangan UPM Sarawak.**

“
Alumni merupakan aset strategik kepada sebuah universiti dan negara kerana mereka membawa identiti, nilai, dan reputasi institusi ke peringkat masyarakat, industri dan dunia.
”

PERANAN ALUMNI-ALUMNI UNIVERSITI DI NEGARA

Alumni merupakan aset strategik kepada sebuah universiti dan negara kerana mereka membawa identiti, nilai, dan reputasi institusi ke peringkat masyarakat, industri dan dunia. Alumni yang berjaya bukan sekadar mewakili kejayaan individu, tetapi melambangkan keberkesanan ekosistem pendidikan negara dari kualiti pengajaran, penyelidikan, pembangunan sahsiah hingga ke peluang pekerjaan dan jaringan industri. Mereka menjadi jambatan antara universiti, dunia pekerjaan dan komuniti, serta memperkukuh keyakinan masyarakat terhadap institusi pendidikan tinggi.

Dalam era MADANI yang menekankan keterlibatan dan pengupayaan rakyat, alumni berperanan sebagai ejen perubahan yang menyumbang kepada universiti melalui pelbagai bentuk termasuk pemindahan ilmu, penglibatan industri, mentorship kepada pelajar, penajaan biasiswa, penyediaan latihan industri, peluang pekerjaan, serta sokongan kewangan melalui *endowment* dan dana pembangunan. Alumni juga membantu universiti memperkukuh ekosistem inovasi melalui kerjasama penyelidikan, pembangunan teknologi dan hubungan antarabangsa. Kejayaan alumni dapat meningkatkan kedudukan global universiti, mempengaruhi ranking, dan menarik minat pelajar antarabangsa.

Contohnya, **Universiti Harvard dan MIT banyak menerima dana penyelidikan dan endowment daripada alumni** berprofil tinggi mereka; **Oxford dan Cambridge pula membina reputasi global melalui pengaruh alumni** dalam kepimpinan dunia, industri dan akademik. Di Asia pula, **National University of Singapore (NUS) dan Tsinghua University melonjak sebagai universiti bertaraf dunia sebahagian besarnya kerana kekuatan jaringan alumni** yang menyokong inovasi dan membuka akses pasaran global. Kesemua contoh ini membuktikan bahawa alumni adalah tulang belakang kepada kecemerlangan sesebuah universiti.

PENUTUP

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada jawatankuasa penganjur atas usaha menjayakan majlis yang sangat bermakna pada malam ini. Semoga hubungan antara alumni dan almamater akan terus diperkukuh, dan semoga UPM terus gemilang di persada negara dan dunia.

Dengan ini, saya merasmikan **MAJLIS MAKAN MALAM ALUMNI – SIRIH PULANG KE GAGANG, HOMECOMING ALUMNI XIII UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA.**

Sekian, Terima kasih.



TAKLIMAT AKTA RUKUN TETANGGA (PINDAAN) 2025 KEPADA AHLI PENYOKONG KERAJAAN

24 NOVEMBER 2025



Salam Sejahtera, .
Salam Perpaduan dan .
Salam Malaysia MADANI.

Terlebih dahulu, saya ingin mengalu-alukan kehadiran semua Ahli Penyokong Kerajaan dan seterusnya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat di atas kesudian meluangkan masa untuk bersama-sama dalam **sesi taklimat mengenai Rang Undang-Undang Rukun Tetangga (Pindaan) 2025**.

Sebagai makluman, Rang Undang-Undang ini telah dibentangkan untuk **Bacaan Kali Pertama pada 17 November 2025**. Ini merupakan kali pertama Akta Rukun Tetangga 2012 [Akta 757] dipinda selepas 13 tahun dikuatkuasakan.

Oleh itu, harapan saya semoga Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memberikan sokongan padu terhadap pindaan-pindaan yang dicadangkan ini untuk memastikan Rukun Tetangga dapat berfungsi dan berperanan dengan lebih berkesan dan cemerlang sebagaimana yang dihasratkan oleh Kementerian, warga Rukun Tetangga dan semua pihak yang sentiasa menyokong khidmat kesukarelawanan yang disumbangkan oleh Rukun Tetangga yang merupakan jentera perpaduan yang penting di peringkat akar umbi.

SEJARAH RUKUN TETANGGA

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Bermula dengan 17 Rukun Tetangga pada tahun 1975, kini jumlah Rukun Tetangga di seluruh negara telah mencapai 8,603 dengan keanggotaan jawatankuasa seramai 215,000 orang dan liputan penduduk seramai hampir 13 juta orang. Jumlah Rukun Tetangga tertinggi adalah di negeri Sabah iaitu 1,131, diikuti dengan Selangor (1,116), Sarawak (1,095), dan Johor (873).

Rukun Tetangga telah diperkenalkan oleh Kerajaan melalui Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 di bawah Ordinan Darurat 1969. Namun, sebagaimana yang kita sedia maklum, berdasarkan keperluan semasa, **Ordinan ini telah dimansuhkan pada tahun 2011 dan Akta Rukun Tetangga 2012 digubal dan telah dikuatkuasakan pada Jun 2012.** Akta ini telah memperuntukkan Rukun Tetangga sebagai peneraju keharmonian, keselamatan dan perkhidmatan kepada komuniti.



Dalam tempoh 50 tahun ini, sudah pasti Rukun Tetangga telah mengalami banyak transformasi dan berevolusi dari segi tugas dan fungsinya.

Bermula dengan **agenda keselamatan pada tahun 1975**, Kerajaan telah menyusun semula Skim Rukun Tetangga berkonsepkan **semangat kejiranan pada tahun 1983** yang bertujuan untuk memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan komuniti setempat. Seterusnya pada tahun 2001, Kerajaan telah memperkenalkan **konsep pembangunan komuniti** bagi mendayaupayakan (*empowerment*) Rukun Tetangga untuk berhadapan dengan pelbagai isu, cabaran dan perubahan gaya hidup semasa.

Seiring dengan perubahan semasa, **Model Transformasi Rukun Tetangga** telah diperkenalkan pada tahun 2020. Model ini berpaksikan kepada lima (5) teras utama aktiviti iaitu perpaduan, ekonomi, keselamatan, pendidikan dan kualiti hidup.

Selari dengan aspirasi Kerajaan MADANI yang memfokuskan kepada kesejahteraan dan kemampanan hidup rakyat, maka Kementerian telah menggerakkan **Inisiatif Rukun Tetangga Progresif** dan membangunkan **Pelan Tindakan Pemerkasaan Rukun Tetangga Sebagai Penggerak Komuniti Progresif** bermula pada tahun 2024.



INISIATIF RUKUN TETANGGA PROGRESIF

Sebagaimana yang saya telah sebutkan tadi, pada tahun 2024 Kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah memulakan Inisiatif Rukun Tetangga Progresif.

Bagi menterjemahkan pelaksanaan inisiatif ini, Kementerian telah diluluskan peruntukan sebanyak **RM20 juta** melalui **Inisiatif Belanjawan 2024** dan **RM20 juta** lagi melalui **Inisiatif Belanjawan 2025**. Justeru, Kementerian telah membangunkan **Kerangka dan Pelan Tindakan Pemerkasaan Rukun Tetangga Sebagai Penggerak Komuniti Progresif** yang merangkumi lapan (8) bidang tumpuan iaitu:

- i. Ekonomi dan Sara Hidup;**
- ii. Keselamatan dan Ketahanan Komuniti;**
- iii. Kepimpinan;**
- iv. Kesejahteraan Komuniti;**
- v. Pembelajaran Sepanjang Hayat;**
- vi. Alam Sekitar;**
- vii. Warisan dan Budaya; dan**
- viii. Daya Cipta.**

Bagi pelaksanaan inisiatif ini pada tahun 2024, sebanyak **152 Rukun Tetangga** telah dimodelkan sebagai penggerak komuniti progresif. Seterusnya pada tahun 2025, sebanyak **301 Rukun Tetangga** telah dinilai dan dipilih sebagai RT Progresif.

Aspirasi ini berhasrat **menghidupkan kembali semangat kejiranan melalui pembangunan aktiviti ekonomi setempat**. Pendekatan ini memberi nafas baharu kepada peranan Rukun Tetangga di seluruh negara daripada entiti sosial yang hanya mengurus rondaan atau program kebajikan asas, kepada sebuah komuniti yang mampu **menjana ekonomi, peluang pekerjaan, membina jaringan sokongan sosial dan mengurangkan kos sara hidup ahli kejiranan**.

Pelaksanaan aktiviti ekonomi memberi impak yang tinggi dan limpahan manfaat secara langsung dan tidak langsung kepada **Rukun Tetangga, peserta projek dan komuniti setempat**. Melalui projek yang dilaksanakan dan hasil yang dijana, ia dapat meningkatkan tabung kewangan Rukun Tetangga melalui konsep **money in the bank (RT Berdikari)** dan pelaksanaan pelbagai aktiviti tanpa bergantung pada dana dari Kerajaan semata-mata.

Sehingga tahun ini, **504 projek ekonomi komuniti Rukun Tetangga** telah berjaya dibangunkan di seluruh negara. Projek-projek ini merangkumi pelbagai bidang termasuk pembuatan makanan, kraftangan, produk bukan makanan, kebuniti (*urban farming*), serta *community-based tourism*. Antara KRT dan projek ekonomi yang berjaya di bawah inisiatif ini ialah:

Bil.	KRT	Projek
1.	KRT Perumahan Awam Seri Perlis, Kuala Lumpur	• Kebun komuniti • Coklat • Bunga telang kering • Biskut kelapa • Kraf tangan • Fabrik Eco Print
2.	KRT Kg. Satey/Pantai	• Katering • Dapur Komuniti • Percetakan
3.	KRT Telaga Batin, Terengganu	• Tanaman Cili Fertigasi
4.	KRT Gunung, Terengganu	• Community Based Tourism • Projek Daya Cipta KR power Box • Tanaman Nana
5.	KRT Fasa 1L, Bandar Tasik Kesuma	• Perkhidmatan Sewaan Gelanggang Futsal • Kebun Komuniti
6.	KRT Chemor Idaman, Perak	• Kebun komuniti • Katering • Bakeri kuih muih sejuk beku • Acar buah • Sambal ikan bilis dan pelbagai produk makanan lain
7.	KRT Kg. Endah, Selangor	• Ternakan kambing • Pelbagai jenis kerepek
8.	KRT Desa Jati, Negeri Sembilan	• Minyak masak terpakai • Lilin • Sabun

GERAN TAHUN RUKUN TETANGGA

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kadar geran bagi KRT telah melalui beberapa penyelarasan sejak tahun 2008 selaras dengan keperluan semasa dan kemampuan fiskal kerajaan. **Pada tahun 2008**, kadar geran tahunan yang diberikan kepada KRT ditetapkan sebanyak **RM 4,800 setahun** bagi membantu pelaksanaan aktiviti asas komuniti setempat. Selanjutnya, bagi memastikan keberkesanan peranan KRT dalam konteks perpaduan komuniti pasca pandemik, kadar geran telah **dinaikkan kepada RM6,000 setahun mulai tahun 2021** bagi semua KRT aktif di seluruh negara.

Kategori Keaktifan / Kadar Geran	Tahun			
	2008 - 2012	2013	2020	2021 - 2025
Paling Aktif	RM4,800	RM6,000	RM6,500	RM6,000
Aktif		RM4,000	RM4,500	
Sederhana Aktif		RM2,000	RM2,500	

Pada masa kini, kadar geran KRT masih kekal sebanyak **RM6,000.00 setahun bagi setiap KRT**. Dengan menggunakan geran ini, lebih **104,000 aktiviti (komuniti, kesukarelawan, kebajikan, ekonomi, pendidikan & perayaan)** telah dilaksanakan oleh KRT pada tahun 2024.

Kementerian mengakui bahawa jumlah peruntukan ini sememangnya tidak mencukupi bagi memastikan KRT memainkan peranannya dengan lebih berkesan. Berhubung perkara ini, Kementerian telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan sejak tahun 2022 lagi. Kelulusan bagi perkara ini adalah tertakluk kepada pertimbangan dan keputusan Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian kini sedang **meneliti mekanisme baharu bagi penyediaan geran, termasuk cadangan untuk menaikkan kadar geran kepada KRT yang aktif**. Antara pertimbangan utama ialah penetapan kadar geran berdasarkan tahap keaktifan KRT iaitu **paling aktif, aktif, dan sederhana aktif** berbanding kadar sama rata sebanyak RM6,000 bagi KRT aktif yang dilaksanakan sejak tahun 2021. Selain itu, Kementerian turut menimbangkan **pemberian insentif tambahan kepada KRT yang dikategorikan sebagai “super aktif”**, iaitu KRT yang menunjukkan komitmen tinggi serta prestasi cemerlang.

TAHAP KEAKTIFAN	JUMLAH MARKAH	KADAR GERAN
Paling Aktif	90 - 100	10,000.00
Aktif	60 - 89	6,000.00
Sederhana Aktif	40 - 59	5,000.00
Aktif	<40	-

“

Bermula dengan 17 Rukun Tetangga pada tahun 1975, kini jumlah Rukun Tetangga di seluruh negara telah mencapai 8,603 dengan keanggotaan jawatankuasa seramai 215,000 orang dan liputan penduduk seramai hampir 13 juta orang

”

RANG UNDANG-UNDANG RUKUN TETANGGA (PINDAAN) 2025

Akta Rukun Tetangga 2012 [Akta 751] adalah sebuah Akta yang telah digubal untuk membuat peruntukan yang berhubung dengan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Bagi menambahbaik Akta ini dan menjadikannya lebih komprehensif serta bersesuaian dengan peredaran semasa, terdapat beberapa pindaan yang perlu dibuat selaras dengan keperluan semasa bagi memperkasakan peranan dan fungsi Rukun Tetangga serta Skim Rondaan Sukarela sebagai peneraju keselamatan dan keharmonian dalam komuniti.

Cadangan pindaan adalah seperti berikut:

- i. memanjangkan tempoh penggal pelantikan Anggota Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga (AJKRT); dan**
- ii. memperkemarkan peruntukan-peruntukan sedia ada untuk diselarikan dengan keperluan semasa.**

Berhubungan penjelasan lanjut mengenai ini, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional akan sampaikan taklimat sebentar lagi.

PENUTUP

Besarliah harapan saya dan Kementerian agar semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat menyokong penuh Rang Undang-Undang Rukun Tetangga (Pindaan) 2025 yang akan nanti. Sokongan Ahli-Ahli Yang Berhormat terhadap pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah sebagai salah satu manifestasi pengiktirafan dan penghargaan kepada sumbangan Rukun Tetangga melalui khidmat kesukarelawanan kepada komuniti dan negara.

Sekian, terima kasih.



THE GREAT PILGRIMAGE OF HOPE (DIOCESE OF PENANG)

27 NOVEMBER 2025



Salam Sejahtera and Good Evening

OPENING REMARKS

To all the distinguished delegates gathered here today, it is a great honour for me to address this esteemed assembly at **The Great Pilgrimage of Hope 2025**. I would also like to express my sincere appreciation to the Federation of Asian Bishops' Conferences for organizing this meaningful event, and to the Catholic Diocese of Penang for graciously hosting this fraternal gathering in Penang, Malaysia.

The Ministry of National Unity extends our sincere appreciation to **Federation of Asian Bishops' Conferences (FABC)** for selecting Penang, a city that has long stood as a symbol of coexistence, shared heritage, and mutual respect as the host for this gathering.

I am happy to note that after 19 years since the first Asian Mission Congress in Chiangmai, Thailand 2006, the Great Pilgrimage of Hope has chosen Penang as its venue in 2025. Today we are blessed with the **presence of 777 delegates here from all over Asia**. Malaysia welcomes representations from **24 Asian countries** as well as from the **Holy See, Australia, Europe, and beyond**. Your presence here is a testament to the universality of faith and the shared commitment to deepening the spirituality of your collective Catholic journey.

This year's theme, **"Journeying together as peoples of Asia... and they went a different way"** (Mt 2:12), resonates profoundly with Malaysia's own path in managing diversity and fostering harmony within a multireligious society. Our nation's journey has been one of constant learning, negotiation, and engagement, rooted in the belief that **diversity is not an obstacle, but a source of strength**. Through sustained dialogue, structured policies, and active community participation, Malaysia nurtures trust, empathy, and shared responsibility within its diverse citizenry.

THE UNIQUENESS OF MALAYSIA

Ladies and Gentlemen,

Malaysia stands as one of the **most diverse countries** in the world, a true salad bowl of languages, faiths, and cultures. Our population, **numbering over thirty-five million, represents more than 200 sub-ethnic groups**, each contributing unique traditions, values, and practices. This diversity is not simply a characteristic of our nation; it is its strength, the wellspring of resilience and creativity. Our national motto, engraved on the Jata Negara (Malaysian Coat of Arms), **“Bersekutu Bertambah Mutu” (Unity is Strength)**, reminds us that **unity is not an abstract aspiration but the source of collective progress and national pride.**

While the phrase Unity in Diversity is often invoked, I have increasingly emphasized the concept of **Harmony in Diversity**. Harmony is the fundamental pillar upon which lasting unity rests. Without harmony, unity remains superficial. Harmony fosters trust, nurtures empathy, and allows people from different backgrounds to see each other not as strangers or competitors, but as partners in the shared endeavour of nation-building.

The Ministry of National Unity’s work is guided by the National Unity Policy 2021–2030 focuses on cultivating a national identity that is inclusive, cohesive, and grounded in shared values. Our aim is not merely to maintain peace, but to foster deep, **meaningful harmony between communities, and to translate this harmony into tangible collaboration, empathy, and collective progress.**

“

Our aim is not merely to maintain peace, but to foster deep, meaningful harmony between communities, and to translate this harmony into tangible collaboration, empathy, and collective progress.

”

This is where the philosophy of **Faham (Understand), Hormat (Respect), Terima (Accept), Meraikan (Celebrate)** comes to life. We must **Faham—understand** the lived experiences, aspirations, and concerns of others. We must **Hormat—show respect** not only for their beliefs and practices but for their dignity as human beings. We must **Terima—accept** differences without resentment or fear, allowing diversity to enrich our collective identity. And we must **Meraikan—celebrate** those differences, acknowledging that the vibrancy of Malaysia lies in the diversity of its peoples, traditions, and faiths. These are not abstract ideals; they are guiding principles that shape daily life, inform our policies, and inspire us to act with conscience and courage.

Our efforts span multiple dimensions, strengthening social cohesion through initiatives such as Rukun Tetangga (neighbourhood watch), the preservation and celebration of our rich cultural and religious heritage, and promotion of structured interfaith and intercultural dialogues. We continue to empower civil society, NGOs, and faith leaders through Interfaith Dialogues, cultural exchange programmes, Harmony Walk, and various community-based engagements.

Malaysia is also emerging as a leading example in Asia by introducing **Community Mediation Programmes supported by 603 trained mediators**, equipped to address tensions before they escalate and to nurture deeper understanding within communities. In addition, **we have established 10 Community Mediation Centres nationwide to strengthen grassroots conflict-resolution mechanisms.**

Through the Ministry's support of Harmony Committees, places of worship become hubs of cooperation rather than

isolation, venues where collaborative celebration, shared community service, and mutual respect are woven into daily practice.

A SHARED SPIRITUAL FOUNDATION FOR PEACE

Across all major faiths, Islam, Christianity, Buddhism, Hinduism, Sikhism, Taoism, and others - the universal values of compassion, justice, peace, and mutual respect shine through. Romans 12:18 reminds us that "If it is possible, as far as it depends on you, live at peace with everyone." This mirrors Malaysia's own national philosophy. Our faith communities are not passive observers but active nation-builders, advancing peace and understanding through service, youth development, charity, and interfaith collaboration. They create the social trust and moral stability that anchor our society.

Religion and unity are not separate ideals; they are deeply interconnected, and neither can be imposed by force. Both must be nurtured through education, through example, and through lived experience. Religious institutions therefore carry immense responsibility: they shape moral consciousness, influence behaviour, and cultivate empathy across generations. Through teachings, guidance, community outreach, and interfaith engagement, they help dispel misconceptions, reduce prejudice, and foster a culture of mutual respect and understanding.

When religious leaders champion moderation, inclusion, and peaceful coexistence, they uplift the spiritual integrity of the nation. They guide community away from fear and division, and towards courage, compassion, and shared purpose.



CLOSING REMARKS

Ladies and Gentlemen,

I stand inspired by the transformative work of the Federation of Asian Bishops' Conferences (FABC) in fostering interreligious understanding, dialogue, and peace across Asia. Christianity, with its timeless teachings on compassion, justice, and service to others, continues to guide communities toward the common good, reminding us of the power of faith to shape society and nurture moral responsibility.

It is a call to action for all of us to engage in meaningful cooperation with FABC, Malaysia, Asian and the Holy See, to cultivate youth leadership rooted in empathy and solidarity, to advance community service initiatives founded upon humanitarian values, and to share knowledge on dialogue facilitation and the prevention of conflict at every level of society.

May this Great Pilgrimage inspire renewed friendships, deeper reflection, and a strengthened commitment to peace throughout Asia.

Terima kasih, Thank you.



MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA 2025 – 2027

2 DISEMBER 2025

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

PENDAHULUAN

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada **12 Ahli yang dilantik sebagai Ahli Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) bagi tempoh 2025 – 2027.**

Saya percaya kesemua ahli akan memainkan peranan penting dalam **memberi cadangan dan pandangan bernas bagi penambahbaikan dasar berkaitan perpaduan**, demi memastikan agenda perpaduan yang inklusif, progresif dan berteraskan nilai-nilai Malaysia Madani dapat dicapai dengan lebih berkesan.



HALA TUJU KEMENTERIAN

Izinkan saya kongsi sedikit mengenai Kementerian Perpaduan Negara. Seperti kita sedia maklum, peranan utama Kementerian ini adalah untuk **mewujudkan platform dan tapak integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa iaitu dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program.** Usaha ini dilaksanakan selaras dengan **Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan berpandukan Dasar Perpaduan Negara.**

Pada tahun 2023, Kementerian Perpaduan Negara telah memperkenalkan satu kerangka penting yang dikenali sebagai **Kerangka Perpaduan Membangun Malaysia MADANI.** Kerangka ini menjadi asas kepada pendekatan strategik kementerian dalam memupuk perpaduan berlandaskan nilai-nilai MADANI.

Selaras dengan itu, kementerian mengguna pakai pendekatan **Perpaduan Dalam Kepelbagaian** sebagai fokus utama, dengan memberikan penekanan kepada **penghayatan semula Rukun Negara** termasuk pelaksanaan lafaz penuh ikrar Rukun Negara di sekolah, institusi pengajian tinggi, majlis rasmi kerajaan, Parlimen dan kini turut diperluaskan ke beberapa Dewan Undangan Negeri (DUN) serta pelaksanaan **inisiatif Eksplorasi Rukun Negara**.

Pada tahun ini, tema **‘Harmoni Dalam Kepelbagaian’** diperkenalkan untuk meningkatkan keharmonian antara penganut agama di negara ini. Tema ini mencerminkan realiti masyarakat Malaysia yang majmuk, di mana perpaduan hanya dapat dicapai melalui penerapan nilai **Faham, Hormat dan Terima** antara satu sama lain.



Mengupas pencapaian tahun ini, rekod kementerian menunjukkan sebanyak **762 program telah dilaksanakan setakat November 2025**, satu angka yang dianggap luar biasa memandangkan sebahagian besar inisiatif ini melibatkan penyertaan akar umbi. Pencapaian ini berlandaskan kepada empat ikhtiar utama iaitu:

Ekosistem Perpaduan – Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif, Sambutan Minggu Perpaduan, Liga Sukan Uniti, Inisiatif Cilik Perpaduan, MADANI Berkhidmat Misi Sukarelawan Siswa, Biasiswa Tunku Abdul Rahman dan Program Closing The Gap di PPR.

Inisiatif Harmoni MADANI – Sambutan Keharmonian Sedunia, Dialog Harmoni, Perarakan Harmoni, Jejak Harmoni dan memperluaskan perkhidmatan mediator komuniti (603) serta penubuhan 2 buah Pusat Mediator Komuniti.

Eksplorasi Rukun Negara – Sambutan 55 Tahun Rukun Negara, Program Gerak Integrasi Perpaduan, Pidato Rukun Negara, Citra Negeraku, Arkib Sekolah, Kempen Taat Setia Rukun Negara, Program Jalinan Integrasi Mahasiswa, dan Konvensyen Sekretariat Rukun Negara.

Komuniti Sosiobudaya – Citra Nusa Muzium, Majlis Mengenang Jasa Negarawan, Seminar Sejarah Lisan, Arkib Komuniti, Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium, Karnival Baca Perdana dan Festival Kaligrafi Perpaduan.

Sejak tahun 2023, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan dan jelas memperlihatkan bahawa **pembinaan Negara Bangsa** merupakan **matlamat akhir** kepada usaha **memperkukuh perpaduan nasional**.

Dalam **Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) 2026 - 2030**, Kementerian Perpaduan Negara telah diberikan mandat besar untuk menerajui Tonggak D1 iaitu **Pembentukan Negara Bangsa**. Penekanan utama diberikan kepada usaha membina sebuah negara bangsa yang berdaulat, bermaruah dan utuh, demi menjamin keharmonian, keamanan serta kestabilan negara.

Dalam konteks Malaysia, **konsep Negara Bangsa tidak boleh ditafsir secara sempit sebagai “satu kaum, satu budaya”**. Sebaliknya, negara bangsa Malaysia terbentuk daripada rakyat yang datang daripada pelbagai kaum, agama, budaya dan bahasa, tetapi **bersatu di bawah satu identiti nasional yang dikongsi bersama**. Identiti inilah yang menjadi asas kepada perpaduan, kesejahteraan dan keharmonian negara.

Dalam dunia yang sedang berdepan cabaran polarisasi, perbezaan identiti dan ancaman terhadap perpaduan sosial, pembinaan negara bangsa bukan lagi satu pilihan, tetapi suatu keperluan mutlak. Ia adalah teras kepada kestabilan, keharmonian dan kemajuan sesebuah negara, lebih-lebih lagi bagi negara majmuk seperti Malaysia.

“
Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada 12 Ahli yang dilantik sebagai Ahli Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) bagi tempoh 2025 – 2027.
”

Agenda ini menjadi kesinambungan kepada dasar-dasar terdahulu seperti **Dasar Kebudayaan Kebangsaan (1971)**, **Rukun Negara (1970)**, dan **Dasar Perpaduan Negara 2021–2030**, namun dengan pendekatan baharu yang menumpukan kepada **pembinaan identiti nasional yang berakar pada nilai, warisan dan tanggungjawab bersama**.

Sehubungan itu, Kementerian Perpaduan Negara sedang melaksanakan sesi libat urus di seluruh negara bagi merangka **Pelan Tindakan Pembinaan Negara Bangsa**, disusuli penganjuran **Persidangan Pembinaan Negara Bangsa** pada suku pertama tahun depan.



Kementerian Perpaduan Negara sentiasa komited melaksanakan pelbagai program yang berteraskan **kenegaraan, pembinaan jati diri dan pemerkasaan nilai perpaduan khususnya dalam kalangan golongan belia**. Ini termasuk inisiatif yang bersifat pendidikan nilai, penghayatan sejarah, dialog antara kaum, serta aktiviti kesukarelawanan yang menyatukan pelbagai latar belakang etnik, budaya dan agama.

Ahli-Ahli yang dihormati sekalian,

PENGURUSAN ISU PERPADUAN

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan berhubung usaha yang diambil oleh Kementerian dalam mengurus isu-isu perpaduan negara. Seperti sedia maklum, **Kementerian tidak mempunyai sebarang akta yang memberikan kuasa penguatkuasaan** untuk mengambil tindakan terhadap individu yang menyentuh perihal 3R.

Walau bagaimanapun, Kementerian telah mengguna pakai pendekatan reformasi **(reformative approach)** dengan mengambil tindakan segera dengan membuat teguran kepada pelaku, serta mendorong pelaku membuat permohonan maaf atas kesalahannya dan mendidiknya melalui perkhidmatan Mediator Komuniti.

Antara mekanisme pengurusan perpaduan yang dijalankan oleh Kementerian adalah:

Statistik

- Indeks Perpaduan Nasional
- Indeks Ketegangan Masyarakat

Majlis Mesyuarat

- Majlis Penasihat Perpaduan Negara
- Jawatankuasan Pengurusan Isu Perpaduan (terdiri daripada 12 agensi kerajaan)
- Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI)

Sistem

- Sistem e-Sepakat
- Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN)
- Dashboard Analitik Perpaduan

Perkhidmatan Mediasi

- Mediator Komuniti (603 orang)
- Pusat Mediasi Komuniti (10 buah)

Akhir sekali, Kementerian sentiasa terbuka untuk menerima cadangan dan komen dari semua pihak terutamanya ahli MPPN demi kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.



MAJLIS BERSAMA MEDIA

8 DISEMBER 2025

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

PENDAHULUAN

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua terutamanya **Ketua-Ketua Pengarang, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua-Ketua Editor dan para wartawan** dari pelbagai media yang sudi hadir ke majlis pada hari ini.

Sesi pada hari adalah bagi berkongsi sedikit sebanyak berhubung **pencapaian Kementerian Perpaduan Negara bagi tahun 2025** sekali gus penerangan mengenai **hala tuju baharu Kementeria bagi tahun 2026**.

Hal ini penting kerana **rakan-rakan media merupakan enabler penting** dalam memperkuat kefahaman rakyat, memupuk naratif perpaduan yang tepat, serta memastikan setiap inisiatif kementerian dapat disampaikan dengan jelas, bertanggungjawab dan berimpak tinggi kepada masyarakat.



HALA TUJU KEMENTERIAN

Izinkan saya kongsi sedikit mengenai Kementerian Perpaduan Negara. Seperti kita sedia maklum, peranan utama Kementerian ini adalah untuk **mewujudkan platform dan tapak integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa iaitu dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program**. Usaha ini dilaksanakan selaras dengan **Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan berpanduan Dasar Perpaduan Negara**.

Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2022 mencatat skor 0.629, menunjukkan perpaduan negara berada pada tahap sederhana dan terkawal. Penilaian ini berasaskan pengenalpastian 10 defisit sosial utama yang berpotensi menggugat hubungan antara rakyat, iaitu:

- a. **Etnisiti** – Interaksi ‘inter’ dan ‘intra’ etnik yang lemah mewujudkan jarak sosial.
- b. **Agama** – Kekurangan sensitiviti dan kefahaman rentas agama menjejaskan hubungan masyarakat.
- c. **Kelas Sosial** – Perbezaan kelas tidak seharusnya menjadi halangan kepada perpaduan.
- d. **Pendidikan** – Sistem sekolah pelbagai aliran sering ditafsir sebagai pemisahan etnik.
- e. **Bahasa** – Penguasaan Bahasa Kebangsaan yang tidak menyeluruh menyukarkan komunikasi dan pembinaan identiti nasional.
- f. **Jurang Generasi** – Perbezaan nilai, ideologi dan pengalaman hidup merenggangkan pemahaman antara generasi.
- g. **Gender** – Peranan lelaki dan wanita perlu dilihat sebagai pelengkap dalam agenda perpaduan.
- h. **Politik Federalisme** – Perdebatan berkaitan hak sosial, ekonomi dan etnik antara negeri dan Persekutuan boleh mencetus sensitiviti.
- i. **Ruang Bandar–Desa** – Jurang pola sosial dan ekonomi mempengaruhi tahap interaksi dan integrasi.
- j. **Media** – Penyalahgunaan media massa atau digital berpotensi menimbulkan polarisasi dan ketegangan.

Seperti kita sedia maklum, peranan utama Kementerian ini adalah untuk mewujudkan platform dan tapak integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa iaitu dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program.

Memahami defisit sosial ini penting bagi mempersiapkan negara menghadapi risiko perpecahan serta memastikan tindakan dasar lebih tepat, inklusif dan selari dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan kesiapsiagaan, kefahaman dan pengukuhan integrasi nasional.

Sehubungan dengan itu, pada tahun 2023, Kementerian Perpaduan Negara telah memperkenalkan satu kerangka penting yang dikenali sebagai **Kerangka Perpaduan Membangun Malaysia MADANI**. Kerangka ini menjadi asas kepada pendekatan strategik kementerian dalam memupuk perpaduan berlandaskan nilai-nilai MADANI.

Selaras dengan itu, kementerian mengguna pakai pendekatan **Perpaduan Dalam Kepelbagaian** sebagai fokus utama, dengan memberikan penekanan kepada **penghayatan semula Rukun Negara** termasuk pelaksanaan lafaz penuh ikrar Rukun Negara di sekolah, institusi pengajian tinggi, majlis rasmi kerajaan, Parlimen dan kini turut diperluaskan ke beberapa Dewan Undangan Negeri (DUN) serta pelaksanaan **inisiatif Eksplorasi Rukun Negara**.



Pada tahun ini, tema **'Harmoni Dalam Kepelbagaian'** diperkenalkan untuk meningkatkan keharmonian antara penganut agama di negara ini. Tema ini mencerminkan realiti masyarakat Malaysia yang majmuk, di mana perpaduan hanya dapat dicapai melalui penerapan nilai **Faham, Hormat, Terima dan Meraikan** antara satu sama lain.

Mengupas pencapaian tahun ini, rekod kementerian menunjukkan **sebanyak 762 program berjaya dilaksanakan setakat November 2025**, satu angka yang signifikan memandangkan majoriti inisiatif ini digerakkan **di peringkat komuniti setempat**, berfokus kepada **kawasan sasaran, penyertaan akar umbi, serta penglibatan langsung generasi muda**.



Pendekatan “*on-ground*” ini memastikan setiap program benar-benar menyentuh kelompok yang memerlukan intervensi perpaduan, bukannya berbentuk acara permukaan atau berskala besar semata-mata. Melalui strategi ini, usaha memupuk keharmonian menjadi lebih **tersasar, tepat kelompok, dan memberi impak nyata** kepada rakyat. Pencapaian ini berlandaskan kepada empat ikhtiar utama iaitu:

- I. **Ekosistem Perpaduan** – Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif, Sambutan Minggu Perpaduan, Liga Sukan Uniti, Inisiatif Cilik Perpaduan, MADANI Berkhidmat Misi Sukarelawan Siswa, Biasiswa Tunku Abdul Rahman dan Program Closing The Gap di PPR.
- II. **Inisiatif Harmoni MADANI** – Sambutan Keharmonian Sedunia, Dialog Harmoni, Perarakan Harmoni, Jejak Harmoni dan memperluaskan perkhidmatan mediator komuniti (603) serta penubuhan 2 buah Pusat Mediator Komuniti.
- III. **Eksplorasi Rukun Negara** – Sambutan 55 Tahun Rukun Negara, Program Gerak Integrasi Perpaduan, Pidato Rukun Negara, Citra Negaraku, Arkib Sekolah, Kempen Taat Setia Rukun Negara, Program Jalinan Integrasi Mahasiswa, dan Konvensyen Sekretariat Rukun Negara.
- IV. **Komuniti Sosiobudaya** – Citra Nusa Muzium, Majlis Mengenang Jasa Negarawan, Seminar Sejarah Lisan, Arkib Komuniti, Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium, Karnival Baca Perdana dan Festival Kaligrafi Perpaduan.

Sejak tahun 2023, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan dan jelas memperlihatkan bahawa **pembinaan Negara Bangsa** merupakan **matlamat akhir** kepada usaha **memperkukuh perpaduan nasional**.

Dalam **Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) 2026 - 2030**, Kementerian Perpaduan Negara telah diberikan mandat besar untuk menerajui Tonggak D1 iaitu **Pembentukan Negara Bangsa**. Penekanan utama diberikan kepada usaha membina sebuah negara bangsa yang berdaulat, bermaruah dan utuh, demi menjamin keharmonian, keamanan serta kestabilan negara.

Kita menyedari bahawa konsep **Negara Bangsa** mempunyai pelbagai tafsiran di peringkat akademik dan praktikal. Setiap negara menggunakannya mengikut sejarah dan konteks tersendiri. Misalnya:

- I. **Perancis** menekankan kesatuan berasaskan bahasa dan budaya tunggal, iaitu “united as one nation, one culture”.
- II. **India** pula menekankan pluralisme, di mana kepelbagaian etnik, agama dan bahasa diterima sebagai sebahagian daripada identiti nasional.
- III. **Singapura** menekankan integrasi melalui prinsip meritokrasi dan identiti nasional bersama, sambil menghormati kepelbagaian budaya dan agama.

Malaysia pula unik. Kita bukan negara homogen yang berasaskan satu bangsa atau satu budaya sahaja. Justeru itu, pendekatan kita adalah untuk **membina Negara Bangsa berdasarkan perkongsian identiti bersama**, di mana kepelbagaian budaya, agama, bahasa, dan sejarah rakyat Malaysia menjadi asas perpaduan.

Dalam konteks Malaysia, **konsep Negara Bangsa tidak boleh ditafsir secara sempit sebagai “satu kaum, satu budaya”**. Sebaliknya, negara bangsa Malaysia terbentuk daripada rakyat yang datang daripada pelbagai kaum,

agama, budaya dan bahasa, tetapi **bersatu di bawah satu identiti nasional yang dikongsi bersama**. Identiti inilah yang menjadi asas kepada perpaduan, kesejahteraan dan keharmonian negara

Kita juga sering mendengar istilah **“Bangsa Malaysia”**. Perlu difahami bahawa **Bangsa Malaysia** menekankan identiti individu sebagai rakyat Malaysia, merentas etnik dan agama. **Negara Bangsa** pula menekankan identiti nasional yang kolektif, iaitu rakyat Malaysia bersatu dalam aspirasi, nilai, dan tanggungjawab terhadap negara. Dengan kata lain, **Bangsa Malaysia adalah asas, Negara Bangsa adalah tujuan**. Tanpa asas yang kukuh, tujuan ini tidak mungkin tercapai.

Sehubungan itu, Kementerian Perpaduan Negara sedang melaksanakan sesi libat urus di seluruh negara bagi merangka **Pelan Tindakan Pembinaan Negara Bangsa**, disusuli penganjuran **Persidangan Pembinaan Negara Bangsa** pada tahun depan.

Kementerian juga angkat mengangkat tema **“Bersama Membina Negara Bangsa”** sebagai tema utama bagi tahun 2026 dalam penganjuran pelbagai program berimpak kepada rakyat Malaysia.

Kementerian Perpaduan Negara sentiasa komited melaksanakan pelbagai program yang berteraskan **kenegaraan, pembinaan jati diri dan pemeraksanaan nilai perpaduan khususnya dalam kalangan golongan belia**. Ini termasuk inisiatif yang bersifat pendidikan nilai, penghayatan sejarah, dialog antara kaum, serta aktiviti kesukarelawanan yang menyatukan pelbagai latar belakang etnik, budaya dan agama.

Sekian Terima Kasih.



BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK

13 DISEMBER 2025

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

PENDAHULUAN

Terlebih dahulu saya ingin rakamkan ucapan terima kasih kepada Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa kerana mengambil inisiatif untuk mengadakan **Bengkel Perancangan Strategik Tahun 2026** ini.

Syabas diucapkan kepada semua warga kerja Kementerian dan agensi dibawahnya atas komitmen tinggi pada tahun ini. Saya dimaklumkan bahawa kita telah **berjaya menganjurkan 762 program berimpak tinggi melalui empat ikhtiar utama iaitu Ekosistem Perpaduan, Harmoni MADANI, Eksplorasi Rukun Negara dan Komuniti Sosio-Budaya**. Ini adalah satu pencapaian amat membanggakan.



Hadirin yang saya hormati sekalian,

PERANCANGAN STRATEGIK

Perancangan strategik adalah langkah proaktif yang memastikan Kementerian kekal relevan, berdaya tahan, dan responsif terhadap perubahan dinamik masyarakat. **UNITY akan menjadi amalan kerja warga Kementerian Perpaduan Negara** bagi tahun 2026 dan dijadikan asas kepada perancangan strategik kementerian. Konsep ini merangkumi lima teras utama:

- I. **U – Understand (Fahami):** Memahami keperluan, realiti sosial dan budaya masyarakat pelbagai kaum bagi memastikan setiap program bersesuaian dengan konteks setempat.
- II. **N – Nurture (Bangunkan):** Membina nilai empati, toleransi dan persefahaman melalui pendidikan komuniti serta program akar umbi, menjadikan rakyat lebih peka terhadap kepelbagaian.
- III. **I – Integrate (Satukan):** Menyatukan pelbagai pihak termasuk kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, komuniti, sekolah dan sektor swasta bagi pelaksanaan program yang menyeluruh.
- IV. **T – Transform (Ubah):** Menjadikan setiap intervensi sebagai pemangkin kepada perubahan sosial positif yang berterusan dan memberi impak jangka panjang.
- V. **Y – Yield (Ukur keberhasilan):** Mengukur kejayaan secara nyata melalui peningkatan interaksi antara kaum, penglibatan komuniti dan impak sosial yang dapat dirasakan oleh rakyat.

Saya sekali lagi ingin tekankan bahawa **Kementerian harus memberikan tumpuan kepada pelaksanaan dasar/ polisi/ pelan tindakan serta penggubalan garis panduan/ rang undang-undang/ modul dan kajian.** Manakala kesemua Jabatan dan Yayasan menjadi pelaksana program-program (*program implementer or program executor*) dalam usaha mewujudkan tapak integrasi kepada rakyat Malaysia.



Bagi tahun 2026, walaupun 2025 menyaksikan pelaksanaan pelbagai program, kita perlu menilai secara kritikal: adakah usaha kita benar-benar sampai kepada rakyat? Adakah kesan yang dihasilkan bersifat mendalam, atau masih ada pihak yang mempersoalkan fungsi Kementerian Perpaduan Negara? Oleh itu, terdapat beberapa perkara yang perlu ditangani segera pada 2026:

- I. **Program berkesan dan berterusan** – Setiap inisiatif mesti memberi impak nyata, bukan sekadar simbolik atau *'touch and go'*. Tiada lagi acara sekali sahaja (*'one-off event'*). Contohnya, Program Gerak Integrasi Perpaduan (GRIP) Kelab Rukun Negara yang dilancarkan di Pahang perlu dilaksanakan secara bersiri di negeri lain, memastikan capaian meluas kepada belia serta membina kesinambungan jangka panjang.
- II. **Anjakan paradigma kementerian dan pendekatan berasaskan impak** – KPN perlu berperanan sebagai policy leader dan social analyst, dengan kepakaran dalam social impact assessment, serta menumpukan kepada keberkesanan dasar dan program, bukan sekadar pengurusan acara semata-mata.
- III. **Memperkasa naratif yang mampan** – Semua inisiatif mestilah selaras dengan fokus utama, contohnya Negara Bangsa, tanpa kempen atau tagline lain yang bercanggah.
- IV. **Sistem penilaian program berstruktur** – Wujudkan mekanisme seperti Return on Values (ROV), Return on Impact (ROI) dan Social Impact Assessment (SIA) untuk menilai hasil secara objektif, menggantikan pendekatan semasa yang hanya menggunakan tinjauan umum dan KPI generik.

Saya juga berharap segala perkara yang dibincangkan di sini menjadi kenyataan. Hal ini kerana, saya lihat inisiatif Harmoni Dalam Kepelbagaian kurang berjaya, tidak digerakkan secara meluas oleh Kementerian khususnya berhubung Dialog Harmoni, Jejak Harmoni dan Wacana Harmoni. **Tema sudah bagus tetapi implementation rendah dan tidak berkesan.** Perkara ini harus diteliti oleh semua.

“

**UNITY akan menjadi amalan
kerja warga Kementerian
Perpaduan Negara bagi tahun
2026 dan dijadikan asas
kepada perancangan strategik
kementerian.**

”

Selain itu, **takwim yang dirancang turut tidak diikuti oleh semua.** Program dirancang seringkali kurang diberikan perhatian apabila muncul adhoc events. Bagi saya, inisiatif Kementerian yang diputuskan dalam bengkel serta takwim harus diberikan perhatian utama. Hal ini kerana supaya kita dapat menjayakan matlamat yang ditetapkan bagi tahun tersebut serta mengelakkan fokus menjadi celaru.

BERSAMA MEMBINA NEGARA BANGSA

Sejak tahun 2023, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan dan jelas memperlihatkan bahawa **pembinaan Negara Bangsa** merupakan **matlamat akhir** kepada usaha **memperkukuh perpaduan nasional.**

Dalam **Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) 2026 - 2030**, Kementerian Perpaduan Negara telah diberikan mandat besar untuk menerajui **Pembentukan Negara Bangsa.** Penekanan utama diberikan kepada usaha membina sebuah negara bangsa yang berdaulat, bermaruah dan utuh, demi menjamin keharmonian, keamanan serta kestabilan negara.

Sehubungan itu, saya mohon agar Bahagian Kesepaduan Nasional memberikan tumpuan utama dalam hal ini serta menggerakkan beberapa perkara seperti :

- I. Tafsiran Negara Bangsa untuk Malaysia** – Menentukan definisi yang sesuai dan relevan dengan konteks Malaysia, supaya ia dapat diterima oleh semua rakyat tanpa mengira latar belakang etnik, agama, atau budaya.
- II. Kerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka** – Memastikan tafsiran dan istilah berkaitan negara bangsa disusun dengan bahasa yang tepat,

jelas, dan mudah difahami, serta dapat diterapkan dalam dokumen rasmi, pendidikan, dan komunikasi awam.

III. Memperhalusi Konsep Persidangan

–memperkemas konsep dan struktur Persidangan Negara Bangsa. Sebelum ke Persidangan, kita harus menjalankan sesi Townhall bersama pemegang taruh Kementerian (pakar akademik, aktivis, agensi kerajaan, wakil Kementerian-Kementerian, belia, media, ahli politik). Saya juga harap Persidangan Negara dilaksanakan pada Oktober 2026.

IV. Menyediakan Draf Pelan Tindakan Pembinaan Negara Bangsa

– Menghasilkan dokumen awal yang menyenaraikan inisiatif, program, dan aktiviti yang akan dilaksanakan sebagai langkah menyokong pembinaan negara bangsa.

Oleh itu, saya ingin mengangkat tema **“Bersama Membina Negara Bangsa”** sebagai tema utama bagi tahun 2026 dalam penganjuran pelbagai program berimpak kepada rakyat Malaysia. Melalui tema Membina Negara Bangsa, Kementerian perlu memberikan fokus kepada lima kluster tumpuan iaitu **Tunas MADANI, Harmoni MADANI, Komuniti MADANI, Rakyat MADANI dan Warisan MADANI.**

Perincian wish list saya, saya yakin telah diberikan kepada semua bahagian dan Jabatan. Jadi saya tidak akan sebut satu per satu. Boleh rujuk dokumen tersebut.

Jadi untuk tahun 2026, akan ada dua program utama Kementerian Perpaduan Negara iaitu **Persidangan Negara Bangsa dan Sambutan Minggu Perpaduan.** Untuk makluman, dalam sidang media dan temubual BERNAM baru-baru ini saya telah mengumumkan bahawa **Sambutan Minggu Perpaduan 2026**

peringkat negeri akan dilaksanakan secara zon (Zon Utara, Zon Timur, Zon Tengah, Zon Selatan, Sarawak) dan peringkat kebangsaan di Negeri Sabah. Antara justifikasi adalah :

- I. Mengelakkan pembaziran kewangan. Kerana penglibatan peringkat negeri menelan kos tinggi tetapi kehadiran pengunjung masih rendah.
- II. Kapasiti tenaga kerja warga Kementerian *limited*. Pelbagai program lain perlu diurus seperti Persidangan Negara Bangsa, Sambutan Hari Raya, Wesak, Deepavali etc.
- III. Melalui zon kita dapat laksanakan lebih meriah dan tersusun dengan pelbagai aktiviti.



Hadirin yang saya kasihi sekalian,

HALA TUJU 2025

Satu elemen yang amat penting dalam pembangunan dan pengurusan sesebuah kementerian, iaitu **tadbir urus yang baik**.

Saya juga memohon agar YBhg Datuk Seri KSU dapat memberikan **perhatian khusus berhubung perihal tadbir urus**. Antara perkara yang perlu disegerakan dan dilaksanakan pada tahun hadapan adalah:

I. AKTA/DASAR/POLISI

- Rang Undang-Undang Muzium (fokus kepada Wilayah Persekutuan);
- Pindaan Akta Arkib Negara;
- Penggubalan Dasar Sukarelawan Nasional;
- Cadangan untuk mewujudkan RUU Keharmonian Sosial dan Tanggungjawab Digital;
- Penambahbaikkan Dasar Perpaduan Negara dan Pelan Tindakan Perpaduan dengan memasukkan elemen Negara Bangsa;
- Cadangan menubuhkan Pangkalan Data Koleksi Artifak Kebangsaan;
- Menyegerakan Piagam Harmoni dengan kerjasama IKIM; dan
- Pelan Induk Pembinaan Negara Bangsa.

II. MAJLIS

- Memperkasa peranan dan fungsi Majlis Sejarawan Negara.

III. SUMBER MANUSIA

- Penjawatan pegawai perpaduan di daerah terutamanya di Sabah dan Sarawak;
- Teliti cadangan/keperluan (jika perlu) untuk mewujudkan jawatan TKP 2 PNM memandangkan skop PNM luas merangkumi pelbagai pusat, 506 Perpustakaan Desa, 4 Perpustakaan Komuniti, dan perpustakaan awam Perlis;
- Mengambil alih Jabatan Warisan Negara bagi memantapkan kluster warisan dan Skim S di Kementerian Perpaduan Negara.

IV. PENGURUSAN ISU PERPADUAN

- Pengurusan konflik sosial lebih efektif melalui pelancaran PRISMA (integrasi maklumat esepakat, RAKAN, dashboard analitik isu perpaduan, dashboard orang awam, jentera perpaduan, skor IPNas dan pemetaan hotspot area);
- Mewajibkan JPIP bersidang setiap bulan sekali;
- Pembentangan kompilasi data isu perpaduan secara bulanan kepada Jemaah Menteri. Gabungan data RAKAN, PDRM dan SKMM;
- Garis Panduan Komunikasi Sensitif Kaum & Agama untuk Agensi Awam, Ahli Politik dan Media yang menetapkan sempadan komunikasi rasmi, iklan, dan kandungan supaya tidak menyinggung sensitiviti kaum.

PENUTUP

Saya yakin bahawa **bengkel ini akan menjadi pemangkin kepada keberhasilan kementerian dalam mencapai matlamat strategik.**

Justeru, saya menyeru kepada semua peserta untuk memberikan komitmen penuh, berfikiran terbuka, dan aktif menyumbang idea demi kebaikan bersama.

Sekian, Terima Kasih.



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA